Bil. 22

Selasa
11 Disember 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2013 (Halaman 27)

USUL:
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 52)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*"
20. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. " Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menter*
23. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
24. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
25. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
26. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
30. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
31. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)

32. Yang Berhormat Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz
– *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*

33. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*

36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)

37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)

38. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)

39. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

40. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)

41. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

42. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

43. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

44. " Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

45. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)

46. " Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*

47. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)

48. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)

49. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)

50. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)

51. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)

52. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)

53. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)

54. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

55. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

56. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)

57. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)

58. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 11 Disember 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Kesihatan menyatakan, dengan penambahan *'in patient'* di hospital-hospital kerajaan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bilangan katil mencukupi dan memenuhi syarat *World Health Organization Standard.*

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang prihatin dengan perkara yang dibangkitkan dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan katil bagi memenuhi keperluan rakyat secara berperingkat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, WHO tidak meletakkan satu norma global bagi jumlah bilangan katil hospital berhubung dengan jumlah penduduk sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, matlamat kementerian adalah untuk mencapai nisbah dua katil per *1,000 population,* per 1,000 penduduk dalam masa yang akan datang. Bilangan katil di hospital-hospital kerajaan secara keseluruhannya telah meningkat tahun demi tahun. Saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pada tahun 2010, sebanyak 37,793 buah katil dengan nisbah katil per *1,000 population* adalah 1.33. *That means, 1.33 is to 1,000 populations*. Tahun 2011, jumlah keseluruhan katil adalah sebanyak 38,394 buah katil dengan nisbah 1.33. Tahun 2012, bilangan katil di hospital kerajaan telah meningkat kepada 39,393 dengan nisbah 1.34.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengambil kira jumlah katil keseluruhan hospital kerajaan dan *facility* hospital kesihatan swasta kerana hospital kerajaan sahaja tidak mencukupi untuk memberikan perkhidmatan secara keseluruhannya. Pada tahun 2010, bagi hospital swasta dan juga hospital kerajaan campur kedua-duanya sekali, jumlah katil adalah 50,979 buah katil dengan nisbah katil 1.79 per *1,000 population.* Tahun 2011, jumlah katil meningkat kepada 51,962 buah katil dengan nisbah katil 1.79 *per 1,000 population.* Bagi tahun 2012 tahun ini, jumlah katil juga terus meningkat kepada 52,897 buah katil dengan nisbah katil 1.8 per *1,000 population.* Ia hendak hampir-hampir dengan matlamat kita iaitu dua katil per *1,000 population.*

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi memastikan bilangan katil adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat dengan pembinaan hospital atau institusi-institusi baru dengan gantian dan gantian serta menaik taraf hospital-hospital yang sedia ada. Perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan menaik taraf hospital-hospital kerajaan, adalah satu proses yang berterusan di kementerian bagi memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan perubatan dan keperluan serta kesihatan rakyat sentiasa terjamin. Sekian, terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir untuk menjawab pada pagi ini *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya, saya ada terbaca di dalam *Malaysian Business* pada bulan Ogos, yang mengatakan bahawa di Malaysia, *ratio* kita adalah 19.3 buah katil bagi setiap 10,000 populasi yang mana saranan WHO adalah pada kadar 33 buah katil. Jadi, kita masih kekurangan *about 40 peratus over.* Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan kemudahan *in patient* di klinik-klinik awam bagi merawat pesakit *in patient* yang tidak berapa kronik yang mana di hospital kita boleh *cater* untuk pesakit yang lebih kronik dan memerlukan rawatan.

Soalan saya yang seterusnya yang kedua iaitu, kalau kita tahu kemudahan di ICU yang mana ICU hanya mempunyai 10 sehingga 20 buah katil sahaja dalam ICU. Jadi, apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian di bawah peruntukan tambahan kecemasan sebanyak RM158 juta bagi meningkatkan kemudahan dan alat perlindungan kesihatan di hospital kerajaan, memandangkan hanya ada kira-kira 350 buah katil sahaja di semua hospital seluruh negara? Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Berhubung dengan pertanyaan *in patient* di klinik-klinik, memang hasrat kerajaan adalah untuk menambahkan bilangan katil di hospital kerana perkhidmatan *in patient* selalunya di hospital. Kecuali di klinik-klinik di kawasan luar bandar, kita juga menyediakan *in patient clinic* di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak, kerana perjalanan jauh dan juga masalah pengangkutan.

■1010

Bagi *ICU bed*, kita masih lagi menghadapi kekurangan kerana setiap *ICU bed* memerlukan peruntukan yang besar, kelengkapan dan juga alat-alat yang lebih canggih. Tambahan pula bukan sahaja dari segi kelengkapan, ia juga memerlukan dari segi jururawat *post basic* yang mencukupi dan juga pakar-pakar dalam sesuatu bidang terutama sekali di *emergency*, kita perlukan *trauma specialist* dan juga pakar-pakar bidang yang lain untuk memastikan *ICU bed* dapat dijaga dengan baik.

Oleh itu memang dalam usaha kerajaan untuk terus meningkatkan bilangan *specialist* dalam negara kita. Kita masih lagi menghadapi kekurangan doktor pakar. Dari segi doktor biasa MO, kita sudah dekat dengan sasaran kita iaitu *recommendation WHO, 1 doctor : 600 population,* sekarang dah dekat *1 doctor : 790 population.*

So by the year 2015, we should be able to reach target of- one is to 600 doctor population ratio tetapi dari segi doktor pakar kerana seluruh negara kita hanya ada lebih kurang 5,000 doktor pakar sahaja, *very short* dan kita berharap kita dapat terus meningkatkan bilangan doktor pakar dan juga kita dapat meningkatkan bilangan katil ICU. Ini memang komitmen kerajaan untuk terus menambahkan bilangan *ICU bed* dalam semua hospital kerajaan.

Oleh itu, kita juga sekarang berusaha untuk menghantar doktor-doktor pakar ke hospital-hospital daerah kerana sekarang memang kita ada banyak hospital di peringkat negeri yang mempunyai *ICU bed*. Disebabkan hospital daerah tidak ada doktor pakar, maka kita tidak dapat mewujudkan *ICU bed*, bukan kerana peruntukan sahaja, bukan masalah peruntukan sahaja, adalah masalah kekurangan doktor pakar dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, tahniah Yang Berhormat Menteri yang datang menjawab. Saya ingin tahu adakah pihak kementerian mengawal harga ataupun bayaran yang dikenakan oleh pihak hospital swasta, bagi setiap katil dan juga bagi setiap bilik. Ini kerana ada kalanya, saya lihat harga yang dikenakan oleh pihak hospital swasta bagi setiap bilik tidak munasabah, kadang-kadang bilik itu saya lihat dua bintang sahaja tarafnya, dikenakan bayaran sehingga lima bintang kalau dibuat perbandingan dengan sebuah bilik hotel.

Kedua, bolehkah pihak hospital swasta memasukkan seorang pesakit yang memerlukan katil ke wad yang sepatutnya bukan untuk pesakit tersebut. Saya bagi contoh, oleh kerana kekurangan katil di hospital tersebut, baru-baru ini sahabat saya sakit belakang agak kronik juga tetapi dimasukkan ke wad bersalin atas alasan katil di wad-wad lain sudah penuh. Jadi adakah satu *ethic* bagi sebuah hospital swasta melakukan sedemikian. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Berhubung dengan kawalan harga di hospital swasta. Kita memang ada satu unit Bahagian Amalan Perubatan yang mengawal dan menyelia kualiti dan juga perkhidmatan semua hospital swasta dan juga klinik-klinik swasta dalam negara kita. Melalui Akta Perubatan 1971, kita ada *schedule fees for all doctors.* Semua bayaran kepada doktor adalah dikawal dan ia ada maksimumnya, tidak boleh melebihi harga maksimum.

Akan tetapi dari segi hospital *fees*, kebanyakannya terpulang kepada *market demand*, terpulang pada keperluan swasta dan pasaran di mana mereka boleh membuat aduan.

Sekiranya pesakit-pesakit mendapati harga yang dicaj kepada pesakit itu keterlaluan, maka mereka boleh membuat aduan kepada Kementerian Kesihatan dan kita boleh mengambil tindakan. Memang kementerian mempunyai proses untuk mengambil tindakan kepada mana-mana hospital termasuk *fee* keterlaluan, termasuk kalau doktor caj *fee* yang berlebihan juga boleh diambil tindakan.

Berhubung dengan katil yang dimasukkan kepada wad yang tidak sesuai, memang kita tidak menggalakkan perkara ini berlaku dan boleh juga buat aduan kepada Kementerian Kesihatan dan kita boleh siasat kes tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Yang Berhormat Menteri sendiri yang hadir pada pagi ini, maka saya benarkan satu lagi pertanyaan. Silakan Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, kita sudah apabila di campur dengan swasta, ada 1.8 yang menghampiri sasaran tetapi belum lagi cukup. Pertanyaan tambahan saya ialah adakah kerajaan mempunyai persediaan untuk memberikan rawatan dalam bentuk serangan wabak ataupun sesuatu malapetaka yang mungkin berlaku pada masa akan datang, supaya rawatan dapat diberikan dengan segera dan untuk semua hospital-hospital sama ada di peringkat daerah ataupun negeri. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Berhubung dengan penyakit berjangkit ataupun sesuatu wabak yang merebak dengan cepat. Contohnya berlaku pada tahun 2009, wabak H1N1. Apabila ia merebak dengan cepat, kita mempunyai satu sistem kawalan penyakit berjangkit yang cukup cekap dalam negara kita. Kita telah pun ada satu pasukan khas, di mana semua klinik desa sekarang sentiasa memantau keadaan setiap masa. Apabila kita dapati sesuatu kawasan daerah mempunyai peningkatan penyakit berjangkit yang meningkat, contohnya denggi ataupun selesema ataupun batuk yang meningkat di kawasan itu sahaja, serta-merta di pusat Kuala Lumpur kita akan dapati bahawa ada sesuatu yang luar biasa di kawasan sana dan kita akan masuk dan kita akan siasat dengan cepat. Oleh itu *the civilian's team on the ground is very effective*.

Saya hendak maklumkan bahawa kita dapat mengesan apa juga penyakit yang ada dalam negara kita dengan cepat dan kita juga mempunyai kawalan yang rapi dari segi *isolation.* Contohnya H1N1 berlaku, apabila kita membuat *isolation* pesakit kita, kita juga dapat kawal keadaan sehinggakan pada 2009/2010, wabak AH1N1 telah dapat kita kawal dengan begitu baik dan mendapat pujian daripada WHO sendiri. Ketua Pengarahnya, Margaret Chan sendiri masuk dalam negara kita dan mendapati bahawa sistem kita cukup baik dari segi kawalan penyakit berjangkit. Akan tetapi saya hendak maklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian, walaupun kawalan penyakit wabak berjangkit kita baik tetapi saya hendak minta kerjasama semua bahawa kawalan penyakit tidak berjangkit kita masih lagi kurang kerana penyakit tidak berjangkit seperti darah tinggi, kencing manis dan sakit jantung, ini kes berat sikit.

Kementerian Kesihatan sentiasa memberi nasihat yang banyak, nasihat kita kepada gaya hidup sihat, pemakanan sihat, jangan merokok, kita kena tangani stres tetapi nampaknya nasihat-nasihat ini tidak diambil dengan begitu serius dan penyakit tidak berjangkit ini meningkat dengan tinggi sekarang. Sekarang sudah tukarlah, penyakit berjangkit dah kawal, penyakit tidak berjangkit pula meningkat. Kita minta kita kena buat kempen secara bersama-sama, Ahli-ahli Yang Berhormat tolong kita di peringkat akar umbi, maklumkan kepada orang awam bahawa kita perlu mencegah apa juga penyakit tidak kiralah penyakit berjangkit ataupun tidak berjangkit, kita kena pastikan kita dapat kawal keadaan dengan baik. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke soalan Datuk Chiw Tiang Chai, silakan Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat Datuk Chiw dah memaklumkan semalam pada Tuan Yang di-Pertua berkenaan beliau ada urusan pagi ini. Jadi saya mohon untuk wakil beliau...

Timbalan Yang di-Pertua: Dia ada tulis surat, dia ada beritahu?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ada pada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah teruskan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Jadi saya kemukakan soalan Datuk Chiw, soalan nombor dua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

■1020

2. Tuan Baharudin bin Abu Bakar *[Di Bawah P.M. 23(2)]* minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah mekanisme bakal diguna-pakai di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam usaha memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama oleh semua peringkat masyarakat berbilang kaum.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sasaran jangka panjang Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang termaktub dalam laporan awal PPPM 2013-2025, adalah untuk menjadikan semua aliran sekolah terutamanya sekolah kebangsaan sebagai institusi kecemerlangan pendidikan dari semua segi seperti prasarana, disiplin dan keselamatan murid, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat, kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Justeru, memperkasakan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan adalah penting kerana ia institusi utama untuk membina perpaduan melalui pendidikan. Akan tetapi dalam masa yang sama, ini tidak bermakna kualiti sekolah-sekolah aliran lain diketepikan.

Merujuk kepada mekanisme yang digunakan, PPPM telah menggariskan 11 anjakan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan dan semua aliran sekolah yang lain seperti berikut:

(i) menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa;

(ii) memastikan setiap murid profesion dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris;

(iii) pengukuhan penghayatan nilai, transformasi keguruan;

(iv) kepimpinan berprestasi di setiap sekolah, mengupayakan JPN dan PPD, memanfaatkan ICT;

(v) mentransformasikan kebolehupayaan dan kapasiti penyampaian;

(vi) bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas;

(vii) memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit; dan

(viii) meningkatkan ketulusan untuk akauntabiliti awam secara langsung.

Di samping itu, di dalam memperkasakan sekolah kebangsaan dan sekolah aliran lain, kemudahan prasarana juga diutamakan. Termasuk seperti penyediaan asrama desa yang berkualiti, guru opsyen yang mencukupi, rumah guru dan lain-lain. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ialah di antara sebab-sebab mengapa ibu bapa lebih minat menghantar anak-anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan Cina ialah kononnya standard disiplin di sekolah-sekolah ini lebih tinggi daripada standard di sekolah kebangsaan biasa. Salah satu lagi ialah mata pelajaran sains ataupun standard mata pelajaran sains dan matematik di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina lebih tinggi juga. Apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya perlu perjelaskan di sini. Kalau kita merujuk kepada sekolah-sekolah berprestasi tinggi dan sekolah '*new deals*', majoriti daripada sekolah ini adalah sekolah kebangsaan.

Sebagai contohnya, sehingga setakat ini kita melihat sekolah berprestasi tinggi, terdapat 66 buah sekolah yang sudah pun diberi naik taraf sebagai sekolah SBT dan sekolah '*new deals'* ialah sebanyak 527 buah. Kebanyakan sekolah ini majoritinya adalah sekolah kebangsaan. Jadi, untuk kita membandingkan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat terutamanya dalam isu disiplin, ia masih subjektif sebenarnya.

Kalau Yang Berhormat merujuk kepada Bajet 2013, pertama Yang Berhormat Perdana Menteri memaklumkan penubuhan apa yang disebut sebagai *Education Delivery Unit.* Ini sesuatu yang baru sebenarnya untuk kita memperkasakan pendidikan di negara kita. Kedua ialah soal menyediakan satu dana khas untuk meningkatkan keupayaan guru-guru dalam mata pelajaran tertentu terutamanya Sains, Matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jadi, sebab itu pada saya tidak timbul soal bahawa isu disiplin di SJK(C) dan mata pelajaran Sains dan Matematik di SJK(C) itu sebagai punca mengapa ada sebahagian ibu bapa terutamanya di kalangan pelajar Melayu di hantar ke SJK(C). Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau semua ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan dan kita secara beransur-ansur akan mempunyai satu sistem pendidikan satu aliran tetapi ini tidak berlaku dan kemungkinan ia tidak berlaku dalam masa yang terdekat. Mungkin 50 tahun daripada sekarang. Soalan saya ialah mengapakah pada pandangan Yang Berhormat, masih sangat kurang pelajar-pelajar ataupun ibu bapa yang bukan Melayu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah rendah kebangsaan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, pertama perlu saya tegaskan di sini bahawa pendirian kerajaan dalam soal ini ialah kita akan mempertahankan sekolah-sekolah pelbagai aliran ini. Akan tetapi dalam masa yang sama kita memang akan memastikan bahawa sekolah kebangsaan tetap menjadi pilihan kerana ini adalah perkara yang kita rasa tidak perlu kita polemikkan. Ini kerana perkara ini adalah perkara yang sudah kita persetujui sekian lama.

Oleh sebab itulah di dalam PPPM iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dalam laporan awal kita untuk 2013-2025 ini disebut dengan jelas tentang pendirian kita untuk memastikan semua sekolah pelbagai aliran ini diberikan perhatian dan tidak ada yang akan terpinggir. Maka, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tentang soal ibu bapa masih lagi mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah SJK(C) sebagai contohnya. Pada saya ini adalah pilihan ibu bapa. Oleh sebab itu pada saya, apa pun yang pentingnya adalah soal kualiti pendidikan di seluruh negara kita ini dipertingkatkan dan berdaya saing.

Oleh sebab itulah kita melakukan satu transformasi yang menyeluruh kepada sistem pendidikan kita ini. Barangkali juga perlu saya perjelaskan di sini bahawa kita yakin bahawa dengan pendekatan SBT dan pendekatan New Deal ini akan menjadikan persepsi ini berubah iaitu bahawa sebenarnya tidak ada sebab juga barangkali ibu bapa berasa sangsi tentang keupayaan dan kemampuan sekolah-sekolah kebangsaan ini. Terima kasih.

3. Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, kebanjiran iklan-iklan pinjaman berlesen, khidmat urut dan sebagainya yang dilekatkan di merata tempat, sedikit sebanyak mencacatkan usaha pihak DBKL untuk menjadikan Kuala Lumpur setaraf dengan bandar raya lain di dunia. Sejauh mana usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak DBKL untuk mengatasi masalah ini memandangkan tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab ini masih berleluasa.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengambil tindakan secara berterusan di dalam usaha menangani masalah pemasangan ataupun penampalan iklan tanpa lesen. Tindakan membuka dan menurun iklan berkenaan dilaksanakan hampir setiap hari di sekitar Kuala Lumpur bagi memastikan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa bersih dari iklan berkenaan.

Bentuk tindakan yang dijalankan adalah melalui penurunan iklan, memadam dengan menggunakan cat serta mengikis pelekat. Ini merupakan tindakan berterusan yang dijalankan oleh DBKL ke atas iklan-iklan yang dipamerkan yang kebanyakannya merupakan iklan awam termasuk yang berbentuk iklan memberi pinjaman wang serta aktiviti urut.

■1030

Pada tahun 2011, hampir 500,000 unit iklan telah diturunkan manakala sepanjang tahun 2012 sehingga bulan Oktober sahaja, terdapat sebanyak 955,548 unit iklan yang telah diambil tindakan. Selain itu DBKL turut mendapatkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menamatkan nombor telefon yang dipaparkan di iklan berkenaan. Ini sebagai langkah bagi menambah lagi keberkesanan tindakan selain daripada tindakan menurunkan iklan berkenaan.

Sehingga bulan Oktober 2012, sebanyak 726 nombor telefon telah dikemukakan kepada SKMM untuk penamatan nombor. Seterusnya DBKL juga turut menguatkuasakan Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1982 dan Undang-undang Kecil Vandalisme (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991, penalti bagi kesalahan sebagai diperuntukkan dalam undang-undang ini apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 ataupun penjara tidak melebihi satu tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Sebanyak 470 notis kesalahan telah dikeluarkan sepanjang tempoh Januari hingga Oktober 2012 yang membabitkan kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen di bawah Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1982. Sebagai langkah penambahbaikan dan proaktif pada permasalahan pengiklanan haram tersebut, kementerian ini juga melalui Yayasan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan kaedah pengiklanan melalui e-bunting.

Pelaksanaan e-bunting ini adalah untuk membolehkan mana-mana pihak mengiklankan produk-produk mereka sama ada dari agensi kerajaan, korporat, swasta mahupun individu. Selaras dengan menggalakkan penggunaan e-bunting ini juga, pihak kementerian bersama dengan Yayasan Wilayah Persekutuan sedang menyediakan garis panduan untuk mempertimbangkan pemberian insentif-insentif tertentu kepada industri kecil dan sederhana yang menggunakan e-bunting sebagai medium pengiklanan pada produk-produk mereka kelak.

Selain daripada mengemas dan mengurangkan pengiklanan melalui banting konvensional yang banyak memberi masalah terutama dari segi kebersihan dan pengindahan bandar raya, pengiklanan melalui e-bunting ini juga merupakan satu kaedah untuk mengelakkan pengiklanan haram yang banyak mencemarkan dan mengotorkan Bandaraya Kuala Lumpur. Seterusnya kementerian ini berharap agar penggunaan e-bunting ini akan mendapat sambutan yang baik yang akhirnya memberi faedah kepada pengguna dan juga kerajaan. Sekian.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih yang jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Agak panjang lebar juga kita tahu berkenaan dengan iklan-iklan haram ini. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi penyataan tadi, *enforcement* kita lakukan dari segi pemeriksaan dan sebagainya bermaksud kita memerlukan banyak tenaga atau pekerja ataupun staf-staf yang melakukan kerja-kerja ini di sekitar Kuala Lumpur dengan jumlah yang ratusan ribu. Jadi apa yang ingin saya persoalkan di sini berkenaan dengan *enforcement* atau tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai vandalisme ini dari kategori yang macam mana pihak DBKL ataupun pihak kementerian telah lakukan terhadap mereka yang melakukan iklan-iklan haram ini?

Dalam masa yang sama, penyelarasan berkenaan dengan konteks pengiklanan e-bunting ini pun satu dari segi kebersihan dan juga matlamat DBKL untuk menjadikan Wilayah Persekutuan ini menjadi lebih berkeadaan nampak lebih cantik pun, ini satu inisiatif yang baik. Jadi saya pun perlu juga sarankan kepada pihak kementerian apabila wujudnya pengiklanan e-bunting ini maka perlu juga dikawal tentang iklan-iklan yang akan masuk ke dalam itu dan jangan ada lagi iklan ubat kuatlah, iklan itu dan ini dan sebagainya perlu juga ada penapisan terhadap iklan-iklan tersebut sebab bila dah di bawah prasyarat- prasyarat tertentu.

Jadi saya mohonlah kepada pihak kementerian terutamanya berkenaan dengan syarikat-syarikat yang telah dikenakan tindakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan sahaja Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Soalan saya ialah syarikat-syarikat yang telah dikenakan tindakan terhadap pengiklan haram ini, berapa jumlahnya dan kalau perlu kuatkuasakan biar tambah lagi supaya di KL ini jangan kotor?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi, saya sudah sebut juga berapa jumlah mereka yang telah diambil tindakan. Kita telah bekerjasama dengan SKMM, oleh kerana banyak daripada iklan haram yang ditampal khususnya yang berkait dengan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat ini, ada nombor telefon dia. Jadi kita telah bekerjasama dengan SKMM untuk menamatkan nombor telefon ini dan mengambil tindakan pada mereka yang menggunakan telefon ini.

Ada juga di bawah Undang-undang Kecil Iklan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Undang-undang Vandalisme (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991, kita telah mengenakan 470 notis kesalahan. Jadi tindakan itu diambil secara berterusan dan memang keseluruhan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mampu untuk mengawal keseluruhan mereka yang tampal benda-benda haram baik atas dinding-dinding ataupun pokok-pokok dan lain-lain.

Itu yang penting Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah buat kerjasama dengan Persatuan Penduduk Tempatan untuk membuat gotong-royong untuk menanggalkan iklan-iklan haram ini. Jadi kita berharap dengan kerjasama ini, persatuan-persatuan penduduk juga akan memainkan peranan untuk menanggalkan dan juga buat operasi bukan hanya bersama tetapi atas inisiatif mereka sendiri untuk menanggalkan poster ataupun iklan-iklan haram ini.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Mohon soalan tambahan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara kita faham masalah yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya berhubung dengan iklan-iklan yang tidak begitu sihat iaitu soalan Yang Berhormat Tuan Baharudin itu. Saya juga mendapat komen daripada mereka yang berkenaan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengambil masa yang agak panjang untuk memberi kelulusan untuk membina, meletakkan iklan dan sebagainya seperti iklan untuk menjual hartanah dan sebagainya.

Sungguhpun saya tahu Yang Berhormat boleh jadi tidak dapat memberi jawapan dengan secara *oral*, kalau bertulis pun tidak apalah. Soalan saya ialah berapa lamakah Dewan Bandaraya mengambil masa untuk memberikan kelulusan apabila satu-satu *application* dibuat untuk membuat satu-satu iklan yang sihat? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya akan beri jawapan secara bertulis. Namun saya rasa, kebanyakan iklan-iklan yang ditampal-tampal di sekitar Kuala Lumpur ini adalah iklan-iklan yang tidak bertauliah. Jadi soal kebenaran memang tidak diberi dan memang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak menggalakkan terlalu banyak sangat banting ataupun iklan-iklan dipasang termasuk oleh pihak swasta kerana ia akan mencemarkan- termasuk juga oleh pemaju-pemajulah bukan hanya mereka daripada yang buat ubat kuat ataupun hendak buat urut ya tetapi juga pemaju-pemaju juga tidak digalakkan kecuali di lokasi-lokasi tertentu.

Kadangkala ada permohonan daripada pihak swasta, korporat untuk meletakkan di tempat yang akhirnya kadangkala keindahan yang ada di persekitaran itu akan tercemar. Jadi inilah sekarang diawasi dengan ketat oleh DBKL dan secara umumnya kita minta mereka bekerjasama dengan Yayasan Wilayah Persekutuan.

■1040

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Undang-undang Kecil Iklan, apakah syarat-syarat bagi pengeluaran lesen iklan yang digunakan terutamanya bagi syarat lesen iklan jenis *billboard*. Kalau ikut Undang-undang Kecil Iklan biasanya akan ada peruntukan berkenaan dengan penggunaan Bahasa Melayu dan tulisan rumi. Setakat ini di bawah Undang-undang Kecil Iklan ini berapakah *billboards* yang diambil tindakan yang diturunkan iklan, yang tidak menepati syarat penggunaan tulisan rumi dan juga Bahasa Kebangsaan?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat, saya akan hantar secara bertulis. Terima kasih.

4. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah Transformasi Pendidikan Nasional 2013-2025 telah memberi perhatian kepada kepentingan sekolah agama rakyat di negara ini terutama dalam menyediakan prasarana dan silibus yang bersesuaian dengan aliran sekolah arus perdana.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu kaedah Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memberikan perhatian kepada kepentingan sekolah agama rakyat di negara ini ialah dengan menggalakkan lebih banyak lagi sekolah agama rakyat tersebut berdaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) bagi memastikan pelaksanaan pendidikan di sekolah-sekolah tersebut berkualiti dan cemerlang.

Di samping itu Kementerian Pelajaran juga berusaha menjadikan Kurikulum Dini dan Kurikulum Tahfiz sebagai sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Usaha yang dilaksanakan ini membolehkan KPM memperuntukkan guru yang berkelayakan menyediakan Bantuan Geran Perkapita ataupun PCG, buku teks, pentaksiran bersistematik, penaziran yang berkualiti serta pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berwibawa. KPM juga boleh menyalurkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah tersebut bagi dapat membantu pembiayaan pengurusan, elaun tambahan gaji guru, pembaikan kecil serta prasarana pendidikan yang diperlukan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi saya hendak tahu berapa banyak sekolah yang didaftarkan dan berapa banyak yang tidak mahu didaftarkan dan apakah tindakan yang diambil terhadap sekolah-sekolah yang enggan didaftarkan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Yang Berhormat. Sehingga setakat ini, terdapat lebih kurang 195 buah sekolah, sama ada sekolah agama negeri ataupun sekolah agama rakyat yang telah berdaftar dan dikenali sebagai SABK (sekolah agama bantuan kerajaan).

Untuk makluman Yang Berhormat juga 90 daripadanya adalah sekolah agama negeri dan 105 adalah sekolah agama rakyat. Antara faktor barang kali kenapa sekolah-sekolah agama negeri dan agama rakyat ini tidak mahu berdaftar sebagai SABK antaranya ialah kerana mereka tidak menjalankan kurikulum kebangsaan di sekolah tersebut. Kebanyakan sekolah ini barang kali hanya menggunakan 'Kurikulum Dini' dan Kurikulum Tahfiz.

Akan tetapi sebagai usaha mengatasi masalah tersebut Kementerian Pelajaran telah pun bersedia sebenarnya untuk mengiktiraf Kurikulum Tahfiz dan 'Kurikulum Dini' ini sebagai kurikulum kebangsaan. Ia masih di peringkat perundangan kerana ia di bawah kuasa kerajaan negeri dan Raja-Raja. Jika semuanya selesai dari segi perundangan maka kita dapat mengiktiraf 'Kurikulum Dini' dan Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan, maka ini barang kali akan memudahkan lebih banyak sekolah agama rakyat dan negeri yang tidak ada kurikulum kebangsaan ini dinaiktarafkan sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Terima kasih.

5. **Datuk Pau Chiong Ung** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengakui soal selidik terdekat yang menamakan pemandu teksi Kuala Lumpur sebagai pemandu paling teruk di dunia dan apakah tindakan SPAD untuk mengubah keadaan tersebut; dan

(b) adakah masalah tabiat pemandu teksi yang teruk tersebut disebabkan oleh kesusahan permohonan lesen pemilikan teksi peribadi, masalah kesesakan lalu-lintas, keadaan jalan yang tidak memuaskan serta tarif yang rendah menyebabkan pendapatan pemandu teksi tidak mencukupi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Senator Datuk Pau Chiong Ung, SPAD menganggap memperbaiki perkhidmatan teksi di Malaysia sebagai satu cabaran dan melalui inisiatif Teksi Rakyat 1Malaysia, suruhanjaya ini yakin akan dapat mengubah landskap industri tempatan untuk menjadikannya lebih efisien sekali gus meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi di negara ini supaya setanding dengan negara-negara maju yang lain.

Persepsi tabiat yang buruk adalah diakui suatu masalah kepada pemandu teksi di Malaysia. Walaupun pelbagai insentif serta kemudahan telah disediakan oleh kerajaan untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh pemandu untuk membantu meraih pendapatan yang lebih, namun masih terdapat segelintir pemandu teksi yang bersikap negatif lantas memberikan kesan yang kurang baik terhadap industri ini. Faktor utama yang menyumbang kepada pendapatan pemandu teksi yang tidak mencukupi ialah antara lain jumlah teksi yang berlebihan berbanding permintaan.

SPAD mengenal pasti faktor ini dan sedang giat memperkenalkan kaedah-kaedah baru bagi mempertingkatkan pendapatan mereka termasuk menggalakkan penggunaan teknologi seperti aplikasi *MyTaxi* dan *Taxi Monger*. Aplikasi *MyTaxi* dan *Taxi Monger* merupakan aplikasi telefon pintar yang membolehkan pengguna untuk membuat tempahan teksi dengan lebih mudah melalui telefon pintar. Selain itu aplikasi ini juga memberikan peluang kepada pemandu teksi untuk mendapatkan penumpang dengan lebih cekap dan berkesan kerana aplikasi ini akan memberikan maklumat seperti jarak penumpang terdekat dan juga destinasi yang hendak dituju.

SPAD akan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi membanteras amalan-amalan negatif yang dilakukan oleh semua pemandu teksi dan memastikan mereka menjalankan operasi dan mengikut peraturan dan syarat yang telah ditetapkan. SPAD juga telah melancarkan saluran aduan pengguna pada 10 November 2012 yang mana orang ramai boleh membuat aduan melalui empat kaedah berikut:-

(i) talian hotline - 1800887723 atau SPAD;

(ii) e-mel kepada aduan@spad.gov.my;

(iii) Tweeter - @aduantweeter; dan,

(iv) laman web - www.spad.gov.my.

Terima kasih.

Datuk Pau Chiong Ung: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberi sebentar tadi. Saya mempunyai pengalaman di mana pemandu teksi membawa sama-sama isteri dan anak kecil semasa membawa pelanggan dan pemandu teksi berhenti setengah jalan kerana kehabisan minyak. Ini merupakan sebahagian daripada perangai teruk mereka yang memberikan imej teruk dan jatuhkan penilaian. Soalan saya adalah adakah perancangan SPAD mewajibkan pemandu teksi menyertai kursus lebih ketat sebelum mendapatkan lesen seperti mana yang diamalkan di negara maju. Sekian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Saya juga mencuba menaiki teksi malam tadi bersama keluarga, tetapi tidak ada pengalaman yang buruk itu. Saya rasa kerana kebetulan pemandu teksi itu mengenali saya... *[Ketawa]* Dia minta supaya kita membantu untuk memperbaiki kehidupan mereka. Pengalaman berhenti habis minyak ya Yang Berhormat, satu pengalaman yang menarik.

Mengenai mewajibkan kursus pada suku pertama tahun hadapan SPAD akan menubuhkan akademi SPAD yang mana dalam akademi itu kita akan mengadakan latihan yang kita tumpukan terlebih dahulu latihan ini ialah kepada pemandu-pemandu bas dan kepada pemandu teksi. Itu yang kita tumpukan terlebih dahulu. Akademi SPAD ini akan dilancarkan untuk memberikan latihan bukan hanya latihan pemandu, tetapi juga adalah untuk bertujuan kepada mana-mana pihak untuk mempelajari sistem pengangkutan awam ataupun kita untuk mempelajari sistem pengangkutan awam daripada negara-negara yang lain.

■1050

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan sikap yang negatif oleh pemandu teksi yang industri teksi itu berkaitan terus dengan industri pelancongan, dan itu akan menjejaskan usaha Kementerian Pelancongan untuk menarik pelancong ke Malaysia. Ini amat...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Dato' Lim Nget Yoon: Soalan saya, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan, bukan hanya ada langkah-langkah sebab yang katakan laman web *Twitter* itu bukan secara langsung. Apakah langkah yang lebih baik untuk mengatasi masalah ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Di antara langkah-langkah lain ialah kita telah melantik 4,000 pemandu teksi sebagai duta kecil pelancongan. Mereka diberikan kursus yang tertentu dan mereka diberikan elaun yang tertentu. Walau bagaimanapun, 4,000 ini jumlahnya belum memadai kerana teksi bajet di Kuala Lumpur sahaja ada 35,286 buah, banyak teksi bajet di Kuala Lumpur dan perangainya pun macam-macam, ada 35,286 perangai. Harapnya kita mengawal mereka dengan baik.

Selain daripada itu, kita juga ada buku tata etika pemandu yang mereka tahu apakah perkara yang patut boleh dibuat dan tidak boleh dibuat. Selain daripada itu, kita akan mengambil tindakan tegas sehinggalah kepada membatalkan lesen dan permit syarikat yang berkaitan jika berlaku perkara-perkara yang melanggar peraturan yang berulang kali seperti tidak menggunakan meter ataupun teksi tidak dihantar ke pemeriksaan PUSPAKOM pada waktu-waktu yang tertentu ataupun tidak menggunakan PSV ataupun menggunakan orang asing untuk memandu teksi. Segala kesalahan-kesalahan besar begitu kita akan mengambil tindakan yang tegas.

6. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam usaha mengindah dan mencantikkan Pulau Gaya seterusnya menjadikan pulau ini salah sebuah pulau pelancongan terkemuka di Sabah.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak 26 buah projek pelancongan telah dilaksanakan di Sabah dengan kos sebanyak RM28.91 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

Nama Projek	Bil. Projek	Nilai (RM juta)
Projek Penyediaan Peningkatan Kemudahan Pelancongan	3	6.02
Projek Eko Tourism	6	18.54
Projek Naik Taraf Penyelenggaraan	8	3.5
Projek Homestay	9	0.008

Setakat ini, Kementerian Pelancongan telah pun memperuntukkan sebanyak RM16,000 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membangunkan infrastruktur asas di Taman Laut Tunku Abdul Rahman yang merangkumi Pulau Gaya, Pulau Sapi, Pulau Manukan, Pulau Sulu dan Pulau Mamutik. Antara projek yang telah dilaksanakan di pulau-pulau tersebut adalah seperti berikut:

(i) menaik taraf jeti;

(ii) mengubahsuai sistem paip dan rawatan air kumbahan dari tandas dan bilik air;

(iii) pendawaian semula bekalan elektrik di pusat sambutan;

(iv) menambah bilangan bilik persalinan;

(v) menaik taraf dan mereka bentuk semula tandas; dan

(vi) kerja-kerja pengindahan kaunter sambutan.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan dan idea-idea baru untuk menambah kemudahan di pulau-pulau pelancongan bukan sahaja di Sabah malah di seluruh Malaysia.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah usaha sama ataupun kerjasama yang dilaksanakan kementerian bersama dengan kerajaan negeri dalam menyusun semula penempatan penduduk Pulau Gaya yang pada masa sekarang tidak tersusun dan merosakkan pemandangan Pulau Gaya itu sendiri? Apakah usaha sama yang dilakukan kementerian bersama-sama Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan keselamatan pelancong yang datang ke Pulau Gaya terjamin kerana kebanyakan penduduk di situ dipercayai pendatang tanpa izin? Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Saya memang setuju dengan apa yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin tentang usaha sama bersama dengan kerajaan negeri untuk menyusun penduduk-penduduk kampung di Pulau Gaya. Walaupun kita ingin mencadangkan apa-apa sahaja susunan yang boleh dibuat, namun, ini di bawah tanggungjawab kerajaan negeri Yang Berhormat Senator. Walaupun demikian, kita memang sentiasa bekerjasama dan mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk buat susunan yang terbaik sekali.

Untuk usaha sama tentang keselamatan dengan kerajaan negeri, kita juga menganggapkan bahawa keselamatan untuk pelancong-pelancong yang datang ke mana-mana sahaja destinasi adalah satu perkara yang amat penting. Disebabkan negara kita dianggapkan negara yang *top ten* selamat di rantau Asia Pasifik, maka keselamatan pelancong seharusnya terjamin. Oleh itu, kita sentiasa mencadangkan kepada kerajaan negeri agar pasukan keselamatan sentiasa berada di mana-mana sahaja destinasi lebih-lebih lagi di Pulau Gaya jika ramai pelancong datang ke situ.

Walaupun demikian, kita juga sentiasa memantau keselamatan kerana kita ada pejabat di Kota Kinabalu, pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia dan juga Tourism Malaysia dan kita mengarahkan pegawai-pegawai kita untuk kerap memantau daripada segi keselamatan juga. Jika adanya berlaku apa-apa yang berkaitan dengan keselamatan, kita dengan cepat akan mengambil tindakan dan seterusnya boleh mengambil tindakan. Sekian.

7. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, strategi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan dengan nilai-nilai kreatif, inovatif dan keusahawanan. Bila dan bagaimanakah strategi ini dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Menyedari kepentingan melahirkan graduan yang memenuhi kehendak pasaran dan keperluan guna tenaga profesional dan mahir bagi pembangunan negara, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif melaksanakan Program Kebolehpasaran Pelajar yang juga sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Sasaran yang ditetapkan ialah sekurang-kurangnya 75 peratus pelajar mendapat pekerjaan yang sesuai dalam tempoh enam bulan setelah menamatkan pengajian.

■1100

Dalam usaha untuk memantapkan pelaksanaan Program Kebolehpasaran Pelajar, tiga pendekatan holistik telah dilaksanakan. Pertama ialah Program Pembangunan Nilai Tambah Pelajar, yang kedua ialah Program Kebolehdapatan Kerja Graduan dan yang ketiga ialah Program Kolaborasi Bersama Agensi-agensi Kerajaan. Iltizam pendekatan ini adalah untuk membolehkan pelajar itu sama ada satunya, memperoleh pekerjaan yang sesuai dari aspek tahap kelayakan dan pendapatan dengan izin, *decent job.* Maknanya bukan sekadar *any job,* dengan izin, atau yang keduanya memacu pelajar-pelajar menjadi usahawan dan seterusnya memungkinkan mereka mencipta pekerjaan.

Dalam hal kebolehpasaran graduan ini terbaru ialah apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam Bajet 2013 mengumumkan penubuhan *Graduate Employability Task Force,* dengan izin, yang dipengerusikan bersama antara kementerian kami dan EPU. Dengan wujudnya *task force* ini, adalah diharapkan pemantauan yang lebih berkesan khususnya dari segi perlaksanaan program-program yang berkaitan dengan kebolehpasaran pelajar dan kebolehdapatan kerja graduan dapat dilaksanakan.

Penyelarasan secara berstruktur dan terancang juga akan memastikan sumber yang terhad digunakan dengan cara yang akan memberi manfaat yang paling tinggi dengan izin, *high return on investment.* Untuk memadankan kemahiran graduan dengan permintaan di dalam pasaran negara dan global, *task force* ini memberi tumpuan kepada keperluan tenaga kerja mengikut 12 bidang yang diperlukan di bawah Program Transformasi Ekonomi atau ETP yang seterusnya akan dijadikan asas dan panduan dalam merangka program-program kebolehdapatan kerja graduan.

Di samping itu juga, pada 4 Disember yang lalu, Yang Berhormat Menteri Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan *Graduate Employability Blueprint 2012/2017* bagi menangani isu tenaga kerja mahir dan profesional negara. Pelan ini menggariskan inti pati yang membabitkan sistem pengajian yang berupaya melahirkan modal insan berkualiti, berdaya saing secara global, memenuhi keperluan negara dan mampu menyediakan keperluan kerjaya impian kepada siswazah. Pelan ini juga akan memastikan wujud satu kurikulum yang mampu melahirkan individu yang bukan hanya pakar dalam ilmu pengetahuan tetapi juga berkualiti serta mempunyai sifat yang diperlukan dalam pekerjaan.

Soalan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb merujuk kepada nilai-nilai kreatif dan inovatif itu sebenarnya terjawab melalui elemen-elemen yang dimasukkan dalam program yang saya sebutkan tadi. Cuma, yang ketiga yang ditanya oleh Yang Berhormat soal keusahawanan, memang pendidikan keusahawanan sudah lama dilakukan di universiti-universiti khususnya di IPTA, bukan sahaja untuk menyebabkan mereka itu akhirnya akan keluar sebagai seorang usahawan tetapi yang lebih utama ialah *mindset* nya yang berciri-ciri keusahawanan. Oleh sebab itu pada tahun 2010, KPT melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT bagi mencapai matlamat yang dimaksudkan itu. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat tadi, mengatakan bahawa salah satu strategi ialah meletakkan pelajar-pelajar ini di agensi-agensi kerajaan untuk satu tempoh tertentu bagi membiasakan diri mereka dalam alam-alam yang mereka diletakkan. Adakah pihak kementerian bercadang ataupun menimbangkan untuk meletakkan mereka di dalam industri-industri di peringkat swasta yang mana saya rasa ini sebenarnya boleh mengubah *mindset* mereka supaya kebergantungan mereka kepada peluang pekerjaan dengan kerajaan itu terbuka luas?

Ertinya, boleh meningkatkan *mindset* mereka untuk berusaha ke arah menjadi usahawan, satu. Yang Berhormat Menteri, dalam satu kajian yang dijalankan oleh sebuah majlis di *United Kingdom,* antara majlis syarikat-syarikat swasta dan universiti-universiti. Satu kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa 86 peratus daripada *employer*, kajian ini bertajuk *Graduates Employability.* Sebanyak 86 peratus daripada majikan mengatakan bahawa sepuluh *skills* ataupun keupayaan dalam berkomunikasi adalah menjadi pokok yang penting sekali. Kedua ialah berhubung dengan *team working,* yang ketiga integriti dan yang keempat kebolehan dari segi intelektual.

Ini semua merupakan keupayaan-keupayaan ataupun *skills* yang penting yang saya rasa memang kurang terdapat di kalangan graduan-graduan kita terutamanya kebolehan dalam komunikasi dan saya sendiri alami apabila kita lihat graduan-graduan kita tidak mampu apabila kita melakukan temu duga...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya, Yang Berhormat.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mereka tidak mampu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Jadi, adakah kita akan tekankan dalam *skill* yang kita rasa penting tadi sebagaimana yang dibentangkan oleh kajian? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Sebab satu nama bapa ini, soalan dia panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada dua perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Satu ialah soal meletakkan graduan kita ini di swasta dan ini memang termasuk dalam- sebenarnya telah pun dilaksanakan dan akan dilaksanakan dengan lebih mendalam lagi. Ada beberapa cara. Satu ialah program mewajibkan latihan industri. Itu khusus bagi kursus-kursus profesional yang memang *board* mereka, lembaga mereka memerlukan mereka ada latihan industri untuk sesuatu masa yang ditetapkan. Kedua ialah *internship* di organisasi-organisasi swasta. Sekadar untuk memberi contoh, sehingga kini beberapa syarikat swasta secara berstruktur yakni dari bidang automotif, elektrik dan elektronik, pemborongan dan peruncitan telah pun memberi komitmen untuk bekerjasama dengan beberapa buah universiti.

Saya boleh sebutkan nama syarikat-syarikat swasta itu, mudah-mudahan lebih ramai lagi yang akan datang. Misalnya ialah Infineon dengan Universiti Malaysia Perlis dan dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, SAPURA dengan Universiti Pahang, Miyazu juga dengan Universiti Malaysia Pahang, Mydin dengan Universiti Utara Malaysia dan MRCA dengan Universiti Utara Malaysia dan Kolej Universiti Segi. Ini adalah pusat-pusat kecemerlangan industri yakni kerjasama yang sangat formal dan sangat berstruktur antara universiti dan industri dan kita akan tambah lagi. Kedua itu, soal kajian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Kita juga melihat hampir sama isunya di sini. Misalnya, kajian yang dibuat oleh *Jobstreet.com.*

Antara masalah yang dihadapi oleh majikan apabila mereka mendapatkan atau menawarkan pekerjaan kepada *fresh graduate,* dengan izin. Pertama sekali ialah masalah bahasa Inggeris, kedua ialah masalah karakter, sikap dan personaliti dan yang ketiga masalah mereka ini minta gaji yang bukan-bukan agaknya. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang menyebabkan- ini cuma satu daripada itu. Antara perkara-perkara yang menyebabkan misalnya beberapa tahun lalu kita secara lebih serius mengamalkan apa yang dipanggil apa yang dipanggil sebagai dengan izin, *generic students attribute* yakni kemahiran insaniah. Setepatnya, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu kita lakukan dengan dua cara satu *embedded,* dengan izin, dalam kurikulum dan yang keduanya ialah dalam kokurikulum. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab soalan tentang kebolehpasaran graduan-graduan daripada universiti tempatan.

■1110

Soalan saya ialah, sejauh mana universiti-universiti tempatan ini khususnya IPTA, menjalankan kajian yang mempunyai data-data tentang graduan-graduan mereka dalam satu-satu kursus itu mendapat pekerjaan? Tahun pertama berapa peratus, tahun kedua. Contohnya, kalau kebanyakan universiti di UK, ia sangat khusus. Katalah Ijazah *International Relations* contohnya daripada Universiti Nottingham, ia ada data. Tahun pertama- 90 peratus akan mendapat pekerjaan dalam sektor-sektor ini. Sudah pun terbukti. Tahun kedua- 100 peratus. Jadi, sejauh mana ya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terus kepada soalan Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Yang ini soalannya. Sejauh mana universiti tempatan kita ini membuat usaha sedemikian dan selanjutnya membantu graduan-graduan mereka dalam mendapatkan pekerjaan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ada Kajian Pengesanan Graduan atau dengan izin, *traces studies* yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bertujuan untuk mengetahui status pelajar selepas enam bulan tamat pengajian dan selepas setahun tamat pengajian. Akan tetapi, untuk menjawab soalan secara *details* mengikut kursus-kursus, yang ini saya mohon jawapan bertulis. Terima kasih.

8. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah kerajaan bersetuju dengan penubuhan Pusat Mediasi Islam untuk menyelesaikan kes pertikaian membabitkan orang Islam secara efektif, cepat dan murah sebagaimana yang dicadangkan oleh Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, perkhidmatan mediasi secara khusus bagi kes-kes kekeluargaan yang melibatkan orang Islam telah dilaksanakan di seluruh Mahkamah Syariah sejak tahun 2003 yang ianya lebih dikenali sebagai Majlis Sulh, ia tidak dinamakan dengan Majlis Mediasi. Malah setiap kismat yang didaftarkan di Mahkamah Syariah telah ditetapkan kategori kes yang perlu melalui proses Majlis Sulh dan kes yang tidak perlu melalui proses sulh mengikut prinsip-prinsip hukum syarak untuk mempercepatkan proses penyelesaian suatu kes. Proses Majlis Sulh ini di kendali oleh Pegawai Sulh yang khusus ditempatkan di setiap Mahkamah Syariah. Namun begitu, perkhidmatan Majlis Sulh ini hanya tertakluk kepada kes-kes yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah sahaja.

Mahkamah Syariah tetap terbuka untuk menerima perjanjian ataupun penyelesaian yang dibuat oleh pihak-pihak yang bertikai, hasil daripada proses mediasi sama ada di Jabatan Bantuan Guaman ataupun mana-mana agensi termasuk para peguam, selama mana perjanjian tersebut mematuhi syarat-syarat hukum syarak. Dalam bahasa mudah, kita Mahkamah Syariah dapat menerima kewujudan ataupun peranan daripada mediasi Islam sebagaimana yang disoalkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi menjawab sendiri soalan saya pada hari ini. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang berjaya menyediakan Pegawai Sulh yakni perantara kerajaan di Mahkamah Syariah, untuk menyelesaikan pertikaian orang Islam dengan lebih profesional dan tersusun, tetapi tidak mempunyai perantara swasta untuk berbuat demikian.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi memanfaatkan lebih 60 anggota Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM) sebagai *mediator* dan 24 orang lagi yang telah mendapat sijil dalam mediasi, lanjutan untuk menjayakan pusat mediasi Islam ini.

Soalan kedua saya, sejauh manakah kerjasama dapat diwujudkan dengan universiti tempatan untuk penubuhan Pusat Mediasi Islam ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Hajah Zaitun. Berkaitan dengan yang pertama, berkenaan dengan Pusat Mediasi Islam dengan mengambil kira memanfaatkan Persatuan Peguam-Peguam Muslim sebagaimana yang telah disebutkan, saya di penghujung jawapan awal tadi, saya meletakkan kesimpulan bahawa pihak Mahkamah Syariah (JKSM) tidak mempunyai apa-apa halangan. Bahkan, sikap keterbukaan kita menerima mana-mana keputusan sebab dalam kes-kes yang lebih-lebih lagi menghubungkaitkan soal nafkah, soal untuk tujuan hadanah, soal untuk tujuan bagi penentuan kaedah penceraian dan sebagainya ini, adalah sesuatu yang kadang-kadang begitu rumit.

Akan tetapi, selain daripada Majlis Suluh, kalau ada lagi mediasi Islam yang dicadangkan untuk tujuan pelaksanaan tersebut, kita amat-amat mengalu-alukan untuk tujuan membantu selain daripada Majlis Sulh yang telah Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi, sebagai salah satu daripada mekanisme pihak kerajaan.

Ini merupakan mekanisme daripada pihak yang bersifat NGO atau pun dari Badan Peguam Muslim itu sendiri. Ini amat dialu-alukan. Cumanya, saya rasa lebih molek dan lebih cantik lagi kalau sekiranya persatuan menulis surat secara langsung menjelaskan penubuhan dan juga kriteria mereka yang telah dipilih untuk menganggotai badan mediasi Islam sebagaimana yang telah disebut.

Oleh sebab kita juga tidak mahu nanti sampai di pertengahan jalan, mereka yang mengamalkan tugas dan tanggungjawab mediasi ini, dia tidak mempunyai kelayakan yang sepatut dan sewajarnya. Saya pernah waktu ketika di Barat dahulu di Amerika, badan mediasi ini pun juga diterima sebagai salah satu badan yang diterima dalam mekanisme mahkamah mereka untuk diterima pakai. Segala keputusan dan juga segala persetujuan yang telah dicapai dalam Majlis Mediasi di mana *mediator* memainkan peranan yang begitu penting.

Kita juga mempunyai sikap keterbukaan yang sama, tetapi saya rasa lebih elok dan molek ditambah lagi dengan pihak yang berkenaan memohon dan menjelaskan kriteria dan sebagainya supaya agak lebih mantap badan ini. Satu hal.

Berkaitan dengan soalan yang kedua ialah bagaimana hubungan kerajaan dengan pihak universiti untuk tujuan ini. Saya merasakan ada beberapa *angle,* dengan izin, dengan beberapa sudut yang harus dilihat, yang pertamanya ialah mengambil kira kalau universiti tempatan yang ingin mengemukakan bidang ataupun mengemukakan subjek sijil ataupun ijazah dalam bidang yang telah kita sebutkan mediasi dan sebagainya, maka ianya memerlukan kepada penjurusan kepada kes yang ada kaitan juga dengan kes yang akan bakal dibawa.

Ini sebab kalau nanti ia menggunakan model ataupun *syllabus* yang berbeza, jadi takut nanti dalam pengamalan, dia tidak menepati. Satu hal. Yang keduanya tentunya pihak universiti dengan KPT harus mempunyai satu persetujuan, akreditasi dan sebagainya itu untuk tujuan lebih mendapat pengiktirafan. Bagi pihak JKSM, kerajaan melihat bahawa ianya tidak ada masalah untuk kalau sekiranya kita menerima dan kita juga memberikan ruang dan peluang kalau sekiranya pihak KPT, Yang Berhormat Timbalan Menteri KPT pun ada bersama dalam Dewan ini untuk tujuan yang seperti tersebut.

Namun, perlu juga dilihat sebab jabatan ini adalah ataupun bahagian ini nanti apabila beroperasi, ia bukan mewakili pihak kerajaan tetapi ia merupakan badan NGO. Dalam erti kata yang lain, jangan nanti pula *claim* Jabatan Kehakiman Syariah yang harus membayar dari sudut bayaran untuk tujuan mereka yang terlibat, parti-parti yang terlibat dalam mediasi ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penerangan mediasi ini. Apa yang saya ingin tahu ialah apakah masalah-masalah utama sehingga mahkamah tidak dapat menyelesaikan sesuatu kes terutamanya yang perlu melibatkan pusat mediasi ini? Kedua, bidang utama yang selalu jadi lambat? Terima kasih.

■1120

Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharum (B): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Mat. Sebenarnya penubuhan Mediasi Islam ini bukan disebabkan kerana kes-kes yang terlambat dan sebagainya, memang ada kes-kes yang mengambil masa. Walau bagaimanapun penubuhan ini adalah merupakan hasil cadangan daripada Persatuan Peguam Muslim sendiri yang mereka mencadangkan supaya mereka diberikan juga ruang sebab Majlis Sulh ini ditubuhkan di pihak kerajaan di mana setiap Mahkamah Syariah ada Majlis Sulh sendiri. Ini kadang-kadang mungkin persepsinya dilihat sebagai badan yang mewakili kerajaan. *So* kenapa tidak ada badan yang dianggotai oleh juga Mediasi oleh pihak Persatuan Peguam Muslim yang pada saya mungkin ada di sana niat baiknya iaitu ialah untuk mengurangkan sebab bila mengambil *lawyer* (peguam), dia mempunyai bayaran yang tertentu tetapi kalau Mediasi ini hanya sekadar memberikan nasihat orang tengah dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak, dia akan lebih mempercepatkan proses.

Kalau dirujuk kepada kes-kes yang berkaitan dengan perlu kepada Mediasi ini iaitu kes pembahagian nafkah, pembahagian harta sepencarian dan juga termasuk hadanah. Ini kerana ia juga termasuk di antaranya ialah perubahan perintah yang telah ditentukan berkaitan ketiga-tiga perkara tadi oleh pihak mahkamah. Jadi maknanya nafkah, harta sepencarian dan juga hadanah.

Kes ini Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua biasanya ia mengambil masa yang panjang sebab pihak suami dia menunggu sehingga sampai selesai kes penceraian dia diputuskan, barulah dia ditentukan oleh mahkamah untuk nafkah anak-anak, sedangkan anak itu daripada hari pertama bercerai pun perlu makan, pakai, minum dan perlu untuk hidup. Jadi dia menunggu kalau kes itu dua tahun, barulah pihak suami nak bayar. Jadi perlu kalau ada Mediasi itu untuk dipercepatkan kes.

Itu di antaranya termasuk juga harta sepencarian. Penceraian sudah pun berjalan dan memang suami isteri berpisah tetapi harta sepencarian itu dipegang oleh satu pihak sahaja. Kalau yang monopoli itu suami, suamilah pegang harta itu, sedangkan milik kedua-dua pihak dan kalau yang hebat berani sedikit isteri, isterilah pegang harta sepencarian itu. Jadi menunggu sehingga selesai. Kalau mengambil tempoh yang panjang, maka di mahkamah jadi lambat harta sepencarian. Kalau harta sepencarian itu melibatkan soal perniagaan, ia akan lebih banyak mengikat kedua-dua pihak dan yang mendapat manfaat itu mungkin satu pihak sahaja.

Maka sebab itu peranan Mediasi tadi untuk menambahkan mungkin saya katakan Yang Berhormat kerancakan ataupun lebih mempercepatkan, meramaikan ruang dan peluang untuk menyelesaikan kes-kes yang ada di Mahkamah Syariah yang lebih pengkhususannya tentang nafkah, harta sepencarian dan juga termasuk hadanah, tentang siapa yang diberikan hak untuk memelihara anak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. Dato' Lim Nget Yoon minta Menteri Kerja Raya menyatakan, langkah-langkah diambil oleh pihak kementerian untuk mengelakkan kemalangan kenderaan berlaku akibat daripada haiwan seperti lembu memasuki kawasan lebuh raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya memandang serius kes-kes kemalangan yang berpunca daripada haiwan ternakan yang memasuki kawasan *right on way* (ROW) lebuh raya. Berdasarkan statistik oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), hampir 90 peratus kes kemalangan tersebut melibatkan haiwan ternakan, seperti lembu dan kerbau manakala bakinya melibatkan haiwan-haiwan liar.

Sehubungan itu, LLM telah mengenal pasti faktor vandalisme iaitu memotong pagar keselamatan lebuh raya oleh segelintir penternak yang tidak bertanggungjawab sebagai punca utama haiwan-haiwan peliharaan itu memasuki kawasan lebuh raya. Tindakan mereka memotong pagar keselamatan itu amat membahayakan keselamatan dan nyawa pengguna lain terutamanya semasa pemanduan pada waktu malam berikutan jarak penglihatan yang terhad.

Antara kes-kes kemalangan melibatkan haiwan ternakan yang sering dilaporkan ialah di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) iaitu di laluan Bukit Kayu Hitam-Alor Setar Selatan, Jawi-Changkat Jering, Tanjung Malim-Bukit Lanjang, dan Simpang Ampat-Pagoh-Machap. Di samping itu, kemalangan akibat pencerobohan haiwan ternakan ini turut dilaporkan berlaku di laluan tertentu di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) seperti di Temerloh dan di Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengurangkan risiko kemalangan sebegini, Kementerian Kerja Raya menerusi LLM telah mengarahkan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya supaya memperketatkan lagi pemantauan dan pengawasan di lokasi-lokasi lebuh raya yang dikenal pasti. Sehubungan itu, antara tindakan yang telah diambil oleh syarikat-syarikat konsesi terlibat ialah seperti menggantikan pagar keselamatan dari jenis *high tensile,* pemasangan pagar secara berlapis, pemasangan *cattle trap* di saluran pembetung dan pemasangan papan-papan tanda amaran di kawasan terlibat. Di samping itu, LLM juga turut bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Veterinar dalam mengadakan sesi-sesi perjumpaan dan penerangan dengan komuniti tempatan khususnya para penternak.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, risiko kemalangan di lebuh raya akibat pencerobohan haiwan ternakan ini dapat dikurangkan jika semua pihak khususnya para pengusaha ternakan sentiasa bekerjasama dan mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai risiko keselamatan kepada pengguna lebuh raya. Di samping itu para pengguna lebuh raya dinasihatkan supaya lebih berhati-hati di lokasi-lokasi tertentu lebuh raya kerana terdapat juga kes-kes kemalangan yang berlaku disebabkan oleh pencerobohan haiwan-haiwan liar. Sekian, terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kemalangan diakibatkan oleh haiwan masih berlaku dan perkara ini melibatkan nyawa pemandu kereta dan orang mati katak. Jadi memandangkan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bukan berkesan sangat, jadi soalan tambahan saya ialah selain daripada langkah-langkah yang sedia ada, adakah cadangan yang lebih baik untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan di lebuh raya kita memang dikatakan kurang dari segi haiwan-haiwan yang memasuki lebuh raya. Apa yang sering berlaku ialah di jalan-jalan Persekutuan, jalan-jalan kampung, jalan bandar kerana ia tidak ada pagar. Di sini kita memperketat lagi supaya kita ada pemantauan untuk melihat di mana-mana pagar yang telah pun dicerobohi, kita akan memperbaikinya.

Memang vandalisme berlaku, kita tahu besi dari pagar ini dipotong dan dijual. Inilah masalahnya dan kita perlu secepatnya memperbaiki keadaan. Kita menggunakan *high tensile* sekarang, ia tidak mudah dipotong dan juga kita gunakan dua lapisan. Kalau potong satu, perlu potong dua lagi untuk memasuki *row* di dalam lebuh raya tetapi kita selalu ada perbincangan, penerangan kepada pihak penternak, jangan berbuat sedemikian kerana ini bukan- memang saya tahu di banyak jalan lebuh raya, kita memotongkan sebahagian kampung kedua belah. Satu belah rumputnya sudah habis dimakan dan mungkin mereka akan cari sebelah sini untuk ternakan mereka.

■1130

Akan tetapi sebenarnya ini boleh dihentikan dengan kita mengadakan papan tanda kemalangan tidak akan berlaku tetapi saya tahu papan tanda kita dahulu ada buat kita kata, *"Lembu! Memandu berhati-hati."* Papan itu kena kritikan yang ada dua maksud. Lembu pandai memandukah, lembu memandu berhati-hati ataupun kita tuju kepada pihak pemandu kereta- panggil dia lembu... *[Ketawa]* Itulah masalah tetapi itu kita sudah tukar. Sudah ada gambar lembu di papan tanda. Ini lebih baik berikan mesej kepada rakyat, para pengguna di jalan raya, khususnya di lebuh raya. Akan tetapi kita tidak dapat buat apa-apa di jalan-jalan Persekutuan, jalan-jalan negeri kerana tidak ada pagar. Sebab ada banyak *ingress, outgress,* masuk kampung, keluar kampung. Kita tidak boleh pagar seluruh jalan kita. Yang ini sering berlaku.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya tahu jalan raya di mana-mana tempat, bukan lebuh raya, di Sarawak juga, Pan Borneo, kita bukan sahaja ada haiwan ternakan tetapi kita ada anjing, ada babi hutan, semua jenis haiwan liar melintasi jalan-jalan Persekutuan di sana. Kita buat apa yang kita boleh buat. Sekarang saya tengok dengan adanya tindakan-tindakan seperti ini, ianya boleh dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan Lebuhraya Alor Setar-Jitra-Changlun-Bukit Kayu Hitam berpagar. Akan tetapi apa yang saya difahamkan dan apa yang saya tahu, Jitra ke Changlun atau Bukit Kayu Hitam tidak berpagar. Maknanya, lembu-lembu boleh masuk bebas, kanan kiri semua boleh masuk. Kenapakah Lebuhraya Jitra ke Changlun atau Bukit Kayu Hitam tidak berpagar?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita naik *highway* Thailand, di Thailand kiri kanan tidak berpagar. Betul tidak Dato' Boon? Dia bubuh tali sahaja. Dia ambil tali rafia, dia ikat dengan beg plastik merah atau biru panjang tetapi lembu-lembu di Thailand boleh faham. Dia tidak lintas... *[Ketawa]* Sungguh. Lembu-lembu di Thailand dia faham, dia tidak lintas batas.

Tuan Yang di-Pertua: Lembu cerdik itu Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Cerdik. Dia nampak tali itu yang berpagar dengan tali rafia yang ikat dengan plastik itu...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Boleh celah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Boleh celah?... Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Dia nampak tali rafia yang ikat dengan plastik beg itu, dia patah balik. Betul! Ini kalau Tuan Yang di-Pertua hendak pergi, jom kita pergi tengok. Bukit Kayu Hitam kah, Hatyai sampai ke *golden triangle*, macam itu semua pagar. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat selalu pergi Thailand ya... *[Ketawa]* Faham jalan raya sana. Lembu pun dia pandai sekarang ya. Pandai elak. Sebenarnya, kita punya papan tanda pun kita tahu lembu pandai memandu. Akan tetapi yang sebenarnya kerana jalan kita ada juga *highway,* lebuh raya tidak berpagar di bandar-bandar dan dekat kawasan bandar kita tidak berpagar kerana kita perlu juga ada tempat untuk ROW dan kita juga tidak perlu pagar kerana kedua-dua belah tidak ada ternakan sebenarnya.

Di *Klang Valley* tidak ada ternakan dan kita ada tempat tidak berpagar. Cadangan dari Yang Berhormat mungkin boleh digunakan di Jalan Persekutuan kita tetapi pemandangan itu akan cantik dengan tali-tali ini duduk tepi jalan ini. Nanti orang curi pula tali ini kerana vandalisme ini memang sering berlaku di negara kita. Kalau jenis barang ini ada harga, mereka mahu mencuri potong sahaja. Tidak kira ia akan akibatkan kemalangan. Itu yang sangat penting. Terima kasih Yang Berhormat.

10. Dato' Boon Som a/l Inong minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah produk kesihatan dan kecantikan keluaran syarikat tempatan dan luar negara yang telah dirampas kerana dikenal pasti mengandungi racun serta membahayakan kesihatan pengguna, serta langkah-langkah bagi mencegah kebanjiran produk sedemikian di negara ini dan langkah-langkah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya produk sedemikian.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rampasan produk kesihatan dan kecantikan yang menyalahi undang-undang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah berjumlah RM23.96 juta pada tahun 2010 dan RM29.5 juta pada tahun 2011 dan RM8.86 juta sehingga September 2012.

Rampasan ini dibuat kerana pelbagai perlanggaran ke atas akta dan peraturan yang dikuatkuasakan seperti memiliki produk yang tidak berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah, menjual bahan racun terkawal tanpa lesen racun yang sah atau menjual produk yang dicampuradukkan dengan racun. Produk kesihatan dan kecantikan yang dirampas adalah terdiri daripada:

(i) produk yang tidak berdaftar yang mengandungi bahan racun terkawal seperti perangsang seks, pelangsing badan, steroid, bahan psikotropik, antibiotik dan lain-lain;

(ii) produk bukan racun, produk OTC (*over the counter*) yang tidak berdaftar seperti ubat demam *paracetamol*;

(iii) produk *traditional and complementary medicine* yang tidak berdaftar; dan

(iv) kosmetik yang tidak bernotifikasi dan yang mengandungi racun seperti *hydroquinone* dan *tretinoin*.

Bahagian Penguat Kuasa Farmasi Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai langkah untuk memerangi masalah ini. Pegawai-pegawai penguat kuasa farmasi di seluruh negara secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pemantauan pasaran, pemeriksaan rutin, pendakwaan ke mahkamah bagi kes-kes yang telah ditangkap, serbuan-serbuan dilakukan dan rampasan dilaksanakan.

Selain daripada itu, aktiviti khusus untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan pengguna turut dijalankan dari semasa ke semasa bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna tentang penggunaan ubat-ubatan berdaftar.

Pada tahun 2010 sebanyak 381 ceramah umum, 512 pameran dan 40 dialog telah dijalankan dan aktiviti-aktiviti ini diteruskan pada tahun 2011 dengan 368 ceramah umum, 603 pameran dan 69 dialog. Selain daripada itu, hebahan turut dibuat di media cetak dan media massa selepas sesuatu operasi rampasan produk berkenaan dilakukan untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya mengambil produk-produk kesihatan yang berdaftar dan bahayanya penggunaan produk yang tidak berdaftar seperti tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sanggup datang ke Dewan ini sendiri... *[Tepuk]* Sekarang saya persilakan soalan tambahan. Silakan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah barang kecantikan ini membanjiri negara kita daripada negara jiran yang harganya murah dan satu lagi jualan terus atau *direct selling* tumbuh macam cendawan. Adakah kerajaan mencadangkan satu *lab* untuk membuat ujian barang-barang sebegini ataupun mengadakan kawalan kepada *direct selling* ini? Termasuklah kita lihat bermacam-macam kopi, melangsingkan badan dan sebagainya. Akan tetapi ada juga kopi yang bermutu seperti *Kopi Kawe* dan sebagainya. Apakah tindakan yang telah dilakukan kepada *direct selling* ini?

■1140

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Boon. Memang benar yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita mempunyai kawalan yang ketat terhadap ubat dan produk-produk kecantikan. Kita dapat membuat *tracking*nya dan juga mengambil tindakan terhadap semua penjual dengan berkesan kerana kita ada medITAC dia, di mana kita dapat semua produk kecantikan dan produk kesihatan ataupun ubat-ubat perlu mempunyai medITAC dan kita dapat kesan mana kilangnya dan mana penjual-penjualnya. Masalahnya sekarang adalah sekarang banyak yang juga cuba kerana bahan-bahan ini perlu daftar. Mereka cuba elak daripada pendaftaran dan mencampuradukkan bahan-bahan racun dan steroid ini dalam minuman dan jus sekarang. *They go to the coffee, they go to the tea.* Ia pergi masuk dalam teh, masuk dalam kopi, masuk dalam jus *berry* dan menyatakan bahawa *berry* ini mempunyai berbagai-bagai mutu dan antioksidannya, tetapi ada juga kandungan-kandungan steroid yang juga merosakkan kesihatan.

Oleh itu kita memang ada kawalan *surveillance* di pasaran. Kita ada membuat secara rambang, mengambil produk-produk daripada pasaran dan juga membuat *testing* di pasaran. Kita juga menyeru orang ramai, sekiranya waswas tentang sesuatu produk itu, makanan atau minuman, boleh hantar kepada Kementerian Kesihatan. Kita ada Bahagian Keselamatan Makanan, ada *lab*nya, ada makmal dia. Itu bahagian Keselamatan Makanan, ada makmal dia. Bahagian ubat, farmasi, ada juga makmal kita, ada *lab* kita yang boleh membuat siasatan lanjut untuk memastikan bahawa kandungan itu adalah kandungan yang baik dan sihat untuk tubuh badan kita. Oleh itu kawalan memang ketat.

Akan tetapi yang saya hendak terangkan di sini bahawa undang-undang yang kita ada sekarang, kalau kita saman ataupun dakwa di bawah Akta Jualan Dadah 1952 disabitkan kesalahan. Individu hanya boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Denda ini kurang, kalau kita lihat RM25,000 tetapi dari jual ubat itu walaupun jual minuman kopi itu dia boleh untung, berpuluh, beratus ribu.

Oleh itu *some of them take the risk*. Ada orang yang cuba menggunakan kelonggaran akta kita untuk membuat perkara-perkara yang tidak betul ini. Oleh itu kita dalam kajian sekarang, hendak memperkuatkan lagi undang-undang kita dan harap dapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat semua untuk kita ketatkan undang-undang dan kita hendak tambahkan kerana sekarang kita banyak sangat undang-undang.

Kita ada Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952, Akta Farmasi 1951 dan Akta Iklan dan Penjualan 1956.

Kita hendak satukan semua undang-undang ini jadi satu undang-undang Akta Farmasi dan kita sudah gubal, sudah siap dah. Kita sekarang mengadakannya di *website* untuk kita dapatkan sambutan daripada ataupun komen, *feedback* daripada orang luar, orang awam dan kita akan hantar ke Parlimen pada tahun depan untuk semua. Kita akan lipat gandakan, sepuluh kali ganda denda kita akan kenakan kepada semua denda yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak tanya sedikit mengenai salon-salon kecantikan yang mengamalkan suntikan-suntikan seperti *collagen*, *fillers*, Vitamin 'C' dan sebaginya. Jadi adakah Kementerian Kesihatan mengawal, memantau dan menyemak sama ada adakah bahan-bahan yang disuntik ini benda yang dibenarkan?

Keduanya, adakah peralatan yang digunakan itu adalah peralatan yang bersih dan mendapat kelulusan? Jadi saya rasa ini penting kerana terlalu banyak salon kecantikan sekarang yang membuat suntikan dan suntikan dibuat bukan oleh pakar doktor sedangkan hanya daripada *therapist* sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Norliza. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah banyak kali mengumumkan bahawa salon-salon kecantikan tidak boleh menjalankan aktiviti *intravenous* di mana tidak boleh mengadakan jarum untuk *inject botox* ataupun bahan-bahan kecantikan yang lain. Ini hanya boleh dilakukan oleh doktor. Doktor hanya boleh membuat kecantikan ini dan salon-salon kecantikan yang bukan dilaksanakan oleh doktor hanya boleh menjalankan aktiviti-aktiviti kecantikan yang lain.

Oleh itu kita telah pun menggariskan panduannya, garis panduan yang jelas dan telah diberikan kepada semua salon kecantikan untuk diambil tindakan. Saya juga hendak tekankan di sini bahawa masalah salon kecantikan ini kerana sekarang bukan di bawah Akta Perubatan. Kita tidak boleh ambil tindakan kepada salon kecantikan. Ia di bawah akta yang lain iaitu di *local government* di mana mendapatkan lesen untuk membuka kedai salon kecantikan itu.

Kita hanya boleh ambil tindakan kepada doktor di bawah akta perubatan yang menjalankan kerja-kerja yang salah. Kalau salon kecantikan menjalankan kerja luar dari bidang salon kecantikan, itu adalah satu penipuan di mana boleh didakwa di bawah *Criminal Act. It is under the police*. Boleh lapor kepada polis, boleh lapor kepada Kementerian Kesihatan, kita juga boleh mendapatkan bantuan daripada kementerian yang lain untuk mendakwa mereka di mahkamah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masalah Yang Berhormat Menteri menjawab, saya gunakan budi bicara saya boleh tanya soal tiga soalan tambahan. Saya mempersilakan Hajah Noriah.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah lebih dahululah kerana hari ini ramai Yang Berhormat Menteri-menteri datang menjawab. Itu satu petanda baiklah... *[Tepuk]* Kalau macam begini selalu Yang Berhormat Menteri datang, dapat banyak kita buat soalan. Terima kasih.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah mekanisme yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat merujuk sesuatu produk kepada kementerian, sekiranya mereka tidak yakin dengan kandungannya. Apakah kerajaan menyediakan talian tertentu untuk mudah dihubungi dan apakah nombor telefonnya?

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini syarikat-syarikat banyak menggunakan jenama-jenama yang boleh menarik pelanggan-pelanggan. Contohnya jenama Kopi Janda, Kopi Kuat misalnya dan banyak lagi. Sedangkan hakikatnya tidak ada begitu, satu penipuan. Ini ada kawalankah tidak? Kalau boleh ditentukanlah hadkan nama-namanya supaya pelanggan tidak tertipu. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, semua produk yang waswas ataupun hendak dapatkan maklumat yang lebih lanjut sama ada produk tersebut ada daftar atau tidak daftar dengan farmasi kita boleh rujuk kepada *website* yang ada dalam Kementerian Kesihatan di bawah Bahagian Farmasi. Boleh masuk ke *website* dan seterusnya boleh dapat rujuk sama ada produk itu didaftar ataupun tidak didaftar. Kalau tidak didaftar, kita minta orang ramai jangan beli produk itu kerana apabila tidak didaftar, kita tidak tahu sama ada produk itu telah dinilai dari segi kandungannya ataupun tidak.

Keduanya, bagi semua pelanggan sekiranya dapati tertipu, boleh juga membuat aduan bukan sahaja kepada Kementerian Kesihatan. Boleh juga membuat aduan kepada pihak polis kerana ini membeli barang-barangan larangan boleh juga disabitkan kesalahan dari segi *Criminal Act.*

■1150

Bagi Kementerian Kesihatan, kita memang mengawal iklan-iklan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya nak mencelah sedikit.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bila Yang Berhormat menyebut tadi bukan kepada polis, biasanya pernah berlaku perkara-perkara, isu-isu pedagang seperti ini yang diadukan kepada polis tapi polis mengatakan bukan isu *criminal.* Jadi itu yang saya tidak faham. Apa manfaatnya kita mengadukan kepada polis perkara yang polis sendiri tidak punya kuasa atau tidak mahu mengambil tindakan. Umpamanya berlaku salah laku oleh setengah peniaga-peniaga yang kita ajukan kepada polis. Saya ada pengalaman peribadi. Dia kata kita ambil *report* tapi kita tidak boleh buat apa-apa. Ini bukan soal *criminal.* Jadi sekarang saya tidak pasti bila Yang Berhormat Menteri tadi menasihatkan kita adukan kepada polis, apa manfaat sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan di sini bahawa Kementerian Kesihatan hanya boleh melakukan atau mengambil tindakan di bawah undang-undang yang diberi kuasa oleh undang-undang di bawah Kementerian Kesihatan. Contohnya, di Kementerian Kesihatan kita ada Undang-undang Farmasi ataupun Undang-undang Perubatan. Apabila sesuatu kesalahan itu di luar daripada Kementerian Kesihatan contohnya salon kecantikan. Salon kecantikan mereka membuat sesuatu iklan dan juga menyatakan boleh membuat sesuatu prosedur kepada kecantikan itu.

Apabila dia telah pun mendapati masalah pada prosedur itu maka kalau bukan dibuat oleh doktor, kalau dibuat oleh doktor, dirawat oleh doktor kita boleh ambil tindakan ke atas doktor tersebut. Kalau dibuat oleh seseorang jurusolek kecantikan, maka jurusolek itu boleh diambil tindakan kerana menjalankan tugas beliau di luar bidang dia. Di luar bidang itu adalah satu *criminal, that means injustice to a person* kerana tidak boleh menjalankan tugas di luar bidang kepakaran masing-masing.

Ini kerana kita sekarang tidak ada lagi. Dulu suatu ketika kita hendak cadangkan satu akta kosmetologi. Di mana Kementerian Kesihatan diberikan suatu kuasa lagi untuk mengawal semua pakar-pakar kecantikan ini. *All the beauticians today are not regulated. The beauticians* sebagai satu profesion, ia adalah di bawah bidang yang lain. Oleh itu saya juga, kita Kementerian Kesihatan memang dalam kajian untuk mewujudkan satu akta yang baru iaitu *Cosmetology Act* sama ada boleh kita memantau dari segi pakar-pakar kecantikan ini. '

Oleh itu apabila sesuatu perkara itu dibuat di luar bidang Kementerian Kesihatan memang sukar untuk kita untuk mengambil tindakan. Saya harap ambil maklum dan oleh itu kita minta bantuan polis. Memang apa-apa perkara di luar bidang kita, pihak polis boleh mengambil tindakan walaupun kita tahu pihak polis ada kuasa kerana itu satu jenayah juga, menjalankan kerja-kerja di luar bidang mereka dari segi penipuan dan sebagainya. Kita akan bincang lebih lanjut bagaimana untuk menjadikan penguatkuasaan kita lebih berkesan untuk menjaga kebajikan rakyat.

Berhubung dengan iklan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, memang kita ada Akta Iklan dan Penjualan 1956 dan boleh kita mengawal iklan-iklan yang disiarkan di akhbar dan juga media.

Akan tetapi masalahnya tadi saya juga dengar bahawa banyak Yang Berhormat Dato' Nong Chik ada jawab, DBKL juga masalah. Iklan-iklan yang tidak daftar, yang tidak memohon langsung, tidak memohon dia tampal sahaja. Ubat kuat laki-laki, macam-macam. Itu semua boleh kita ambil tindakan di bawah bidang kuasa yang lain kerana ia bukan di bawah bidang Kementerian Kesihatan. Memang DBKL juga mengadu masalah. Ini satu perkara yang perlu kita kaji bagaimana untuk kita lebih berkesan mengawal iklan-iklan yang haram, yang orang kata iklan-iklan yang tidak betul ini, perlu kita ambil tindakan yang lebih lanjut. Sekian, terima kasih.

11. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan akan menaikkan jumlah pelepasan cukai ke atas pembelian buku-buku yang pada masa ini berjumlah hanya RM1,000 setahun bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, hajat kerajaan menyediakan pelepasan cukai ke atas perbelanjaan pembelian bahan baca seperti buku dan majalah oleh pembayar cukai pendapatan individu bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan pembayar cukai individu. Pelepasan cukai sebanyak RM500 telah diperkenalkan dalam Bajet 2011. Bagi terus menggalakkan tabiat membaca dan perbelanjaan berterusan di kalangan rakyat, had amaun pelepasan ini telah dinaikkan kepada RM700 dalam Bajet 2005. Seterusnya pada amaun RM1,000 dalam Bajet 2007.

Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan jumlah pelepasan cukai ke atas pembelian buku dan majalah memandangkan had RM1,000 adalah memadai. Sebarang kenaikan had pelepasan cukai akan mengakibatkan kehilangan hasil kerajaan. Di samping itu kerajaan telah menurunkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu mata peratus an bagi kurang pendapatan bercukai sehingga RM50,000 dalam Bajet 2013. Penurunan kadar cukai ini membawa kepada peningkatan pendapatan boleh guna rakyat yang juga membantu menanggung perbelanjaan bahan bacaan bagi terus menggalakkan budaya membaca.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga pelbagai inisiatif selain pembelian pelepasan cukai turut dirancang bagi menggalakkan tabiat membaca di kalangan rakyat melalui agensi kerajaan seperti Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia. Di antara program yang telah dianjurkan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, KEMBARA Buku 1Malaysia dan Sumbangan Buku 1Malaysia. Usaha seumpama ini perlulah disokong oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Soalan itu sudah dijawab. Sekarang saya jemput soalan tambahan. Silakan Puan Hajah Khairiah.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Soalan tambahan saya apakah insentif kewangan yang lain yang diberikan oleh kerajaan bagi menggalakkan penulisan dan penerbitan terutamanya buku-buku ilmiah dalam negara dan juga menggalakkan kemasukan buku-buku yang diterbitkan di luar negara dan pada masa yang sama mengekalkan harga buku-buku dalam harga yang minimum dan mampu oleh semua orang.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat yang telah tanya soalan mengenai harga buku. Memang isu ini agaknya seperti kita sedia maklum kita amalkan ekonomi terbuka iaitu harga ditentukan oleh pasaran. Memang kita ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri yang bertanggungjawab tetapi kita memang akan mengawal dari masa ke semasa. Kalau Yang Berhormat ada buku-buku yang begitu baik boleh beritahu kementerian berkenaan atau merujuk kepada Kementerian Kewangan. Sekian.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya rasa pelepasan cukai ke atas pembelian buku-buku yang diberi oleh kerajaan adalah terhad kepada buku-buku yang dibeli di dalam negeri ini sahaja. Apakah kerajaan bercadang memasukkan pembelian-pembelian buku yang kita beli daripada luar negara. Maksudnya apabila selalu kita pergi ke luar negara kita akan beli buku-buku untuk bawa balik. Itu sahaja soalan saya. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator bertanya soalan mengenai beli buku yang terhad dalam negara sahaja.

■1200

Untuk makluman Yang Berhormat, tiap-tiap tahun apabila kita menghantar penyata taksiran untuk kita sendiri, memang 1,000 yang saya katakan tadi boleh ditolak dengan terus dan kita memang tidak hadkan *you* hendak beli buku apa. Kalau *you* tidak beli pun kita tolak. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, isu ini memang bukan satu isu yang kita hendak bincangkan.

12. Puan Norliza binti Abdul Rahim *[Di Bawah P.M. 23(2)]* minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian menangani permasalahan parkir untuk motosikal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur sangat terhad berbanding dengan jumlah motosikal yang sentiasa meningkat. Ini telah menyebabkan berlaku banyak masalah seperti pengguna motosikal akan sewenang-wenangnya meletakkan motosikal di merata tempat termasuk di tempat letak kereta yang mana ia mengganggu pengguna kenderaan lain dan pejalan kaki. Selain itu jarak di antara parkir motor juga agak jauh dan tahap keselamatan terhadap motosikal di parkir agak rendah.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kepada bulan Oktober 2012, terdapat 5.2 juta kenderaan telah didaftarkan di Wilayah Persekutuan dan 1.51 juta daripadanya adalah motosikal. Berdasarkan statistik tersebut, sememangnya kementerian ini mengambil maklum dengan jumlah motosikal yang sebegini banyak di Kuala Lumpur. Keadaan ini turut memberi kesan kepada penyediaan ruang tempat letak kereta motosikal yang mencukupi.

Pada peringkat awal pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu sehingga tahun 2010, sesuatu kelulusan merancang dalam pembangunan hanyalah menggalakkan supaya pemaju untuk menyediakan ruang tempat letak motosikal. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2010, pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan tempat letak motosikal dengan kadar purata semua jenis pembangunan satu tempat letak kereta/motosikal bagi setiap 1,500 kaki persegi luas lantai.

Bagi menampung kekurangan tempat letak motosikal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah dan sentiasa mencari ruang-ruang yang sesuai untuk dijadikan tempat letak motosikal terutama di kawasan yang menjadi tumpuan pengguna motosikal seperti bank, pasar raya dan pejabat. Pada masa ini, terdapat 4,217 ruang tempat letak motosikal yang telah disediakan di 97 tempat di sekitar daerah pusat penerangan. Ini tidak termasuk tempat letak motosikal di dalam bangunan dan kawasan persendirian yang lain.

Untuk makluman bersama, umumnya dari segi keselamatan adalah atas tanggungjawab pengguna, tetapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut menyediakan tempat letak motosikal berkunci di beberapa lokasi untuk mengelakkan berlakunya kejadian kecurian. Walau bagaimanapun, didapati orang ramai kurang menggunakan kemudahan ini. Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menangguhkan sementara pemasangan tempat letak motosikal berkunci di tempat-tempat yang lain. Penyediaan tempat letak motosikal yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kadang kala lokasinya agak jauh dari kawasan aktiviti adalah disebabkan tiadanya ruang-ruang yang bersesuaian berhampiran dengan kawasan aktiviti tersebut.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sudi hadir untuk menjawab pada hari ini. Saya cuma ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Menteri ada bercakap mengenai *ratio* dari segi yang pembawa motosikal dan *ratio* atau nisbah kawasan tersebut. Perlukah *ratio* ini atau nisbah ini dikaji semula untuk kesesuaian tempat yang sedia ada dan sama ada untuk pembangunan yang akan datang, perlukah kita memikirkan sama ada perlu kita adakan tempat meletak motosikal ini yang jenis bertingkat sebagaimana yang diamalkan oleh negara-negara luar? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Ahi Yang Berhormat. Berkenaan dengan nisbah, ini telah dibuat kajian oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disyaratkan keperluannya kepada khususnya pemaju pihak swasta untuk menyediakan kemudahan-kemudahannya. Walau bagaimanapun, jika diperlukan pada masa akan datang, nisbah ini boleh diubahsuai.

Lain pada cadangan-cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan parkir bertingkat ini, dari segi kereta memang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang melaksanakan atau pun mengkaji pelaksanaannya di tempat-tempat tertentu. Memang ini kita nampak ada keperluannya, tetapi saya tidak tahulah adakah sesuai adanya motosikal *parking* bertingkat ini. Setakat ini saya tidak nampak ada di mana-mana dalam dunia. Walau bagaimanapun, kita akan kaji jugalah cadangan ini.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini agak sipi sedikit tetapi relevan. Saya hendak tahu adakah kajian nisbah keluasan sesebuah kawasan yang hendak diluluskan oleh DBKL itu ada kaitannya dengan masa DBKL meluluskan sesebuah projek pembangunan itu? Saya harap soalan saya jelas. Kalau tidak jelas, saya akan memberi contoh yang lebih spesifik.

Contoh yang lebih spesifik Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan dengan kelulusan DBKL iaitu sebuah projek pembangunan masjid di Brickfields. Pihak perunding telah mengemukakan surat mohon kelulusan kepada DBKL pada 24 April 2012. Ini diberitahu oleh Yang Berhormat Dato' Jamil, tetapi sampai sekarang masih tidak ada lagi jawapan terhadap permohonan itu. Adakah ini kaitan dengan soal *parking* atau soal macam mana? Kenapa memakan masa terlalu lama? Sebenarnya perkara ini hendak saya timbulkan dalam ucapan saya tetapi kerana kebetulan Yang Berhormat Menteri ada di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan Yang Berhormat Dato' Firdaus tidak berkaitan dan saya pun fikir tidak mungkin ada kaitan dengan parkir pasal biasanya untuk kawasan masjid ini tidak ada syarat-syarat kecuali *parking* kereta yang ditentukan, khususnya *parking* motosikal. Walau bagaimanapun, mungkin ada perkara-perkara yang lain yang menyebabkan kelewatan kelulusan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

13. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Menteri Kewangan menyatakan, status dan cadangan penswastaan Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kesannya terhadap organisasi tersebut yang jika dinilai, merupakan satu-satunya organisasi yang masih menggunakan perkataan Melayu pada jenamanya.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah membenarkan syarikat MMC Corporation Berhad atau MMC untuk melaksanakan kajian *due diligent* atau ketekunan wajar ke atas KTMB bagi tujuan penswastaan. Pada masa ini, MMC telah pun selesai melaksanakan kajian berkenaan dan cadangan mengenai penswastaan KTMB telah pun dikemukakan kepada kerajaan. Namun demikian, kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan mengenainya kerana ia perlu diteliti, dikaji dan dipertimbangkan dengan lebih terperinci terlebih dahulu sebelum kerajaan mengambil tindakan selanjutnya.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat berkenaan dengan kesan penswastaan ke atas KTMB, adalah dipercayai bahawa ia mampu mempertingkatkan tahap penyampaian perkhidmatan KTMB ke tahap yang lebih baik dan berkualiti berdasarkan kepada konsep *performance based driven*. Ini adalah penting untuk memastikan KTMB dapat mencapai matlamat *sustainable operations* tanpa banyak bergantung pada bantuan kewangan kerajaan di masa hadapan.

■1210

Oleh hal yang demikian selaras dengan prinsip, *"Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,"* perkhidmatan pengangkutan kereta api akan menjadi pengangkutan awam pilihan yang lebih cekap dan berkesan serta memenuhi kehendak *stakeholders*. Kerajaan sedia maklum bahawa cadangan penswastaan KTMB ini akan menimbulkan kekhuatiran di kalangan pihak-pihak tertentu. Namun demikian, kerajaan masih mempunyai kepentingan terhadap aset-aset kereta api dan sentiasa memastikan aset-aset berkenaan yang merupakan aset penting negara dipelihara dan diuruskan dengan cekap dan berkesan.

Justeru itu cadangan penswastaan berkenaan perlu diperhalusi agar kepentingan kerajaan sentiasa terpelihara termasuk untuk memelihara perkataan Melayu di dalam jenama. Sekian.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas saya ucapkan kepada kementerian kerana setakat ini tambang perjalanan KTMB merupakan paling murah berbanding dengan pengangkutan awam lain seperti LRT dan *monorail.* Diimbas kembali pada 1977 hingga 2002, syarikat KTMB ini pernah cuba diambil alih oleh syarikat dikenali sebagai Marak Unggul Sdn. Bhd. Namun saya difahamkan ianya telah dibatalkan apabila Menteri Sumber Manusia semasa itu campur tangan akhirnya pengambilalihan oleh Marak Unggul ini dibatalkan pada 2002 dan Kerajaan Pusat mengambil kembali KTMB.

Soalan saya, jika pengambilalihan itu direalisasikan apakah jaminan kerajaan bahawa kenaikan harga tambang perjalanan akan dikekang? Faedah serta jaminan kerja kakitangan dikekalkan dan skop serta bidang kerja kakitangan tidak ditukar yang menyebabkan kakitangan mungkin terpaksa membuat kerja-kerja yang bukan bidang spesifikasi mereka. Adakah syarat agar nama yang mempunyai ikon Melayu tidak ditukarkan? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti Yang Berhormat sedia maklum pada tahun 1996 Konsortium Marak Unggul Sdn. Bhd. yang mereka minta penswastaan syarikat KTM ini. Akan tetapi kita telah tamatkan perjanjian itu pada 31 Disember 2001 dan Yang Berhormat sedia maklum tahun 2003 kita mendapat cadangan dari pihak MMC Gamuda. Buat masa ini kita belum membuat apa-apa keputusan.

Memang pada masa ini kita tahu tambangnya memang murah tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat iaitu dari segi kewangan atau KTMB, kedudukannya. Tahun 2007 kita rugi RM61.8 juta, tahun 2008 kita rugi RM86.4 juta, tahun 2009 kita rugi RM92.6 juta dan tahun 2010 kita rugi RM372 juta. Ini memang kita tahu bukan senanglah untuk kita mengadakan perkhidmatan ini dan memang pihak KTMB telah mengambil tindakan. Antaranya strategi iaitu:

(i) kita memang mempertimbangkan akan menaikkan kadar tambang sedikitlah;

(ii) akan meneruskan tanggungjawab sosial korporat bagi perkhidmatan tren antara bandar komuter; dan

(iii) menyasarkan perluasan laluan perkhidmatan tren dan mempertingkatkan bilangan penumpang tren di Wilayah Utara.

Kita memang ambil tindakan supaya kita boleh memberikan kewangan yang lebih baik dan sasaran kita pada tahun 2014 kita akan capai keuntunganlah.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat minat berhubung dengan kereta api ini kerana saya pernah menjadi Setiausaha Lembaga Kereta Api 30 tahun dahulu. Sebenarnya soalan ini ialah bersangkut-paut dengan dasar penswastaan. Pada saya Kereta Api Tanah Melayu ini tidak patut diswastakan kerana ia adalah *social obligation* kerajaan dan tidak ada kereta api di seluruh dunia, perkhidmatan kereta api yang mendapatkan keuntungan melainkan boleh jadi di Jepunlah *fast train*.

Saya hendak minta penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sudah tidak berjaya menswastakan Kereta Api Tanah Melayu, adakah dasar untuk menswastakan Kereta Api Tanah Melayu ini akan terus difikirkan ataupun tidakkah patut kerajaan membuat keputusan kita tidak swastakan kereta api ini kerana perkhidmatan kereta api ini adalah perkhidmatan sosial yang sepatut diberi oleh kerajaan. Ini kerana pada masa dahulu Stesen Slow Machang di Pasir Mas, kerajaan kata kena berhenti di situ sebab ada orang berhenti tetapi Slow Machang di antara Wakaf Baru dengan Pasir Mas hanya sedikit sahaja. Kalau lokomotif itu berhenti mesti mendapat kerugian, kena ada *Station Master* dan sebagainya. Itulah sebagai contohnya.

Jadi, apa pendapat Menteri dalam perkara ini? Patut kah kita terus mengatakan KTMB diswastakan ataupun lupakan, kita bagi perkhidmatan *special?* Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim. Memang beliau begitu semangat, beliau ada pandangan dalam isu ini. Nampak pun Senator yang lain pun agak macam setuju juga... *[Ketawa][Tepuk]* Saya akan menyampaikan pandangan ini kepada kementerian dan juga pihak bertanggungjawab. Seperti yang kita sedia maklum apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi iaitu di mana-mana tempat di dunia memang perkhidmatan kereta api tiap-tiap negara pun ada kerugian. Sebagai contoh, *British Railway* tiap-tiap tahun dia rugi lebih kurang 2 bilion *pound so,* ini angka yang besar.

Kita di sin, perkhidmatan kereta api di Malaysia memang kita kurang sedikit. Saya memang akan menyampaikanlah pandangan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada pandangan seperti ini boleh juga tulis surat kepada KTMB dan kita haraplah mereka akan timbang dengan baik supaya perkhidmatan ini diteruskan untuk semua rakyat. Sekian.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup dua soalan sahaja. Yang Berhormat boleh bercakap bila dalam ucapan belanjawan nanti. Sekarang saya persilakan pertanyaan yang ke nombor seterusnya, yang nombor 14.

14. Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta Menteri Kesihatan menyatakan, keupayaan Malaysia dalam hal pembuatan ubat-ubat generik.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, semua produk farmaseutikal termasuk ubat generik yang dipasarkan di Malaysia perlu didaftarkan dengan pihak berkuasa kawalan dadah sebelum ia boleh dikilangkan, diimport atau dijual. Hanya produk-produk yang dinilai selamat, berkualiti dan berkesan dengan *efficacy* nya akan didaftarkan. Secara kumulatifnya jumlah 12,794 ubat generik telah didaftarkan dengan pihak farmasi sehingga Oktober 2012. Pada hari ini di Malaysia terdapat 30 buah kilang. Pengilang tempatan yang berkeupayaan mengilang ubat-ubat generik.

■1220

Kesemua pengilang ini mempunyai lesen pengilang dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengilang-pengilang tersebut disyaratkan mematuhi keperluan amalan pengilang yang baik, *good manufacturing practice* (GMP). Pemeriksaan ke atas premis pengilang berkenaan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan ubat generik yang dihasilkan adalah selamat dan berkualiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ubat-ubat generik yang dihasilkan bukan sahaja untuk kegunaan tempatan malah turut dieksport ke luar negara seperti negara-negara di rantau ASEAN, Afrika, Asia Barat, Asia Timur dan Eropah. Nilai eksport produk farmaseutikal bagi tahun 2011 ialah RM594.3 juta. Kita yakin bilangan ini akan terus meningkat kerana kementerian telah pun mengenal pasti bidang farmaseutikal adalah satu bidang yang bertumbuh dengan cepat dan kita telah masukkan dalam NKEA.

Kita sudah tetapkan di bawah EPP3 di bawah Kementerian Kesihatan, *entry point project* Kementerian Kesihatan, barang-barang farmaseutikal akan mewujudkan peluang pekerjaan yang tinggi dan juga GNI yang tinggi bagi kerajaan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya ialah nisbah dari segi nisbah harga ubat *branded* dengan ubat generik ini, apa nisbahnya?

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua kementerian membelanjakan lebih kurang RM1.4 bilion dalam kos ubat seluruh negara satu tahun 2011. Kita belanja lebih kurang RM862 juta untuk ubat generik. Oleh itu nisbahnya adalah 60 peratus generik, 40 peratus *pattern to drug*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat kerana masa tidak mengizinkan saya ingin merakamkan di sini kepada Yang Berhormat yang dapat hadir khususnya Menteri Kesihatan. Kita dapat lihat bahawa Menteri menjawab dia skop pengetahuan itu luas dan dapat memuaskan.

Contohnya, saya menggalakkan kalau lebih ramai Menteri datang dapatlah agaknya kita menghargai janganlah asyik biarkan Timbalan Menteri sahaja. Ini menteri-menteri agaknya saya menggalakkanlah, menyeru boleh datang ke Dewan yang mulia ini untuk memberi jawapan yang sebaik mungkin. Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ***[10 Disember 2012]***

12.23 tgh.

Tuan Yang di-Pertua: Semua Ahli Yang Berhormat saya ingin mengambil perhatian semua bahawa kita hanya ada hari ini dan esok sahaja untuk membahaskan Belanjawan 2013. Saya daripada mula lagi telah memohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat kemukakan siapa yang hendak berucap. Kalau sekiranya hari ini kita ada jumlah sembilan orang hendak berucap. Untuk memberi ruang masa saya membuat satu perangkaan masa, mohon kerjasama.

Kalau sekiranya ramai hendak berucap malam sambung pun tidak mengapa tidak menjadi masalah. Akan tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat tidak beri kerjasama nanti kalau saya tidak benarkan nanti jangan marah kepada saya. Ini saya hendak beritahu awal-awal lagi. Seterusnya saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Mariany untuk menyambung dalam masa sepuluh minit sahaja. Selepas itu agaknya yang lain itu bersiap sedia.

12.24 tgh.

Puan Hajah Mariany binti Mohamad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Seterusnya saya akan membahaskan perkara Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Antara fungsi utama JPS dalam isu ini adalah menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir atau Pelan Induk Saliran Bandar untuk diguna pakai dan dijadikan panduan oleh pihak berkuasa tempatan. Untuk semua jenis pembangunan dan setiap tahun, seksyen ini menerima peruntukan antara yang tertinggi bagi kementerian ini. Contoh tahun 2010 - RM1.79 bilion dan tahun 2012 kurang sedikit RM1 bilion.

Merujuk kepada masalah banjir seluruh negara mutakhir ini, sebahagian besar daripada kejadian banjir adalah disebabkan oleh pembangunan yang tidak terancang, ataupun pembangunan yang tidak mengikut Pelan Induk Saliran atau Tebatan Banjir yang telah dicadangkan. Juga disebabkan oleh pembangunan projek yang menyebabkan parit atau longkang tersumbat oleh hakisan tanah, sungai semakin cetek kesan pemendapan kelodak pasir atau hakisan tanah kesan daripada pembangunan sama ada secara halal ataupun pembangunan secara haram.

Saya ingin tahu di sini apakah ketegasan yang boleh dilaksanakan oleh kementerian terhadap pihak kerajaan tempatan yang meluluskan projek yang didapati menjadi antara punca utama kejadian banjir. Ini kerana apabila banjir berlaku lazimnya pihak kementerian atau JPS dipersalahkan manakala punca sebenar longkang atau parit tersumbat atau sungai menjadi cetek tidak ditimbulkan.

Kita bukan mencari salah sesiapa tetapi tiada guna kementerian berbelanja banyak untuk menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir jika ianya tidak digunakan oleh pihak yang meluluskan projek pembangunan terutamanya oleh Pihak Kerajaan Tempatan.

Sedangkan masalah banjir sebenarnya dapat dikurangkan di peringkat awal lagi sekiranya sesuatu projek itu yang hendak diluluskan oleh PBT benar-benar secara ikhlas dan jujur mengambil kira kesan kepada masalah hakisan dan pemendapan tanah yang menyebabkan sungai cetek atau longkang tersumbat yang seterusnya menyebabkan faktor kepada kejadian banjir.

Saya juga mohon kementerian menambahkan ataupun menyediakan peruntukan secara *one-off,* dengan izin, bagi tujuan penyelenggaraan sistem perparitan di seluruh negara. Bagi pembuangan kelodak tanah dan sampah sarap dalam longkang atau parit serta naik taraf sistem perparitan di kawasan yang sering banjir dapat dilakukan secara berkala bukan hanya apabila berlaku banjir sahaja. Juga mohon kementerian mengadakan peruntukan khusus bagi mempercepatkan pembinaan kolam takungan banjir di kawasan yang boleh mengurangkan kejadian banjir di seluruh negara.

Seterusnya susulan pengenalan dasar 30 peratus wanita di peringkat pembuat dasar, pembuat keputusan. Dimaklumkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memperkenalkan Program Pengarah Wanita. Walaupun rakan sebelum saya telah membahaskan tajuk ini, tetapi saya ingin membawa kepada soalan yang lebih terperinci. Di sini saya mohon memperjelaskan apakah- saya ingin penjelasan apakah *content syllabus* di bawah program ini dan siapakah yang layak? Serta apakah syarat kelayakan untuk mengikut program ini? Sama ada seseorang wanita itu mestilah penjawat awam ataupun yang di luar kerajaan juga. Kita difahamkan kini sudah ada satu daftar calon wanita yang berkelayakan untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah sebagai sumber untuk syarikat tersenarai Bursa Malaysia untuk memilih calon wanita.

Juga dilaporkan sehingga 12 Oktober 2012 seramai 112 orang wanita telah berjaya menjalani latihan. Sasaran untuk 2013 ialah untuk melatih 500 orang wanita. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memperuntukkan RM10 juta untuk tahun 2013 untuk Program Pengarah Wanita.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyeru supaya syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia terutama syarikat berkaitan kerajaan GLC, untuk melantik wanita yang berkelayakan, berpengalaman, berwibawa dan telah menjalani latihan Program Pengarah Wanita ke Ahli Lembaga Pengarah syarikat mereka. Kalau dahulu mungkin ramai yang mengatakan tidak mempunyai senarai wanita yang berkenaan, namun kini alasan tersebut tidak boleh diterima lagi. Satu daftar telah disediakan.

Di sini saya ingin berkongsi maklumat bahawa pelbagai kajian menunjukkan bahawa syarikat yang meletakkan wanita sebagai pembuat keputusan berjaya menikmati keuntungan yang lebih besar. Kajian dilaksanakan oleh *US Firm Catalyst* pada tahun 2007 menunjukkan syarikat dalam *Fortune 500* yang mempunyai peratus an wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah yang tinggi mempunyai prestasi yang lebih baik. Jika dibandingkan dengan syarikat yang mempunyai peratus an wanita yang rendah sebagai Ahli Lembaga Pengarah. *So,* rakan-rakan di dalam Dewan ini dengar-dengarlah, semua di dalam Dewan ini dan di luar diharap dapat ambil maklum dan iktibar serta sebarkan kenyataan ini.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kesejahteraan wanita dan keluarga sentiasa menjadi perhatian dan keutamaan terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sekali lagi setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membuat pengumuman di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini demi membantu melonjakkan ekonomi wanita yang berpendapatan rendah dan sederhana ke pendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit sahaja lagi.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Tiga minit? Sikit lagi. Katanya had pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM100,000 sebagai menghargai ketekunan golongan wanita dalam bidang perniagaan dan sungguh beruntung dan bersyukur wanita di Malaysia, kerana sentiasa mendapat pembelaan dan perhatian yang sangat rapi daripada Kerajaan Barisan Nasional.

Sebagai pengakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi satu perkara tetapi saya cuba ringkaskan iaitu saya ingin menyentuh tentang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia iaitu FRIM. Antara objektif umum operasi FRIM adalah meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan alam sekitar dan menyediakan kemudahan serta memberikan khidmat profesional dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap alam sekitar.

Isu dan persoalan saya adalah mengenai fi ataupun bayaran yang dikenakan untuk melawat FRIM. Untuk melawat FRIM, bayaran yang dikenakan agak tinggi dan membebankan orang ramai. Memang diakui bayaran masuk yang dikenakan hanyalah RM1 seorang dan RM5 setiap kereta. Namun begitu, apabila kita masuk ke FRIM dan jika ingin mengikuti aktiviti-aktiviti lain, berbagai-bagai caj dikenakan dan agak tinggi bagi persendirian, berkumpulan ataupun berkeluarga. Ini seolah-olah FRIM ini bersifat lebih komersial berbanding dengan objektifnya untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan alam sekitar.

Saya mohon agar bayaran caj atau fi ini wajar diteliti semula oleh pihak kementerian supaya ianya tidak membebankan dan tidak dilihat terlalu bersifat komersial dan adalah dicadangkan juga supaya lebih banyak aktiviti disediakan bagi tujuan kesedaran untuk memelihara hutan diperkenalkan kepada pengunjung. Tidak salah untuk mengenakan bayaran namun ianya janganlah terlalu mementingkan keuntungan sehingga menutup kepentingan dan fungsi asal FRIM itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Ya, gulung, sikit lagi. Sudah lari Tuan Yang di-Pertua, nanti kejap. Okey *last* sekali Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya FRIM menjalankan aktiviti *advocacy* kepekaan, pengetahuan, kesedaran alam sekitar kepada seramai mungkin dan menjadi ejen penyebaran tanpa mengira keuntungan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, saya memang menggalakkan Yang Berhormat boleh berucap, ambil kesempatan dalam Dewan ini. Kalau baca peraturan mesyuarat sebenarnya, *to be strictly* mengikut peraturan sebenarnya tak boleh baca dan saya menggalakkan Ahli-ahli Yang Berhormat cuba secara meletakkan poin sahaja untuk bercakap dan ini saya memang nak melihat ini kalau boleh.

Ia untuk memberi peluang dan juga kalau membaca itu macam contoh tadilah, bila *out of point* itu dah rasa lain macam*, so* cuba latih dirilah. *Don't be worry, don't.* Ini Dewan kita ini untuk sama-sama kita berhujah, berbahas dengan keadaan yang seronok dan berkualiti. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Firdaus.

12.34 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013 ini.

Saya akan membahagikan pandangan saya kepada tiga bahagian. Pertama ialah tanggapan am dan pentafsiran konseptual saya terhadap keseluruhan dokumen atau naskhah bajet yang telah dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan telah diedarkan naskhahnya. Bahagian yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah beberapa pandangan dan saranan yang spesifik terhadap isu-isu tertentu.

Walaupun banyak isu yang hendak diperkatakan tapi barangkali saya terpaksa lebih memilih-milih apa yang patut dikemukakan. Dalam bahagian yang ketiga, saya ingin membuat satu seruan terutama kepada rakan-rakan di seberang sana di sebelah kiri itu. Seruan perpaduan kepada seluruh rakyat Malaysia dan seruan kembali ke pangkal jalan kepada bangsa Melayu terutama pengikut PAS dan PKR. Sebahagian daripada bahagian ketiga ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bila sebut bangsa Melayu dan jangan lupa bumiputera.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ha okey. Macam mana? Seluruh bumiputera? Okey. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Melayu dan bumiputera.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Seluruh bangsa Melayu dan bumiputera. Sebahagian daripada bahagian ketiga ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua, akan saya sampaikan dalam bentuk puisi atau gurindam dengan izin tapi itu bahagian ketiga, mudah-mudahan ada masa.

Saya mulakan dengan tanggapan am atau tafsiran konseptual saya terhadap keseluruhan bajet ini. Saya menyokong kuat bajet ini tetapi Tuan Yang di-Pertua, sokongan saya ini sebagaimana juga sokongan pengikut-pengikut, penyokong-penyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sokongan kita bukanlah sokongan yang membuta tuli. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengalu-alukan teguran-teguran yang membina. Sesuai dengan falsafah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengalu-alukan teguran yang membina itu, saya ingin memulakan bahagian ini dengan mengemukakan sedikit teguran terhadap teks bajet yang telah diedarkan. Teguran saya kecil sahaja tetapi saya rasa mempunyai implikasi yang besar dalam usaha kita memodenkan dan memasyarakatkan bahasa Melayu yang betul.

Saya sebagai pengamal bahasa lebih 50 tahun, menulis, bercakap dan seumpamanya. Saya rasa agak janggal bila bajet ini dipanggil, diberi tajuk, *"Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat," a*da sesuatu yang tak kena saya rasa dalam ungkapan ini, kerana saya hanya pengamal dan bukannya ahli akademik dalam bahasa ini maka saya rujuk kepada ahli akademik. Saya merujuk tidak kurang daripada orangnya, tokohnya tak kurang daripada Profesor Emeritus Nik Safiah Abdul Karim yang terlatih dalam bidang linguistik yang telah diakui kepakarannya.

Saya kata, *"Prof. Nik, betul kah tajuk ini dibuat seperti ini?"* Kata Prof. Nik, *"Memang tak kenalah Firdaus, ada sesuatu yang tak kena".* Sepatutnya katanya tajuk ini dipanggil memakmurkan negara, menyejahterakan rakyat. Itulah bahasa Melayu yang betul dan ini teguran Nik Safiah dan saya kemukakan teguran tentu sahaja bukan kepada Dato' Najib tetapi kepada penulis-penulis ucapannya, supaya lebih peka terhadap penggunaan bahasa yang betul agar jangan berlaku lagi seperti yang ditegur dan yang menyebabkan saya terkilan dan kemudian keterkilanan saya itu diakui oleh Profesor Emeritus Nik Safiah.

Ini yang sebenarnya bukan berlaku untuk teks ini sahaja. Satu teks yang lain dahulu, *"Menakhoda Zaman"* pun tak betul kalau nahu Bahasa Melayu yang sebenarnya.

■1240

Saya timbulkan perkara ini kerana ucapan ini adalah naskhah ucapan pemimpin tertinggi kita dan kita mahu supaya menggunakan Bahasa Melayu yang betul. Itulah teguran membina saya dan saya percaya akan diterima oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, terutama sekali pesanan ini lebihlah kepada penulis-penulis ucapannya. Dalam hal ini barangkali Dato' Sri Mohd. Najib pun tahu bahawa saya sendiri pun pernah bekerja dengan beliau dalam bidang ini berpuluh-puluh tahun yang lalu semasa beliau menjadi Ketua Pemuda. Jadi, itulah teguran dan saya rasa Dato' Sri Mohd. Najib cukup terbuka menerima teguran-teguran seperti ini. Akan tetapi saya berharap penulis-penulis ucapannya juga bersikap terbuka. Tolong sampaikan, pegawai-pegawai yang mencatat. Itulah teguran saya.

Kemudian saya melihat dokumen bajet ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai empat unsur atau komponen utama yang patut kita hayati. Agar dengan demikian, keseluruhan ucapan bajet ini benar-benar dapat kita bukan sahaja faham tetapi hayati. Boleh tegur tetapi jangan melalukan kritikan yang membuta tuli. Saya melihat pertama, komponen yang pertama atau unsur yang pertama daripada naskhah atau ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini ialah mempunyai matlamat.

Jelas matlamatnya iaitu seperti yang dinyatakan oleh tajuknya, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat..."* Itulah matlamat daripada ucapan ini. Selain daripada mempunyai matlamat, ucapan ini juga mempunyai roh, mempunyai semangat iaitu sebagaimana dinyatakan di awal ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan- saya baca petikan daripada satu ayat di surah al-Baqarah yang diturunkan di Madinah.

Yang Amat Berhormat membaca, *"Berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan kerana di mana sahaja kamu berada, pasti Allah akan menghimpunkan kamu semua pada Hari Kiamat untuk menerima balasan. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu."*

Saya rasa inilah roh yang menjiwai bajet ini ialah kesedaran untuk berbakti. Kesedaran untuk berbakti dan untuk mengabdi, mengerjakan kebaikan sebagaimana yang disuruh dan diperintahkan oleh Allah SWT. Itulah roh daripada bajet ini. Oleh kerana itu, saya harap kita terima ini sebagai sesuatu yang dapat diterima. Kemudian, selain daripada mempunyai roh, mempunyai matlamat, mempunyai roh, bajet ini juga saya rasa mempunyai jasad, mempunyai batang tubuh yang terdiri daripada tiga komponen.

Pertama, bajet ini menyatakan apa yang Kerajaan Barisan Nasional telah buat terutama semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih pimpinan negara dan lebih dari itu semenjak negara ini mencapai kemerdekaan. Diperintah mula-mula sekali oleh gabungan parti-parti gabungan UMNO, MCA dan MIC dalam Perikatan dan kemudian dalam Barisan Nasional. Jadi, bajet ini menyatakan apa yang Kerajaan Barisan Nasional boleh buat dan ini dihuraikan dengan NKRA, dengan BR1M dan pelbagai habuan yang disebut di dalam bajet ini dan juga pelbagai kemewahan dan keselesaan hidup yang telah kita nikmati semenjak kerajaan ini memerintah.

Selain daripada itu, komponen yang ketiga daripada jasad atau batang tubuh daripada bajet ini ialah bajet ini menjanjikan apa yang Kerajaan Barisan Nasional akan buat. Mengikut, mengambil pedoman dan mengambil iktibar kepada prestasi Barisan Nasional semenjak lebih 50 tahun yang lalu dan lebih-lebih lagi semenjak Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib mengambil alih pimpinan negara. Makin banyak kita perhatikan yang telah dibuat.

Selain daripada itu, ertinya menjanjikan apa yang akan dibuat dan ini adalah janji yang realistik. Selain daripada itu, kenapa saya katakan janji yang realistik? Ini kerana janji itu diikuti dengan penjelasan apa yang Kerajaan Barisan Nasional boleh buat. Jadi, itulah saya lihat sebagai jasad kepada bajet ini.

(i) menyatakan apa yang kerajaan boleh buat;

(ii) menjanjikan apa yang kerajaan akan buat; dan

(iii) menjelaskan apa yang kerajaan boleh buat.

Sebagai penyimpul keseluruhan matlamat, semangat dan roh bajet ini ialah azam, iltizam, ikrar bahawa janji itu akan dikotakan. Jadi, saya sebagai penyokong kerajaan dan saya harap juga sebagai orang yang wajar, orang yang berfikiran waras akan menerima bajet ini sebagai mempunyai roh dan akan mengharap bahawa azam, iltizam dan ikrar itu akan dipenuhi.

Itulah sedikit pandangan saya mengenai...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tadi disentuh tentang kedudukan Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagaimanakah kedudukan Bahasa Malaysia. Pertama, di mahkamah dan kedua, di audit-audit jabatan. Adakah bahasa itu dipersadakan sebenar-benarnya atau bila hendak digunakan sepenuhnya di mahkamah dan di audit-audit. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya saya kata masalah ini dipandang sebelah mata sahaja atau adakah rancangan baru hendak dibuat atau kalau tidak ada, apa syor Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, Yang Berhormat membaca apa yang tersirat dalam fikiran saya. Di suatu waktu dulu, kita mempunyai mimpi-mimpi indah bahawa Bahasa Melayu akan menjadi bahasa moden, bahasa ilmu, bahasa budaya tinggi. Diamalkan oleh setiap rakyat di pasar-pasar hingga ke badan yang tertinggi seperti kita ini. Akan tetapi sayang Yang Berhormat, saya setuju bahawa mimpi-mimpi indah kita itu sekarang seakan-akan telah berubah menjadi *nightmare*, menjadi igauan buruk. Itulah yang kita bimbangkan.

Kerana itulah kita mengharapkan supaya langkah yang lebih tegas diambil untuk memastikan Bahasa Melayu itu, Bahasa Kebangsaan itu benar-benar menepati namanya. Kedudukannya dan darjatnya menjadi bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan bahasa budaya tinggi. Ertinya, kita mempunyai perjalanan yang amat jauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Mohon mencelah.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya syorkan bahasa Malaysia, bahasa Melayu dipersadakan sepenuhnya di mahkamah dan di Jabatan Audit. Adakah Yang Berhormat setuju saya kata penguatkuasaan Bahasa Malaysia ini sangat lemah di dua tempat iaitu di mahkamah dan di Jabatan Audit. Kalau lemah, bila hendak kuat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat dan semoga keprihatinan kita ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya. Saya setuju supaya tindakan yang tegas diambil...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, sila.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, ini berkenaan dengan Bahasa Malaysia. Saya kira di dalam persidangan yang lepas ada Ahli Yang Berhormat membangkitkan berkenaan dengan bagaimanakah penggunaan Bahasa Malaysia ini di persidangan-persidangan antarabangsa yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada negara kita. Saya pernah menghadiri persidangan *Asian Europe Parliamentary Meeting* di Brussels bersama dengan Timbalan Yang di-Pertua dan wakil daripada negara-negara yang lain menggunakan bahasa dia sendiri. Wakil dari China dan ada dengan izin Tuan Yang di-Pertua *translator* bagi pihak bahasa Indonesia. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat?

■ **1250**

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa memang tepat sekali saranan Yang Berhormat itu supaya sebagaimana juga pemimpin-pemimpin negara lain dalam persidangan-persidangan antarabangsa setidak-tidaknya dalam ucaptama itu atau setidak-tidaknya kalau tidak keseluruhan anggota delegasi kita dalam persidangan-persidangan antarabangsa itu, setidak-tidaknya ketua delegasi itu mengemukakan, menyampaikan ucapannya dalam bahasa kebangsaan kita.

Sebagaimana juga kalau umpamanya Indonesia boleh, saya tidak tahu, tidak faham kenapa yang kita tidak boleh kerana bahasa Indonesia itu sebenarnya adalah merupakan versi yang lebih moden dan lebih *up to date* daripada bahasa kita dan boleh kita tiru, boleh kita amalkan apa yang mereka buat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi pencelahan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Dari segi bahasa Malaysia ini atau bahasa kebangsaan kita ini saya dengar daripada Dato' tadi mimpi yang tidak sampai setakat ini tapi kita yakin pada masa depan kalau kita berusaha akan sampai.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, bagaimana langkah-langkah yang proaktif kalau kita boleh fikir selain daripada mahkamah dan audit tadi supaya kita dapat mempercepatkan, membuat satu anjakan yang cepat supaya bahasa kita yang sedang kita guna ini boleh kita realisasikan sampailah ke peringkat persada antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jawapan saya yang pasti supaya pertama kekalkan kerajaan yang ada sekarang... *[Tepuk]* Ini kerana kerajaan yang berjanji dan saya tidak percaya kalau kerajaan lain selain daripada Barisan Nasional yang memerintah akan ada komitmen untuk memperkasa bahasa...

Dato' Dr. Johari bin Mat: *[Bangun]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita menyedari tentang pelbagai halangan tetapi halangan itu akan bertambah buruk kalau umpamanya ada orang yang baru tiga bulan memerintah hendak tukar *signboard* di Pulau Pinang. Apa benda ini? Jadi jawapan saya pastikan kerajaan sekarang yang komited terhadap keperkasaan Bahasa Kebangsaan itu kekal berkuasa, satu.

Kedua, saya harap supaya sokongan sepenuhnya diberi kepada Dr. Awang Sariyan dalam memperkasakan, dalam menerajui Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usahanya untuk memperkasakan bahasa ini. Saya pernah menduduki tempat yang diduduki oleh Dato' Dr Awang Sariyan sekarang dan saya tahu rintangan-rintangan yang dihadapinya. Nanti sekejap.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sekarang, sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu dulu Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, biar dia habiskan. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus jawab dahulu, Yang Berhormat duduk dahulu. Okey, habiskan Yang Berhormat apa hendak jawab tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Rintangan yang dihadapi oleh Dato' Dr. Awang Sariyan sekarang memanglah banyak. Rintangan dalaman, rintangan luaran dan juga rintangan birokratik, rintangan *political* dan seterusnya. Akan tetapi dengan sokongan yang nampaknya sejak akhir-akhir ini diberikan oleh Menteri Pelajaran yang sekali gus adalah 'Timbalan Menteri Pelajaran'...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Menteri Pelajaran yang juga Timbalan Perdana Menteri, saya percaya usaha yang dilakukan oleh Dr. Awang Sariyan ini mudah-mudahan akan mendapat kejayaan. Kalau tidak kejayaan sepenuhnya, setidak-tidaknya kejayaan yang boleh kita banggakan. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh celah?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betulkah orang kata Dewan Bahasa dan Pustaka ini lembik, tidak ada roh, tidak ada semangat. Bukan rintangan, yang lembiknya Dewan Bahasa dan Pustaka itu sendiri, betulkah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya kata untuk mengatakan Dewan Bahasa dan Pustaka itu lembik itu tidak betul. Sebenarnya Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai matlamat kewujudannya yang tersendiri tetapi seperti saya katakan tadi persekitaran sekeliling sama ada bersifat birokratik atau *political* itulah yang menyebabkan kelancaran tugas Dewan Bahasa dan Pustaka itu tidak berlaku seperti yang kita kehendaki.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah dijelaskan apakah rintangan Dewan Bahasa dan Pustaka tersebut, apakah rintangan? Cakaplah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa tidak tahu berapa lama Tuan Yang di-Pertua boleh bagi saya bercakap ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mengikuti dengan penuh teliti. Kalau perbahasan itu berkualiti saya bagi masa. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Seperti yang saya katakan, apa yang kita patut lakukan dalam keadaan apa pun, masalah tetap ada. Dalam keadaan itu pun, oleh itu saya rasa kita harus memberikan sokongan yang sepenuhnya terhadap Dr. Awang Sariyan yang sekarang telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Menteri Pendidikan.

Kalau saya hendak menceritakan pengalaman saya, barangkali tidak kena tempatnya di sini tetapi ...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap tapi apa yang saya hendak katakan bahawa masalahnya adalah bertingkat-tingkat. Ada masalah dalaman, ada masalah luaran, ada masalah sabotaj secara terbuka, ada masalah sabotaj secara tersembunyi. Jadi tidaklah terlalu mudah untuk mengatakan di mana masalahnya, yang penting sekarang ialah bahawa pimpinan yang ada ini mendapat dukungan penuh daripada kementerian untuk membetulkan apa yang kurang betul untuk memperkuat apa yang lemah, itu yang penting sekarang saya rasa. Sila.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puas hati.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap, boleh tak kita dengar yang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi peluang kepada Tuan Baharudin dulu? Silakan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil juga bila bercakap tentang memperkasakan Bahasa Melayu ini sebab kalau tidak ada Bahasa Melayu maksudnya kita tidak ada bangsa Melayu ataupun boleh kita panggilkan bahasa kebangsaan. Jadi, saya bersetuju dengan pendapat Dato' Rahman tadi. Untuk memperkasakan bahasa, tidak boleh tidak kita kena berada dalam keadaan yang telus. Kalau berlaku sesuatu birokrasi ataupun berlaku keadaan-keadaan yang mengekang untuk kemajuan bahasa itu sendiri saya rasa kita perlu telus dalam keadaan Dewan Bahasa dan Pustaka ini dan memperjelaskan apa kaedah sebenar yang berlaku di dalam agensi terutamanya Dewan Bahasa dan Pustaka kerana ini adalah satu-satunya dewan yang benar-benar kita nampak atau fungsinya sebagai untuk memperkasakan bahasa kita sendiri.

Sedangkan kita tahu ada juga kementerian yang melakukan kempen bulan bahasa tapi kadang-kadang saya pun tidak nampak selepas kempen saya tidak tahu apa berlaku selepas itu. Jadi cuma sekarang kita bergantung kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri bagaimana untuk kita memperkasakan. Kalau kita terpaksa bercakap benda yang pedih semata-mata untuk kita mengangkat Bahasa Melayu itu ke tahap yang lebih tinggi, saya rasa kita tidak ada masalah untuk kita perbincangan demi kebaikan dan juga untuk Bahasa Kebangsaan kita sendiri. Jadi saya sangat bersetuju dengan Dato' Rahman. Terima kasih.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Biar jawab dulu, biar agaknya lepas itu. Saya minta Yang Berhormat jawab dulu yang pandangan itu tadi dan selepas itu Yang Berhormat boleh berilah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Baharudin, betapa berat mata memandang, tidak seberat bahu memikul. Sebenarnya itu ada tersebut dalam gurindam saya di akhir nanti, denganlah nanti. Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Kita berusaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan juga tulisan jawi dan negeri Kelantan telah pun dua tahun berturut-turut mendapat pengiktirafan daripada DBP, Dewan Bahasa dan Pustaka kerana memartabatkan tulisan jawi dan juga Bahasa Melayu di papan-papan iklan khususnya satu-satu negeri yang mewajibkan papan-papan iklan menggunakan jawi adalah Kelantan dan juga penggunaan wajib tulisan rumi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya terpaksa ikut, patuh kepada masa telah tunjukkan tepat jam 1 tengah hari, sungguhpun soalan Yang Berhormat agak relevan sungguh. Saya akan memberi peluang kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus menyambung selepas 2.30 petang nanti dan saya ingin beri maklum kepada semua juga apabila disebut masalah bahasa, ini ada tercatat dalam Perlembagaan dan kita sudah berikrar taat setia, akan akur mempertahankan Perlembagaan.

Dalam masyarakat majmuk, kita mesti faham dan komited kepada Perlembagaan dan perjuangan bangsa dengan izin, *this is a national pride, is not a question of any racial composition racial this harmony is our national identity.*

Dengan itu saya tangguhkan mesyuarat ini buat seketika sehingga jam 2.30 petang nanti dan saya ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi nama, bersedia dan Yang Berhormat semua akan diberi ruang yang seluas-luasnya bergantung kepada kualiti ucapan dan juga kalau boleh jangan membaca. Melihat poin-poin itu tidak mengapa tapi cuba dengan penuh yang lebih elok untuk memartabatkan, memperkasakan Dewan kita ini dan dengan itu saya tangguhkan mesyuarat kita ke jam 2.30 petang nanti. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, untuk tidak melengahkan masa saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah untuk terus berucap.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kita berehat tadi beberapa rakan-rakan Yang Berhormat bertanya tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam mendaulatkan bahasa kebangsaan. Antara soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar, apa masalahnya? Sebenarnya masalah ini saya rasa cukup rumit dan kompleks. Akan tetapi kalau hendak dirumuskan dengan bahasa yang mudah, masalahnya adalah berpunca daripada kurangnya kesepakatan sebahagian kakitangan Dewan Bahasa pada masa itu kerana terdapat *colleague*. Iktibar yang kita boleh ambil daripadanya ialah perpecahan yang berlaku pada Dewan Bahasa pada masa itu ada *colleague* ini ada *colleague* itu menyebabkan pelaksanaan polisi-polisi dan dasar-dasar Dewan Bahasa terbantut.

Itu adalah antara perkara yang saya cuba atasi tetapi barangkali tidak begitu berjaya. Iktibarnya ialah janganlah kita berpecah, ustaz. Perpecahan itu akan mengakibatkan perkara-perkara yang *counter productive*, itu satu. Saya cuba hendak mendamaikan *colleagues* itu. Namun kerana perpecahan itu sudah lama, dan masa saya pun tidak panjang kerana tidak sambung kerana sebab-sebab tertentu pula, maka tidak jadi.

Selain daripada itu terdapat juga masalah kurangnya kerjasama daripada sesetengah kerajaan tempatan yang terang-terang tidak mahu mematuhi peraturan-peraturan kecil Bahasa Kebangsaan. Selain daripada itu, terdapat sabotaj-sabotaj halus. Selain daripada iaitu pada saya ialah bila sebahagian kerja-kerja Dewan Bahasa diswastakan pun menjadi masalah. Belum lagi masalah pegawai-pegawai Menteri yang berlagak lebih daripada Menteri yang mengarahkan saya. Jadi minta maaf Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini ditanya, maka inilah jawapan. Saya tidak menyalahkan Menteri, pegawai-pegawai Menteri yang berlagak lebih daripada Menteri. Itu antara masalah Yang Berhormat Baharuddin tentang soalan Yang Berhormat tadi...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah, boleh kah?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa ada lagi masalah lain. Umpamanya dari segi kuasa, kuatkuasa, kewangan dan juga tidak ada sokongan daripada kementerian yang berkenaan. Oleh itu saya rasa penggunaan Bahasa Malaysia di banyak tempat seperti di mahkamah, Audit, premis perniagaan, di papan iklan, di papan-papan tanda jalan, hatta DUN Sarawak pun masih pinggir lagi Bahasa Malaysia. Jadi saya syorkan supaya kementerian berkenaan atau kerajaan angkat balik, persadakan balik Bahasa Malaysia di tempat yang sewajarnya. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya setuju *observation,* dengan izin, Yang Berhormat bahagian awal tadi. Iaitu kurangnya kuasa undang-undang yang dimiliki oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk melaksanakan peraturan-peraturan tertentu umpamanya papan-papan iklan. Lebih daripada itu ialah keingkaran sesetengah pihak di dalam memberi kerjasama. Umpamanya sebelum satu-satu papan-papan iklan itu ditayangkan, dipaparkan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka daripada pihak kerajaan berkuasa tempatan tetapi ini sering tidak berlaku, antara masalahnya.

Kemudian mengenai pandangan Yang Berhormat yang akhir tadi. Saya rasa sekarang kita nampak sedikit kecerahan kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekali gus juga menjadi Menteri Pelajaran nampak memperlihatkan sikap bersungguh-sungguh untuk memastikan Dewan Bahasa dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Sebagai contoh, saya sangat mengalu-alukan apabila pihak kementerian bersetuju dengan cadangan pimpinan Dewan Bahasa sekarang untuk mengadakan audit bahasa. Cumanya yang kita tidak tahu, yang pastinya kita sudah ada persetujuan. Kita tidak tahu sejauh mana sokongan moral dan material yang diberikan terhadap langkah-langkah Dewan Bahasa hendak mengadakan pemantauan bahasa itu.

Kita tidak tahu apa langkah lanjutannya. Walau bagaimanapun, setidak-tidaknya pada zahirnya nampak di pihak Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin yang memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap Dewan Bahasa termasuk umpamanya kekerapan kemunculan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin dalam pelbagai acara Dewan Bahasa dan Pustaka. Ertinya Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin telah memberikan *priority* kepada peristiwa-peristiwa atau *events* dengan izin, Dewan Bahasa dan Pustaka dan ini saya menganggap sebagai satu sokongan moral yang akan meningkatkan semangat kerja kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh tambah lagi? Saya rasa PBT sebab kurangnya pendakwaan oleh pihak Dewan Bahasa sendiri atau pihak lain. Jadi Yang Berhormat lihat macam mana, lembik, kurang pendakwaan, itulah yang menyebabkan ingkar. Jadi saya rasa kena dakwa, kena bawa mahkamah, kena saman, itu jawapannya. Sejauh ini saya rasa tidak ada pendakwaan. Cakap sahaja hendak dakwa, cakap sahaja hendak bertindak tetapi *no action taken,* dengan izin.

■1440

Jadi, kita cakap 'Orang Putih' sedikit sebab kadang-kadang perlu. Jadi bagaimana Yang Berhormat melihat kelembikan atau tidak ada penguatkuasaan ini mendorong mereka untuk terus ingkar kepada penggunaan Bahasa Malaysia di premis kerajaan, di bangunan, di papan iklan, di jalan-jalan dan semua tempat yang sepatutnya dibubuh Bahasa Malaysia?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa antara sebab kerana tidak ada pendakwaan. Kalau tidak silap saya, memang tidak ada *provision*, tidak ada 'provisi' peruntukan untuk mendakwa itu. Yang ada hanyalah permohonan untuk bekerjasama. Oleh kerana itu, memang diperlukan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka diberi kuasa bertindak, kuasa bertindak mengikut undang-undang. Akan tetapi ia belum berlaku lagi, kalau saya tak silap.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau tidak ada 'provisi' yang boleh mendakwa, saya cadangkan diadakan atau kaji semula peranan dan fungsi dan kuasa Dewan Bahasa dan Pustaka. Kalau macam ini, ada Dewan, tidak ada fungsi, tidak ada kuasa, buat apa Dewan? Baik bubar sahaja. Kalau kita kerajaan hendakkan bahasa Malaysia berdaulat, dipakai, jadi tidak ada kuasa, macam patunglah. Jadi saya syorkan kaji semua, mula bedah, *post-mortem* balik untuk berikan kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, biar betul-betul disegani, dihormati, ditakuti, digeruni. Apa fikiran Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat itu dan saya terfikir alangkah bahagianya saya jika cadangan Yang Berhormat kemukakan ini semasa saya menjadi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka lima tahun yang lalu. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, cukuplah mengenai bahasa. Kita pindah tempat lain pula...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya hendak tumpang sedikit sahaja lagi, hendak mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan memperkasakan bahasa kita ini. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat kalau Yang Berhormat bersetuju, apa kata kalau kita cadangkan ditubuhkan satu suruhanjaya diraja untuk memastikan penggunaan bahasa Melayu ataupun Bahasa Kebangsaan kita ini benar-benar berada di atas status yang sebenar terutamanya dalam penggunaan masyarakat kita? Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat kalau kita cadangkan?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Semangat daripada cadangan itu bersama dengan semangat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman tadi dan saya rasa pencinta-pencinta Bahasa Kebangsaan bersetuju dengan pandangan itu tetapi masalah pelaksanaannya lah yang kita harapkan. Barangkali, tidak tahulah kalau dalam sidang akan datang Yang Berhormat Baharudin ingin mengemukakan cadangan seperti itu. Boleh saya teruskan dengan...

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon sedikit lagi, mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Begini. Berkenaan dengan peruntukan-sebab sebelum ini pun saya terlibat dengan draf undang-undang kecil di kebanyakan PBT. Setahu saya, model undang-undang kecil daripada KPKT sendiri pun ada memperuntukkan di bawah undang-undang kecil iklan bagi negeri-negeri bahawasanya iklan mesti ada tulisan rumi dengan Bahasa Kebangsaan. Semua ada peruntukan itu. Cuma kita di Kelantan kita tambah lagi, hendaklah ada juga tulisan jawi.

Saya rasa tidak timbul- benda ini adalah bidang kuasa PBT, tinggal lagi menguatkuasakannya. Peruntukan telah ada, cuma mungkin benda ini tidak menjadi bidang kuasa di bawah DBP. Disebabkan itulah maka kerajaan negeri Kelantan telah menerima pengiktirafan daripada 'PBT' dengan beberapa anugerah iaitu Anugerah Ceria Bahasa dan juga...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: DBP kah, PBT?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: PBT. Mendapat anugerah daripada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Anugerah Ceria Bahasa dan juga Anugerah Papan Iklan Luar selama dua atau tiga tahun, tahun 2009, 2010 dan 2011. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak bersetuju dengan sesetengah pimpinan PAS Kelantan yang mendoakan orang lain supaya jahanam, tetapi dalam hal ini saya sangat bersetuju dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan... *[Tepuk]* Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Pertama kali saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Saya harap apa yang dilakukan oleh Kelantan itu akan ditiru juga oleh Pulau Pinang.

Saya masih lagi di bahagian pertama ucapan saya Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi saya menyebut tentang ciri-ciri atau semangat, roh dan matlamat bajet ini. Sekarang saya ingin merujuk kepada satu aspek lain daripada bajet ini yang dari satu segi menimbulkan sedikit kontroversi walaupun tidak terlalu hebat iaitu ada sesetengah pihak yang melabel bajet ini sebagai bajet pilihan raya. Dilabelkan sebagai bajet pilihan raya dengan nada yang sinikal, dengan nada yang penuh sindiran.

Jawapan saya ialah, apa salahnya kalau ini merupakan satu bajet pilihan raya? Apa dosanya kalau bajet ini bajet pilihan raya? Kalau bajet ini diiktiraf sebagai bajet pilihan raya, bermakna bajet ini bagus. Kalau bajet pilihan raya, takkan tidak bagus oleh kerajaan yang memerintah? Jadi, di dalam menyindir itu, pihak yang melabel ini sebagai bajet pilihan raya sebenarnya memuji. Akan tetapi kerana semangat hendak menyindir, hendak buat orang sakit hati, maka dia katakan ini bajet pilihan raya dengan nada yang sinikal. Saya dengan nada yang positif mengatakan ini memang bajet pilihan raya! Apa hendak buat?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya sokong, sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jadi, apa salahnya kalau ini merupakan bajet pilihan raya? Apa salahnya kalau bajet ini memenuhi hasrat dan aspirasi rakyat?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit mencelah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, silakan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, ini bajet pilihan raya, betul, tetapi kita boleh tukarkah itu *signboard* di *Penang* selepas pilihan raya?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya Yang Berhormat Dato' Nalla, mudah-mudahan *Penang* akan kembali ke tangan pemerintahan Barisan Nasional. Oleh kerana itu saya ingin menyebut bajet ini tidak salah disebut sebagai bajet pilihan raya tetapi lebih tepat juga kalau dikatakan ini adalah bajet pilihan rakyat! Itu yang tepat. Bajet pilihan raya dan sekali gus adalah juga bajet pilihan rakyat. Jadi ada *rhythm* sedikit, ya.

Sebagai bajet pilihan rakyat, bajet ini mempunyai cakupan yang komprehensif, mempunyai cakupan yang luas, menyahut dan menampung keperluan setiap pihak. Tidak ada pihak yang tertinggal. Semua segmen dalam masyarakat diberikan perhatian dalam bajet ini. Semua, sama ada yang tua dan yang telah bersara atau golongan muda yang sedang membina kerjaya, yang masih bujang atau sudah berkeluarga, yang tinggal di kampung atau yang bermastautin di bandar, golongan belia dan pelajar, golongan petani serta nelayan, pemandu teksi serta operator pelancongan termasuk golongan OKU atau golongan kurang upaya serta olahragawan yang gagah perkasa, kanak-kanak prasekolah atau graduan universiti, pegawai kerajaan dan kakitangan swasta. Malah, pihak penyokong-penyokong parti pembangkang pun akan turut mendapat nikmat daripada bajet ini. Kecuali yang tidak akan mereka nikmati ialah kekalahan yang mereka akan alami. Itu sahaja. Jangan marah.

Oleh kerana cakupannya yang sangat luas itu, Bajet 2013 ini bolehlah diibaratkan sebagai, meminjam analogi sastera klasik Melayu lama, bajet ini bolehlah diibaratkan sebagai *'beringin rendang di tengah padang'.* Dalam sastera Melayu lama, apabila kita merujuk kepada *'beringin rendang di tengah padang',* maka diikuti dengan ungkapan-ungkapan baris-baris seperti ini,

Uratnya tempat bersila,
Batangnya tempat bersandar,
Daun yang rimbun ibarat payung,
Menahan panas terik matahari.

■1450

Itulah di bajetnya kepada rakyat, kepada kita semua. Keluasan cakupan Bajet 2013 ini seterusnya dapat dilihat dari lima fokus yang dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:

(i) merancang aktiviti pelaburan, mencari kekayaan, menjana, membangunkan ekonomi;

(ii) memperkasakan pendidikan dan latihan, memperkasakan *human resource;*

(iii) membudayakan inovasi;

Saya ingin mengingatkan penulis ucapan, bukannya membudayakan inovasi, membudayakan inovasi dan mempertingkatkan produktiviti, ini teguran membina, iaitu

(i) konsolidasi fiskal dan mencakup penyampaian perkhidmatan awam; dan

(ii) menyejahterakan rakyat.

Itulah lima fokus daripada bajet ini. Saya mengalu-alukan lima fokus tersebut terutama kerana aspek pertumbuhan iaitu fokus pertama merancang aktiviti pelaburan. Ini ada kaitan dengan aspek pertumbuhan. Aspek pertumbuhan diimbangi dengan aspek pengagihan iaitu fokus kelima menyejahterakan rakyat. Oleh kerana itu, ini adalah bajet yang seimbang, ada cara mencari duit, ada cara peraturan, tatacara membahagi-bahagikan rezeki. Itu yang saya katakan bajet yang seimbang tetapi saya agak terkilan, ini dengan semangat tegur-menegur dalam Barisan Nasional. Saya terkilan kerana satu fokus yang tidak kurang pentingnya tercicir dalam senarai tersebut.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada lima fokus yang kita sebutkan tadi, mesti ada fokus yang keenam iaitu usaha-usaha meningkatkan pembinaan negara bangsa atau *nation building*. Kita menyedari bahawa di sana sini terdapat program-program, peruntukan-peruntukan untuk pembinaan negara bangsa. Akan tetapi yang saya merasa kurang puas ialah bahawa tidak ada penumpuan yang sungguh-sungguh terhadap usaha itu seakan-akan peranan, tanggungjawab membina negara bangsa itu hendak menyambil sahaja. Itulah antara teguran membina yang hendak saya kemukakan terhadap bajet ini. Oleh kerana itu saya rasa perlu ada satu fokus lain iaitu membina negara bangsa.

Walaupun aspek-aspek *nation building* disinggung secara tidak langsung dalam lima fokus, pada pendapat saya hal ehwal *nation building* memerlukan fokus atau tumpuan yang tersendiri dalam bajet ini. Kita tidak mahu pembangunan ekonomi ataupun pertumbuhan KDNK mengabaikan usaha-usaha pembinaan negara bangsa atau *nation building*. Saya akan bincangkan perkara ini secara lebih terperinci di bahagian kedua ucapan saya ini Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, itulah bahagian pertama dari ucapan saya yang merupakan tanggapan am ataupun tafsiran konseptual saya terhadap bajet ini iaitu, *"Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati"*, *insya-Allah.*

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya beralih ke bahagian kedua yang merupakan pelbagai pandangan dan saranan yang spesifik terhadap isu-isu tertentu dalam bajet ini. Saya ingin memulakan pandangan saya terhadap bahagian kedua ini dengan mengemukakan satu isu yang saya rasa semua orang akan setuju termasuk rakan-rakan pembangkang di sana kecuali yang tidak setuju ialah kawan baik Yang Berhormat Dato' Nalla. Kenapa saya kata begitu? Dalam pembentangan bajet tahun lalu, 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan telah menyatakan dalam ucapannya bahawa...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Boleh mencelah sedikit?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap, sekejap sahaja.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya mahu tahu kawan itu siapa? Kawan baik siapa?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau Yang Berhormat Dato' Nalla melupakan kawannya itu apa hendak buat ya. Mungkin ada kenangan pahit yang hendak dilupakan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Banyak kawan, banyak kawan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya?

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Banyak kawan saya ada, tetapi semalam Yang Berhormat cakap, di universiti, *you* ada kawan Cina dan Melayu tetapi India tidak cakap. Sekarang saya mahu tahu, siapa itu kawan? Tolong jawab.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kawan Yang Berhormat Dato' Nalla itu ialah Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat yang dalam pembentangan Bajet 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahun lalu, bukan tahun ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan gaji atau elaun, bukan Ahli Yang Berhormat sahaja, mula-mula Perdana Menteri menyebut kakitangan awam akan dinaikkan termasuk juga anggota-anggota dalam Dewan ini. Akan tetapi dalam perbahasan kawan Yang Berhormat Dato' Nalla kata tak nak, dan saya tahu Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong dari Wangsa Maju mengatakan *"ini hanya pandangan seorang sahaja, kenapa hendak diikut?"*

Jadi, ini satu perkara yang saya ingin menegur supaya suaranya seorang itu dipedulikanlah. Saya cadangkan supaya isu kenaikan gaji atau elaun yang dijanjikan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2012 yang dibentangkannya pada tahun 2011 itu dihidupkan balik, jangan peduli apa yang kawan Yang Berhormat Dato' Nalla itu sebut.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Saya hendak tahu bagaimana kedudukan gaji Ahli-ahli Parlimen ataupun Dewan Negara sendiri dibandingkan dengan rakan-rakan kita di negara-negara lain.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ada pepatah Melayu mengatakan *'Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula.'* Akan tetapi itulah cara orang Negeri Sembilan, Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb ini hendak menyindir-sindir. Kita tahu sangat Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb, elaun dan kemudahan-kemudahan *legislator* di Malaysia jauh lebih rendah daripada elaun dan kemudahan-kemudahan Ahli-ahli Parlimen Singapura dan Indonesia. Jadi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kepekaannya terhadap masalah orang lain, berhasrat untuk menaikkan elaun dan kemudahan kita, itu adalah satu tindakan yang wajar, yang mendapat sanggahan yang tidak wajar daripada orang-orang tertentu. Saya harap saya menjawab soalan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat, silakan.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Dato' Firdaus mengatakan bahawa Bajet 2013 mencakupi keseluruhan masyarakat di Malaysia. Apa pandangan Yang Berhormat bahawa Ahli-ahli di dalam Dewan ini sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara mendapat faedah daripada bajet yang berkenaan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita berharap supaya hasrat dan keinginan yang disuarakan oleh Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2012 itu akan dihidupkan kembali. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, walaupun secara langsung kita *legislator* belum lagi mendapat matlamat itu tetapi kita gembira kerana penerima atau dengan izin, *beneficiary* yang utama daripada bajet ini ialah rakyat, untuk rakyat. Kita rela, biar kita berkorban sedikit asal sahaja rakyat bahagia. Walau bagaimanapun, saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan akan mendengar rintihan kita...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap. Akan mendengar rintihan kita, akan mendengar aduan kita dan akan menyesal kerana mendengar cakap orang seorang tadi. Terima kasih, sila.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Ada satu lagi pepatah Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, *'biarlah kita menerangi orang lain.'* Biar kita menjadi korban, macam itu maksudnya, *"Biar kita menjadi lilin menerangi orang lain, diri terbakar pun tidak apa*." Saya rasa falsafah ini tidak boleh pakai juga.

■1500

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa begini. Memang sebagai pemimpin memang kita perlu berkorban, tetapi janganlah secara sedar kita ingin membakar diri, kalau pembakaran itu dapat dielakkan. Saya tidak tahu apabila individu yang saya sebutkan tadi menolak tawaran Dato' Sri Najib untuk menaikkan elaun atau gaji Ahli-ahli Parlimen itu, adakah dia hendak membakar lilin atau dia hendak mencari publisiti murah, tidak tahu saya. Akan tetapi sama ada saya hendak mencari publisiti murahan atau tidak, saya rasa kita wajar mendapat- bukan, *legislator* di negeri ini wajar mendapat elaun tambahan. Okey Yang Berhormat. Jadi itulah perkara tentang kenaikan elaun ini...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, pohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Saya tertarik dengan tambahan elaun. Akan tetapi saya lebih tertarik andainya boleh disekalikan dengan tambahan kepada bajet kepada Ahli-ahli Dewan Negara, di mana setakat ini hanya RM200,000 sahaja untuk satu penggal untuk tiga tahun.

Jadi saya mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk menambahkan lagi bajet bagi semua Ahli-ahli Dewan Negara supaya kita dapat berfungsi, banyak peranan yang harus kita tangani di bawah, dapat kita selesaikan. Itu cadangan daripada saya Yang Berhormat dan pohon dibawa untuk ucapan dan cadangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Cadangan itu telah berkali-kali disuarakan. Saya ingat Ketua Kelab Senator, Yang Berhormat Dato' Najeeb di sini pun pernah menyuarakannya. Sekali lagi kerana disuarakan untuk sekian kalinya, maka kita memberikan sokongan kita dalam perkara ini.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh mencelah sedikit? Tahukah Yang Berhormat Dato', gaji Ahli Parlimen di Singapura sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara antara RM3 juta hingga RM6 juta setahun termasuk Ahli Dewan, termasuk Perdana Menteri. Jadi kalau begitu tinggi, wajarkah gaji dinaikkan? Kalau wajar, berapa cadangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Wajar itu memang wajarlah, tetapi kuantumnya kita serahkanlah kepada kebijaksanaan perancang kewangan negara.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itulah satu isu yang hendak saya timbulkan. Selain daripada itu, dalam soalan-soalan atau bahagian kedua yang menimbulkan isu-isu terpencil ini, isu *isolated* ini, saya juga ingin mengemukakan kembali soalan saya kepada Jabatan Perancang Bandar Kuala Lumpur, DBKL. Tadi perkara ini telah saya timbulkan semasa Yang Berhormat Menteri Dato' Raja Nong Chik ada dalam Dewan ini tadi. Saya hendak tahu, bilakah Jabatan Perancang Bandar DBKL akan meluluskan permohonan tapak cadangan masjid Brickfield? Permohonan telah dikemukakan oleh perunding pada 24 April 2012. Saya harap soalan ini dapat dijawab apabila masa penggulungan nanti.

Selain daripada itu, ada satu soalan lain yang saya kemukakan kepada Kementerian Pengangkutan. Tadi disebut tentang KTMB iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad, ura-ura untuk menswastakannya. Saya setuju sangat supaya ura-ura untuk menswastakan KTMB itu lebih baik dibatalkan sahaja. Ini kerana seperti yang dikatakan oleh beberapa orang rakan-rakan Yang Berhormat tadi tidak ada atau sangat sedikit, kalau ada pun satu dua syarikat-syarikat pengangkutan kereta api di dunia ini yang membuat untung. Oleh sebab itu, kewujudan KTMB mestilah dilihat sebagai satu perkhidmatan masyarakat. Saya bimbang kalau nanti KTMB sudah diswastakan, macam-macam akan berlaku. Mungkin namanya akan diubah, tambang akan naik dan seumpamanya.

Selain daripada itu...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya. Sila.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus, saya setujulah dengan cadangan itu. Saya hendak tambah sedikit untuk perhatian Ahi-ahli Yang Berhormat bahawa KTM sebenarnya mempunyai satu nilai aset yang cukup tinggi. Walaupun tidak dilonggokkan bersama dengan KTMB, asetnya hari ini bernilai RM24 bilion. Segala aset-aset, tanah-tanah, harta-harta boleh alih dan tidak boleh alih. Saya khuatir kalau dijadikan sasaran untuk pengambilalihan oleh syarikat-syarikat tidak kira siapa, tujuan asal mereka hanyalah kepada aset-aset. Ini sudah tentu akan merugikan kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya sangat setuju dengan pandangan yang *knowledgeable,* dengan izin, daripada Yang Berhormat Dato' Najeeb itu. Kalaulah saya menjadikan ini sebagai satu cadangan tiba-tiba, dapatkah saya andaikan bahawa seluruh anggota Dewan ini bersetuju? Boleh? Tidak ada yang membantah? Ada yang tidak hendak macam yang seorang itu, tidak ada?

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai dengan kepentingan kita. Kalau sekiranya AirAsia telah bermurah hati memberikan tambang separuh harga kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara, apakah tidak mungkin soalan kepada Kementerian Pengangkutan supaya kemudahan tambang separuh itu juga diperluaskan kepada MAS.

Ertinya untuk memberikan peluang kepada kita untuk Ahli-ahli Dewan menikmati juga tambang separuh harga seperti yang diberikan oleh AirAsia. Kita tahu semua di sini bahawa warganegara yang sudah melewati umur-umur tertentu yang dipanggil warga emas itu, memang mendapat kemudahan tambang separuh harga itu. Akan tetapi kalau itu boleh diberikan kepada warga emas, tidakkah boleh kemudahan yang sama diberikan juga kepada Ahli-ahli Parlimen atau kalau perlu kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Saya harap pihak Kementerian Pengangkutan akan menimbangkan perkara ini.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan sedikit dengan agak panjang lebar tentang fokus kedua bajet ini iaitu memperkasa pendidikan dan latihan. Dalam bajet ini, pendidikan diperuntukkan sebanyak RM38.7 bilion iaitu 21 peratus daripada keseluruhan bajet untuk tahun 2013. Ini memang patut dialu-alukan, memperlihatkan kepekaan dan keprihatinan pimpinan kita terhadap peri pentingnya pendidikan itu. Daripada bilangan yang sebanyak itu, RM500 juta disediakan sebagai peruntukan tambahan untuk meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran subjek-subjek teras bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris, sains dan matematik. Saya harap perhatian khas diberikan kepada guru-guru di luar bandar dan di sekolah-sekolah yang kurang pencapaiannya iaitu daripada peruntukan yang RM500 juta.

Di bawah fokus lima juga, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib pada halaman 18, menyebut tentang penubuhan Unit Pelaksanaan Pendidikan *(Education Delivery Unit).* Penubuhan unit ini sangat dialu-alukan. Tujuan penubuhan unit ini ialah untuk memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah peningkatan kemahiran guru mengajar subjek-subjek teras tersebut. Sekali lagi saya melihat ini sebagai tanda kepekaan dan keprihatinan pimpinan terhadap peri perlunya meningkatkan pencapaian pendidikan di kalangan anak-anak kita.

■1510

Akan tetapi walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya unit pemantauan ini diperluas fungsi dan ruang lingkup tugasnya. Ertinya unit pemantauan ini tidak sahaja bertugas untuk memantau keberkesanan untuk memantau dan menilai keberkesanan langah-langkah peningkatan kemahiran guru mengajar Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Sains tetapi juga kepada aspek-aspek lain pendidikan. Saya rasa ini sangat penting terutama kerana kita ingin melihat supaya pendidikan kita yang menelan pembiayaan yang begitu besar benar-benar membawa pulangan yang setara.

Bercakap mengenai pendidikan ini Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Chew menyebut tentang peri perlunya diperuntukkan tambahan kepada sekolah-sekolah aliran SRJK(C). Saya tahu sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, Yang Berhormat Chew menyuarakan cadangan itu. Akan tetapi kalau kita melihat tanggungjawab yang begitu besar mengenai sektor pendidikan ini, kita sebenarnya amat gerun melihat semakin terpisahnya anak-anak kita di peringkat umur yang paling muda di bidang pelajaran- maaf, semasa mengikut pengajian di sekolah.

Oleh kerana itu, walaupun memang tidak mungkin sama sekali masyarakat Cina akan rela meniadakan SRJK(C) itu, kita faham ini adalah satu isu politik dan kontroversial. Kalau kita buat ini barangkali MCA akan tidak mendapat sokongan, kita tidak mahu itu. Kita mahu MCA tetapi gagah, tetap perkasa kerana MCA selama 50 tahun lebih dengan kejayaan telah membuktikan kerjasama yang produktif bersama MIC dengan UMNO dan kita mahu kerjasama ini diteruskan.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya rasa kita perlu berfikir di luar kotak dengan izin, *think outside the box*. Pertama sekali kita fikirkan jika trend ini berterusan, ke mana halanya? Kita telah menyebut tentang masalah-masalah sosial, masalah integrasi nasional akibat daripada ini. Oleh sebab itu saya dalam semangat berfikir di luar kotak, saya ingin mengemukakan satu andaian, satu cadangan acah-acah sahaja dahulu, saya hendak tengok pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Bagaimanakah kalau sekolah pelbagai aliran itu hendak dikekalkan juga, bagaimana supaya kita usahakan dengan sungguh-sungguh, dengan ikhlas, dengan rela hati supaya sekolah-sekolah berkenaan mengandungi murid pelbagai kaum mengikut nisbah penduduk. Ertinya okeylah teruskan SRJK(C), SRJK(T), dan sekolah kebangsaan tetapi pastikan bahawa di setiap aliran itu terdapat pelajar-pelajar daripada pelbagai kaum mengikut nisbah penduduk. Dengan demikian kita akan memberi peluang kepada anak-anak kita di peringkat yang paling awal untuk berinteraksi. Dengan demikian juga kita tidak segan silu untuk berkongsi sumber-sumber kewangan, sumber-sumber tenaga yang ada pada kita.

Kita mengakui masyarakat Cina adalah masyarakat yang kaya sumber seperti duit, intelektual dan hubungan dengan negara asing. Akan tetapi marilah kita kongsi bersama sumber itu demi masa depan negara ini dan masa depan anak-anak kita.

Itulah yang saya hendak cadangkan mengenai hal ini. Ya Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Pohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi dalam soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, saya bertanyakan kalaulah semua ibu bapa di negara kita ini menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan sahaja maka dengan sendirinya isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Firdaus tadi akan mula terurai melalui masa.

Ini kerana pembinaan sesuatu negara bangsa mestilah berteraskan kepada satu sistem pendidikan yang tuntas dan holistik yang menjamin perpaduan. Akan tetapi ini tidak berlaku di negara kita dan tidak mungkin berlaku kerana atas semangat kerjasama dan toleransi antara rakyat pelbagai kaum di negara kita ini dan kita terima itu sebagai satu hakikat di dalam sejarah pendidikan negara kita ini.

Saya adalah seorang bekas guru di sekolah menengah. Walaupun atau sungguhpun pelajar-pelajar kita daripada pelbagai aliran tadi di peringkat sekolah rendah tetapi mereka apabila masuk ke sekolah menengah, mereka berada pada satu sistem yang sama iaitu sekolah menengah kebangsaan.

Di sini, sepatutnya berlaku integrasi yang lebih erat antara murid-murid atau pelajar-pelajar pelbagai kaum tadi. Akan tetapi pada hakikatnya, pada realitinya dia tidak berlaku sebagaimana yang kita harapkan. Sebaliknya di sekolah-sekolah menengah kebangsaan sekarang ini, wujud polarisasi antara pelajar Melayu, Cina dan juga pelajar India. Maksud saya ialah mereka tidak bergaul dengan begitu erat, pelajar Cina dengan kelompok pelajar Cinanya, pelajar Melayu dengan kelompok pelajar Melayunya. Jadi apa yang diharapkan daripada sistem ini, kita tidak dapat mencapainya kepada tahap yang lebih tinggi.

Teringat saya semasa sebelum kita ada sistem pendidikan nasional di mana saya berpeluang belajar di sekolah Inggeris, daripada sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Di situ ada pelbagai kaum Melayu, Cina, India dan sebagainya dan berlaku sepenuhnya yang boleh saya katakan integrasi dan rakan-rakan saya dari pelbagai kaum ini adalah menjadi rakan-rakan sepanjang hayat hingga sekarang. Jadi kalau sistem dahulu itu jelas berjaya, sepatutnya yang dalam sistem yang baru ini, ia lebih baik lagi. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya setuju, pandangan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih banyak lagi kah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dalam 20 minit lagi boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi 10 minit sahaja. Ringkaskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Baiklah, saya cuba. Saya setujulah dengan Yang Berhormat Ahamat Yusop tadi. Ini kerana soalan sebenarnya Yang Berhormat menyuarakan apa yang terbuku dalam kalbu saya. Isunya di sini ialah seperti yang saya katakan, okeylah hendak teruskan juga sekolah pelbagai aliran, hendak teruskan juga SRJK(C), SRJK(T), sekolah rendah kebangsaan, teruskanlah. Akan tetapi ini saya rasa perlu dikaji lebih mendalam, teruskanlah.

Akan tetapi cari jalan supaya tidak terdapat *exclusivity,* dengan izin, tidak dapat pemisahan yang akan membahayakan negara ini dalam jangka masa panjang.

■1520

Percayalah, sekarang ekonomi kita baik. Sekarang kita hidup masih selesa. Akan sampai satu masa nanti ekonomi kita tidak semewah sekarang kalau ditakdir berlaku itu. Maka, ini akan meningkatkan suhu *frustration* yang makin meningkat akan menyebabkan perkara-perkara yang kita tidak ingini. Marilah dari sekarang kita mengelakkan perkara-perkara yang kita tidak ingini itu.

Okey Tuan Yang di-Pertua, kerana saya telah diberi isyarat untuk menamatkan secepat mungkin. Saya dengan cepat sahaja, saya harap tidak ada celahan, celahan kecil, celahan besar, celahan dekat atau celahan ini ya... *[Ketawa]*

Saya pertama sekali ingin mengalu-alukan skim bantuan pembangunan PKS yang RM1 bilion yang saya rasa skim ini patut dialu-alukan. Akan tetapi saya hanya ingin mengingatkan kita semua, pastikan supaya manfaat daripada skim itu diterima oleh rakyat tempatan. Selain daripada itu, kita harus juga mengambil contoh dan iktibar daripada negara-negara lain yang maju dan berjaya di bidang PKS ini. Pelajari aspek-aspek pengeluaran, aspek-aspek latihan, promosi dan pemasaran di negara-negara lain mengenai PKS ini. Saya tidak mahu berpanjang lebar tentang hal itu, saya rasa *point is meet,* dengan izin.

Selain daripada itu, RM5.8 bilion diperuntukkan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Juga ini patut dialu-alukan terutama dalam usaha mengatasi krisis makanan dunia. Apabila duit yang sebanyak itu dibelanjakan, saya rasa antara perkara yang patut kita ingat ialah peri perlunya kita mengurangkan kebergantungan kita terhadap produk-produk hasil pertanian dari luar. Sekarang masih banyak sebenarnya, masih banyak kobis yang kita makan pagi-pagi itu dari Medan atau negara China, kebanyakan. Ada yang dari Cameron Highlands. Khabarnya sekarang kita sudah berhenti menanam tebu. Kebergantungan kita kepada produk-produk pertanian daripada luar negeri ini haruslah di atasi dan perancangan yang sistematik harus dilakukan untuk jangka panjang. Ini juga kaitannya dengan *global warming*. Sekali gus ini bermakna, langkah-langkah penyelidikan patutlah ditingkatkan.

Saya ada satu poin di sini mengenai audit Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi kita telah banyak bercakap mengenai bahasa ini. Apa yang saya hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mengalu-alukan langkah mengadakan audit ini. Akan tetapi kita hendak tahu sokongan moral dan material kementerian, bukan sahaja Kementerian Pelajaran tetapi kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dalam audit ini. Apa yang saya rasa kejayaan langkah audit ini amat bergantung kepada kerjasama kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang lain.

Selain daripada itu, perlu difikirkan tindakan lanjut daripada audit itu. Selain itu saya hendak tahu juga Tuan Yang di-Pertua, adakah perbahasan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan diaudit juga bahasanya. Kalau ini akan diaudit juga bahasanya, saya cadangkan supaya di kalangan kita yang merasa kurang petah, kurang mahir berbahasa Melayu, cubalah berusaha. Dalam ini saya rasa tidak susah. Saya ingat rakan kita walaupun daripada parti Pembangkang, Dr. Ramakrishnan. Saya ingat pada dua minggu pertama dia bercakap Melayu gagap sangat dan kelam kabut. Sekarang dia menggunakan Bahasa Melayu yang idiomatik. Menggunakan Bahasa Melayu yang abstrak dan konseptual, boleh. Bahasa Melayu tidaklah terlalu sukar untuk hendak mengajar.

Kalau boleh saya memberikan contoh peribadi Tuan Yang di-Pertua, 40 tahun yang lalu semasa saya menjadi mahasiswa, saya mengajar 'PISKO' dan ini pengalaman Datuk Rais juga. Mengajar 'PISKO' yang berkhidmat di Malaysia ini dalam masa dua bulan fasih bercakap Melayu. Soalnya hanya keupayaan, iltizam kita, azam kita. Hal yang sama juga ingin saya rujuk kepada pekerja-pekerja asing di negara kita ini yang bekerja di kaunter-kaunter *supermarket,* kaunter-kaunter di restoran mamak, tidak tahu Bahasa Melayu yang mudah, bukan terlalu susah sangat. Jadi, saya rasa supaya langkah yang serius diambil untuk memastikan supaya tenaga-tenaga kerja asing itu dari Burma, dari Bangladesh, dipastikan keupayaan Bahasa Melayu. Okey, saya minta maaf kerana agak terburu-buru Tuan Yang di-Pertua.

Saya bercakap mengenai pembinaan negara bangsa. Saya rasa kita daripada pembinaan *state building*, kita sudah berjaya, dengan izin. Akan tetapi dari segi pembinaan *nation building*, rasanya masih banyak yang perlu kita lakukan. *Nation building* ini ada kena-mengena dengan membina rasa kebersamaan. Membina rasa kebersamaan supaya antara kita masyarakat Melayu, masyarakat Tionghoa, masyarakat Cina merasa benar-benar menjadi satu masyarakat besar. Walaupun menganggap diri kita sebagai satu bangsa. Langkah ini sebenarnya telah dirintis oleh Datuk Najib dengan konsep 1Malaysia. Oleh kerana itu marilah kita sama-sama menjayakannya.

Akan tetapi ada satu perkara lain yang saya minta panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Kira-kira sepuluh tahun yang lalu, semasa Datuk Zaharah Sulaiman menjadi Menteri Perpaduan Negara. Saya duduk dalam panel Penasihat Perpaduan Negara. Pada masa itu kira-kira- masih ada lagi kertasnya, 12 tahun yang lalu. Dalam satu mesyuarat di Pulau Pinang, saya mengemukakan kepada Datuk Zaharah supaya kementerian mengadakan satu projek yang dinamakan projek pidato muhibah. Pidato muhibah ini berfalsafahkan konsep '*Coopatri'*. '*Coopatri*' itu adalah singkatan daripada bahasa Inggeris-'*Coopatri'*. Kepanjangannya, dengan izin, "*concentrate on others positive attribute."* Jadi untuk itu, pemidato-pemidato daripada satu kaum tidak bercakap mengenai *positive attributes* mengenai kaum dia tetapi dia akan bercakap mengenai *positive*...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta tiga minit lagi boleh. Saya ada-Okeylah. Macam mana ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung se mana mungkin Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okeylah, saya akan gulung. Okeylah, saya akan serahkan ini kepada Menteri dalam perpaduan negara supaya kertas ini dihidupkan kembali.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin boleh secara bertulis.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, okey. Tidak mengapa. Kemudian, selain daripada itu saya juga mencadangkan supaya diwujudkan dasar pendidikan vokasional kerana untuk latihan-latihan vokasional, bajet ini memperuntukkan RM3.7 bilion. Saya cadangkan supaya pendidikan vokasional itu dapat diberikan perhatian yang lebih serius dengan mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif. Satu dasar yang lebih komprehensif tentang pendidikan vokasional adalah perlu sekurang-kurangnya kerana dua sebab. Satu, untuk menampung dan memberikan pendidikan yang lebih relevan kepada pelajar-pelajar yang kurang berminat atau kurang berprestij dan seterusnya, *anyway*. Agak panjang.

Akan tetapi kerana saya diarahkan untuk menggulung, sebagai seorang rakyat yang patuh kepada - saya akan gulung bahagian ketiga. Bahagian ketiga saya ini Tuan Yang di-Pertua, adalah satu huluran tangan persahabatan kepada rakan-rakan kita di sebelah sana. Persahabatan untuk menjaga keamanan dan ketenteraman awam menjelang pilihan raya yang akan datang. Dengar puisi. Puisi saya yang pertama. Surat terbuka khas kepada UMNO dan PAS. Dimulai dengan puisi:

Almukarram UMNO dan PAS,
Dua wadah perjuangan Melayu,
Sudilah berhenti anda bertengkar,
Ambil yang jernih buang yang keruh.

■ **1530**

Jika rumah sedang terbakar;
Jangan ditanya punca apinya;
Panggillah bomba padamkan segera;
Bukanlah masa untuk bertengkar;
Jika kita menghadapi bahaya;
Bahaya Melayu kehilangan kuasa... [Tepuk]

Sahabat saya ustaz, saya haraplah. Selain daripada itu, ada satu lagi yang penutup Tuan Yang di-Pertua, gurindam perpaduan.

Gurindam perpaduan untuk kita semua tetapi khas ditujukan kepada yang sebenarnya pantun tadi itu adalah permulaan satu artikel saya yang terkandung dalam buku ini... *[Merujuk kepada sebuah buku]* Cermin belakang iklan sedikit. Surat terbuka ini boleh Bentara berikan kepada sebelah sana Bentara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bagi Bentara nanti Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, gurindam perpaduan.

Berfikirlah kita sebelum bercakap;
Jangan segala yang terfikir kita cakapkan;
Berharap kita semua kita berharap;
Semoga negara makmur, maju dan tenteram.

Jangan bercakap sesedap mulut;
Segala akibat patut fikirkan;
Fikirkan masak-masak yang hendak disebut;
Air yang jernih jangan keruhkan.

Jangan bercakap tanpa berfikir;
Buruk padah...

Timbalan Yang di-Pertua: Belum ditutup lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Belum ditutup lagi?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Hendak tutuplah ini, ini penutup, kunci.

Jangan bercakap tanpa berfikir;
Buruk padahnya berpanjang-panjang;
Negara dan bangsa akan kucar-kacir;
Awasilah lidah yang tidak bertulang.

Segala yang terfikir jika ditutur;
Demokrasi bertukar menjadi anarki;
Yang sudah terbina akan hancur lebur;
Orang sayang menjadi benci.

Jangan sekali meludah ke langit;
Jangan menepuk air di dulang;
Usahlah bangsa diberi aib;
Maruah umat mesti dijulang.

Janganlah lidah bercabang-cabang;
Membuat tuduhan yang bukan-bukan;
Betapa berat mata memandang;
Berat lagi bahu memikul beban.

Gigitlah lidah katupkan bibir;
Telinga dan mata silalah buka;
Padah yang buruk mesti di fikir;
Elakkan negara dilanda petaka.

Berdada lapang beralam luas;
Itulah nasihat para mualim;
Biar hati membara panas;
Stabilkan minda berkepala dingin.

Berfikirlah kita sebelum bercakap;
Jangan segala yang terfikir kita cakapkan;
Itulah fatwa itulah syarat;
Bersama kita memupuk perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bajet ini. Terima kasih. *Assalamualaikum.*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon, silakan Yang Berhormat.

3.32 ptg.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan tentang rang undang-undang Bajet 2013 ini. Pujian harus diberikan kepada Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan untuk Bajet 2013 ini. Bajet yang mengandungi inisiatif seperti e-Kasih, BR1M 2, 1AZAM dan PR1MA amat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Ini dipercayai mampu membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam usaha bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Ini adalah sejajar dengan taraf kerajaan dalam usaha melakukan transformasi ekonomi yang berkesan bukan sahaja untuk negara kita bagi mencapai matlamat Wawasan 2020 dan mewujudkan satu negara prihatin dan penyayang. Bajet ini memang bajet untuk rakyat yang bukan bajet pilihan raya dituduh oleh pihak tertentu.

Bajet 2013 ini memperlihatkan peruntukan berjumlah RM221.6 bilion. Peruntukan tersebut dipecahkan kepada RM201.9 bilion untuk perbelanjaan menguruskan RM49.7 bilion untuk pembangunan. Seperti yang sedia dimaklumkan, perbelanjaan untuk pembangunan amat kritikal bagi meningkatkan kemajuan seiring dengan misi untuk memberikan kemudahan yang bertaraf kepada rakyat. Sebagai contoh, projek pembinaan sekolah memang sangat penting sebab dengan izin, *education is everything.*

Pembangunan hospital pun sangat penting sebab yang tempat itulah melibatkan nyawa rakyat. Jalan raya dan pengangkutan awam pun sangat penting sebab memandangkan lalu lintas sentiasa sesak. Oleh itu, saya bercadang agar Kementerian Kewangan boleh mengkaji dan menilai kaedah-kaedah dan meningkatkan peruntukan untuk pembangunan ini. Isu yang diceritakan di bincang hangat-hangat masa ini ialah sistem AES. Sistem AES diiktiraf berkesan di banyak negara lain.

Sistem AES hanya kenakan orang yang berlaku kesalahan. Sistem AES juga boleh mencegah rasuah di tuduhkan oleh pihak tertentu. Jadi kenapa tidak sistem AES dan perkara bersama dengan sistem AES ialah *Government Service Tax* (GST). GST ini hanya dikenakan kepada orang yang mampu belanja. Jadi yang ini bermakna tiada sesiapa boleh melarikan diri untuk membayar *tax,* cukai pendapatan mereka. Jadi kenapa tidak GST? Jadi di sini saya berharap pihak tertentu jangan memandai khusus untuk membantah sahaja tidak membantah tentang perkara yang tidak baik yang salah bukan tentang perkara yang betul, yang bermanfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian merupakan satu sektor yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Walau bagaimanapun, tanah untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian agak terhad yang mana tanpa tanah, pertanian tidak dapat dijalankan. Jadi saya amat berharap kerajaan dapat menyediakan lebih *reserved* tanah bagi tujuan pertanian supaya bidang pertanian mampu memberikan sumbangan yang lebih tinggi kepada pendapatan negara.

■1540

Saya turut mengalu-alukan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan pertanian dengan memberikan subsidi kepada sektor penanaman padi dan perikanan. Memandangkan dunia dijangkakan akan mengalami krisis bekalan makanan, sektor pertanian lain seperti penanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan juga tanaman komoditi iaitu kelapa sawit dan getah amat perlu bagi kegunaan dalam negara dan juga sebagai produk eksport ke luar negara.

Oleh itu, kerajaan perlu menimbangkan pemberian subsidi kepada pengusaha sektor pertanian yang lain. Apa yang dilihat masih belum diberikan sebarang subsidi sebagai rangsangan untuk kemajuan sektor pertanian negara.

Pujian harus diberikan kepada Kementerian Pendidikan kerana mengambil inisiatif di dalam mengupah guru-guru asing untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa penguasaan bahasa Inggeris amat penting untuk memajukan negara dalam segala aspek. Walau bagaimanapun, pengambilan guru-guru asing memerlukan kos yang tinggi sekali gus menyebabkan pengaliran mata wang keluar negara. Selain daripada itu, sumber pengajar tempatan tidak digunakan dengan efisien.

Di sini, saya ingin memberikan beberapa cadangan yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh kementerian bagi masalah kekurangan guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris:

(i) sistem pemantauan dari akar umbi bagi melihat kepincangan guru tempatan yang sedia ada;

(ii) mempunyai tenaga pengajar bahasa Inggeris yang mencukupi dan berkredibiliti setelah kontrak guru-guru asing tamat;

(iii) mengupah guru-guru yang telah bersara yang ingin dan berkemampuan untuk mengajar; dan

(iv) mengadakan kursus untuk mendidik guru-guru tempatan sendiri di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan bahasa Cina juga perlu dititikberatkan memandangkan negara China mempunyai jumlah penduduk seramai 1.5 bilion. Pasaran China adalah antara pasaran ekonomi yang perlu ditembus bagi meningkatkan pendapatan negara. Bagi mencapai tujuan tersebut, adalah penting untuk kita menguasai bahasa mereka. Kita mempunyai sekolah-sekolah seperti SRJK(C), SMJK, dan sekolah-sekolah swasta Cina di mana bahasa Mandarin diajar kepada pelajar-pelajarnya. Sehubungan dengan itu, saya berharap sekolah swasta Cina dapat disokong oleh kerajaan untuk membolehkan kita menguasai bahasa Mandarin dan sekali gus menjalin hubungan ekonomi yang baik dengan negara Cina.

Peranan wanita di dalam menjana kemajuan negara tidak boleh dinafikan. Walau bagaimanapun, delima wanita bekerja sekarang adalah tentang penjagaan bayi dan anak-anak mereka. Kesukaran mendapat pusat penjagaan kanak-kanak yang berkualiti dan boleh dipercayai menjadi punca sesetengah wanita bekerja memilih menjadi suri rumah sepenuh masa. Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian bagi memastikan pusat penjagaan kanak-kanak menepati kualiti dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menubuhkan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. Dengan tertubuhnya pusat tersebut, bukan sahaja masalah kekurangan sumber tenaga manusia dapat dikurangkan, kadar pengeluaran mata wang negara juga akan dapat dikurangkan sejajar dengan pengurangan kebergantungan kita kepada pekerja asing dengan izin, *beyond maid.* Konsep *beyond maid* boleh dicapai. Apa yang paling penting sekali, kanak-kanak kita tidak akan mengikut kebudayaan pembantu rumah asing masing-masing.

Di sini, saya ingin memuji Kementerian Kesihatan di atas penubuhan banyak hospital baru, klinik-klinik desa, Klinik 1Malaysia dan juga Klinik 1Malaysia Bergerak. Akan tetapi saya difahamkan bahawa kita sedang menghadapi masalah kekurangan doktor pakar. Jadi, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang telah atau yang akan diambil oleh kementerian bagi menambah bilangan doktor pakar di dalam negara kita.

Di Dewan mulia ini, kita banyak bincang tentang perkhidmatan teksi yang begitu negatif dan industri teksi ini berkaitan terus dengan industri pelancongan. Jadi yang ini menjejaskan usaha yang diambil oleh Kementerian Pelancongan untuk menarik pelancong ke negara kita. Ia bukan sahaja menjejaskan pelancongan, iaitu akan menjejaskan imej negara kita. Jadi, soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini agar industri pelancongan kita tidak terjejas?

■1550

Selain daripada isu pemandu teksi itu, perhimpunan-perhimpunan seperti BERSIH 1.0, 2.0 dan 3.0, perhimpunan-perhimpunan *anti cyanide* dan juga perhimpunan-perhimpunan anti Lynas juga merupakan satu punca yang menjejaskan ekonomi negara daripada sektor pelancongan dan pelaburan asing. Saya amat berharap pihak yang menganjurkan perhimpunan-perhimpunan tersebut dapat menyalurkan ketidakpuasan hati dan masalah mereka secara profesional, berhemah dan adil serta mengikut saluran yang betul seperti kaunter aduan di Pejabat Perdana Menteri. Dengan ini, saya mohon menyokong. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Silakan Yang Berhormat.

3.52 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin kerana ini bukan Bahasa Melayu standard,

Adat biaso kito pakai,
Limbago nan samo dituang,
Nan elok sama dipakai,
Nan buruak sama dibuang.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta dalam perbahasan ini dan akan lebih menumpu kepada hal-hal yang dekat dengan saya yakni hal yang berkaitan dengan pekerja dan perburuhan di negara ini. Ia semacam 'sine qua non' dengan diri saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum bahawa jumlah tenaga kerja di Malaysia ini mencecah 13 juta orang atau secara lebih tepat, pada statistik September 2012 ialah 12.96 juta. Lebih daripada 50 peratus atau enam juta terdiri daripada pekerja-pekerja dalam sektor swasta. Tadi disebut oleh pembahas-pembahas terdahulu yang mengatakan bahawa bajet ini atau belanjawan ini mencakupi seluruh umat di negara ini. Saya berselisih pandangan sedikit mengenai hal tersebut. Sepanjang yang saya tahu, dalam ucapan bajet ini kecuali pada para 71 yang sedikit disentuh mengenai pekerja swasta, itu pun berkaitan dengan rawatan kesihatan yang mana memang mereka ini merupakan pencarum kepada PERKESO. Jadi bukanlah sesuatu yang agak luar biasa sepanjang mengenai para 71 tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, heboh diperkatakan bahawa gaji minimum akan dilaksanakan pada tahun 2013. Akan tetapi, baru-baru ini kita diberitahu bahawa terdapat lebih daripada 4,500 majikan yang memohon supaya pelaksanaan gaji minimum ini ditangguhkan. Ini seperti kata pepatah, 'rumah siap, pahat berbunyi'. Ertinya, Majlis Konsultasi Gaji Negara telah pun membahaskan, membincang dan merumus hal ini, apakah tidak diambil kira pandangan-pandangan seluruh termasuk juga majikan-majikan yang saya sebutkan tadi? Jumlah 4,500 ini bukan kecil. Ini satu angka yang sangat besar.

Di Korea Selatan Tuan Yang di-Pertua, apabila diperkenalkan gaji minimum, ada majikan yang mengadu tidak mampu untuk melaksanakan. Pemerintah di Korea menyatakan kalau tidak mampu, lebih baik tutup sahaja *business*.

Tuan Yang di-Pertua, gaji pekerja sudah pun disahkan sebagai rendah dan ini bukan kata saya. Ini dikatakan oleh Bank Dunia. Bank Dunia menyatakan bahawa dalam 10 tahun, kenaikan gaji hanyalah pada kadar 2.6 peratus dan dibandingkan bahawa produktiviti naik pada kadar 6.7 peratus. Ini disebut dalam ucapan Perdana Menteri pada 30 April 2012 menjelang 1 Mei dan pada malam itulah pengumuman dibuat berhubung dengan pelaksanaan gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ditangguhkan lagi, ini bererti kita mendorong pekerja-pekerja di Malaysia berada di bawah paras kemiskinan yang sudah pun ditetapkan atau dinyatakan oleh Kementerian Sumber Manusia bahawa lebih 34 peratus pekerja bergaji RM700 sebulan.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh selain daripada gaji minimum ini adalah mengenai *cost of living allowance,* dengan izin, ataupun elaun biaya hidup. Ertinya, katalah ada pekerja yang gajinya RM950, dia sudah tentulah tidak akan termasuk dalam kumpulan yang mahu dinaikkan kepada gaji minimum. Bagaimana kehidupan mereka ini? Sebenarnya, *cost of living allowance* ini atau elaun biaya hidup ini bukan perkara baru. Pada zaman Allahyarham Tun Abdul Razak, sewaktu krisis minyak tahun 1974, sudah pun diperkenalkan apa yang dipanggil *special relief allowance* atau elaun bantuan khas. Walaupun secara relatif jumlahnya kecil, tetapi yang penting adalah ada ikhtiar dan usaha pemerintah untuk memperkenalkan elaun tersebut. Saya ingin mencadangkan kepada pemerintah yang ada ini supaya memperkenalkan, apa juga nama sekalipun, yakni satu elaun untuk membantu golongan pekerja yang berpendapatan rendah.

Perkara ketiga adalah mengenai umur persaraan minimum. Walaupun saya telah menyatakan sewaktu pembentangan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini iaitu saya tidak bersetuju dengan perkataan persaraan itu kerana kata dasar persaraan itu adalah sara, sedangkan bagi pekerja dalam sektor swasta, tiada siapa yang menyara mereka kecuali diri mereka sendiri. Kalau pekerja dalam sektor awam, ya, kerana mereka akan menerima pencen. Ini pun sudah menjadi isu di mana dikatakan bahawa pelaksanaan umur persaraan minimum ini hanya akan berlaku pada pertengahan tahun 2013. Saya mohon kementerian supaya lebih serius dan lebih peka apabila mengemukakan sesuatu rang undang-undang dan mewartakannya hendaklah melaksanakannya dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang menjadi isu kepada pekerja-pekerja adalah mengenai kes-kes tuntutan yang tidak dapat diselesaikan oleh mahkamah. Dalam kenyataan yang dibuat oleh Menteri Sumber Manusia baru-baru ini menyatakan bahawa lebih daripada 31,000 kes runding damai yang tidak dapat diselesaikan dan 10,000 kes ini tidak dirujuk ke mahkamah.

■1600

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa 10,000 lebih pekerja-pekerja dinafikan hak mereka. Mereka dipecat, mereka dibuang kerja tetapi akhirnya kes mereka tidak dirujuk di mahkamah walaupun Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah membuat beberapa penjelasan mengenai hal ini tetapi hal yang nak saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua ialah mereka tidak dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Oleh hal yang demikian tidak ada ruang bagi mereka kecuali kalau mereka membawa kes ini untuk semakan kehakiman atau *judicial review* yang belanjanya agak mahal dan mereka tidak mampu lakukannya.

Oleh hal yang demikian, kita minta supaya Menteri mencari kaedah yang lebih baik dalam menangani kes-kes yang macam ini sebab sekarang ini kuasa yang ada adalah di tangan Menteri. Apabila seseorang dipecat, dia boleh memfailkan kes di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1997 dan kemudiannya mesti diadakan runding damai dan akhirnya fail yang mengadu akan sampai ke meja Menteri. Menteri boleh sama ada merujuk atau tidak dan daripada apa yang berlaku sekarang ini Menteri tidak perlu memberikan alasan sama ada merujuk atau tidak sesuatu kes tersebut di bawah kuasa yang ada pada beliau, sesuai dengan seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1997.

Perkara kelima Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai pampasan atas kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Sekarang ini di bawah Jadual 2 Peraturan Perhubungan Perusahaan 1997, Menteri berhak untuk mengadakan satu peraturan. Peraturan ini telah dipakai sejak tahun 2007, yakni had maksimum pampasan jika seseorang pekerja itu dipecat di mahkamah ialah 24 bulan. Ertinya kalau gaji saya RM1,000, saya cuma dapat RM24,000 walaupun kadang kala kes saya mungkin memakan masa sampai tiga atau empat tahun. Maksimum itulah yang digunakan. Ini menjadi satu hal yang berat bagi mereka yang menunggu keputusan-keputusan mahkamah tersebut.

Apa yang kita cadangkan kalau boleh supaya pihak kementerian mengkaji semula hal ini dan mengembalikan hak memutuskan ini di bawah seksyen 30 Akta Perhubungan Perusahaan 1997, di mana mahkamah sama ada Yang di-Pertua ataupun pengerusi mahkamah berhak untuk memutuskan apa yang difikirkan layak dan wajar sebab kalau berterusan begini akhirnya nanti dibimbangkan pihak majikan akan menggunakan kaedah ini.

Apalah sangat majikan-majikan untuk membayar RM24,000 kalau misalnya orang yang dibuang atau dipecat itu adalah orang yang aktif dalam gerakan kesatuan pekerja dan sebagainya. Ini sudah pun berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keenam yang nak saya sampaikan pada petang ini adalah mengenai tuntutan pengiktirafan di bawah seksyen 9, Akta Perhubungan Perusahaan 1997. Proses sekarang ini yang sepatutnya lebih cepat menjadi lebih rumit. Kalau dulu sebelum pindaan dibuat bahawa penentuan pengiktirafan itu boleh dilakukan secara dua kaedah. Pertama, semakan keanggotaan. Kedua, menggunakan undi sulit. Apa yang menjadi hal sekarang ialah undi sulit. Ertinya apabila sesebuah kesatuan pekerja mengemukakan tuntutan pengiktirafan kepada syarikat, maka syarikat sama ada terus memberi pengiktirafan atau mencabar apa yang telah dituntut oleh kesatuan tersebut dan berlakulah proses yang dikatakan undi sulit tadi.

Apa yang menjadi hal ialah kertas undi untuk bersetuju untuk menyertai *union* atau tidak, bukan dikira undi dalam peti tetapi diambil kira tarikh kesatuan yang berkenaan mengemukakan tuntutan itu. Kadang-kadang ia memakan masa enam bulan, lapan bulan, sembilan bulan dan seterusnya. Dalam proses tersebut ada yang telah meninggalkan perkhidmatan, ada yang meninggal, berpindah dan sebagainya tetapi bagi maksud mengira jumlah undi yang menyokong atau tidak, ia menggunakan senarai pada tarikh kesatuan pekerja mengemukakan tuntutan kepada majikan.

Cadangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah hal ini harus dikaji semula dan mohon kementerian menggunakan kaedah yang lebih mudah iaitu mengira undi yang ada di dalam kotak undi, bukan mengambil senarai daripada pangkal apabila kesatuan mengemukakan tuntutan pengiktirafan. Selain itu adalah mengenai kertas undi. Perkara ini telah dibincangkan banyak kali dengan kementerian tetapi nampaknya tidak ada perubahan yang baik, yakni kertas undi hendaklah dipermudahkan, yakni apabila pekerja yang berminat masuk kesatuan itu diberikan kertas undi, kertas undi itu hendaklah dengan mudah dapat difahami, Bukan seperti sekarang ini yang dikatakan bahawa, *"Saya ahli kesatuan, saya bukan ahli kesatuan."* Ini sebenarnya mengelirukan. Saya mohon supaya perkara ini dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, perkara tujuh dalam ucapan saya ini ialah mengenai Tabung Pemberhentian Pekerja atau *Retrenchment Fund*. *Retrenchment Fund* ini sepatutnya telah pun dilaksanakan kerana ia telah dibangkitkan banyak kali dan dalam banyak forum. Sebenarnya ia tidaklah begitu sulit. Dari segi logistik dan struktur, tidak perlu kementerian membuat satu struktur yang baru. Mereka boleh menggunakan Pertubuhan Keselamatan Sosial sebagai pengurus atau yang mentadbirkan tabung ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini memang ada di bawah seksyen 60J Akta Kerja 1955 dan ia dibaca sekali dengan peraturan, apa yang disebut dengan izin *termination and lay-off benefit* di mana jumlahnya agak kecil. Bagi kurang dua tahun perkhidmatan – 10 hari gaji, dua hingga lima tahun – 15 hari gaji, lima tahun ke atas – 20 hari gaji. Ini sebenarnya dalam realiti yang ada sekarang adalah tidak memadai. Saya cadangkan supaya Tabung Pemberhentian Pekerja ini disegerakan dan bincang dengan dua pihak iaitu majikan dan pekerja supaya caruman dapat dimuktamadkan sama ada berapakah yang patutnya dibayar oleh pekerja dan berapakah yang patutnya dibayar oleh majikan kerana pada akhirnya yang jadi masalah nanti adalah kepada negara. Kalau majikan tutup, pekerja tak ada pekerjaan, tak ada duit, yang rugi adalah negara. Bukan hanya soal pekerja dan majikan.

Perkara lapan Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai Tabung Pembangunan Sumber Manusia atau *Human Resources Development Fund*. Saya ingin tahu berapakah setakat ini tabung ini telah mengumpul dana melalui caruman yang dibuat oleh para majikan atas nama pekerja.

■1610

Kalau misalnya tabung ini mempunyai dana yang mencukupi berapakah jumlah yang sampai kepada kumpulan sasar iaitu golongan pekerja bawahan yang sepatutnya mendapat latihan dan pelatihan semula atau disebut sebagai *training or retraining*. Apa guna kita mempunyai duit yang banyak, apa guna kita menyimpan satu tabung yang besar sedangkan manfaat kepada kumpulan yang disasarkan itu tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah sedikit kepada satu isu yang lain yakni mengenai kesihatan. Sebenarnya dalam hal kesihatan ini yang penting ialah kebolehcapaian atau *access* kepada kemudahan tersebut. Walaupun disebut bahawa banyak pusat kesihatan atau hospital dalam lingkungan lima atau sepuluh kilometer di Semenanjung, tetapi soalnya adalah bagaimana dengan Sabah dan Sarawak. Kita juga bimbang kalau misalnya kebolehcapaian ini tidak sampai kepada kumpulan sasar. Akan nanti kedapatan walaupun penyakit-penyakit yang kita anggap tidak begitu serius seperti diarea atau cirit-birit boleh membawa kepada maut.

Keduanya adalah soal masa untuk mendapatkan rawatan. Ini juga perlu diberikan perhatian. Tadi kita bercakap mengenai ubat-ubatan atau farmaseutikal. Tadi saya sangat berterima kasih kerana diberi maklumat tentang kemampuan Malaysia dalam pembuatan ubat-ubatan generik, yang mana bukan sahaja untuk pemakaian dalam Malaysia tapi juga untuk dieksport keluar. Sebab ubat yang bersifat *branded* ini jumlahnya agak tinggi dari segi harga. Sahabat-sahabat kita yang ada di dalam Dewan ini mempunyai pengalaman tersebut. Tidak payahlah saya sebut kawan-kawan mana yang makan ubat dan harganya berapa. Siapa yang minum halia dialah yang membuang angin... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, bajet ataupun belanjawan untuk Kementerian Kesihatan ini agak besar. Saya kira di antara yang terbesar berbanding dengan kementerian-kementerian yang lain. Jadi secara ringkasnya oleh sebab hal ini telah pun di bincang oleh rakan-rakan yang lain, saya berharap supaya bajet ini benar-benar memberikan manfaat kepada kumpulan sasar terutama sekali golongan bawahan yang memerlukan. Kita bimbang pengalaman yang berlaku di beberapa negeri di Eropah dan juga di Amerika sebagai contoh, menyebabkan kengerian bagi golongan yang tidak mampu untuk membiayai rawatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pindah sedikit kepada hal yang berkaitan dengan lebuh raya, sebab ada juga rakan-rakan yang menyebut soal lebuh raya ini. Kita *complain* bahawa lebuh raya rosak, lebuh raya tidak berada dalam keadaan yang baik. Sebenarnya ini akibat daripada kenderaan-kenderaan berat yang lebih muatan yang menggunakan lebuh raya. Saban pagi kita tahu bagaimana keadaan lebuh raya daripada Bukit Lanjan sampai ke R&R Sungai Buloh di kedua-dua hala. Kita nampak dengan jelas bahawa kenderaan perdagangan yang membawa muatan lebih ini bukan sahaja boleh merosakkan kondisi lebuh raya malah melambatkan perjalanan.

Saya cadang begini. LLM dan pihak yang berkenaan termasuk pemegang konsesi di gerbang tol itu sendiri menyediakan mesin ataupun alat untuk menimbang kenderaan-kenderaan perdagangan ini. Ertinya, sebaik sahaja kenderaan ini masuk ke dalam gerbang tol kita sudah tahu sama ada ianya mengikut had berat yang diberikan atau sebaliknya. Kalau misalnya melebihi daripada apa yang disyaratkan, boleh diberitahu kepada pemandu itu kurangkan berat saudara, kalau tidak jangan gunakan jalan saya.

Jadi maknanya di situ akan ada LLM, di situ ada SPAD, di situ ada polis, di situ ada Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya. Jadi tidak payah kita buat pemeriksaan yang berkala. Di gerbang tol itu sendiri ada disediakan alat yang menimbang bagaimana berat atau tidaknya melebihi daripada yang dihadkan bagi kenderaan-kenderaan berat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap Yang Berhormat. Ada satu usul yang hendak dibentangkan. Nanti Yang Berhormat boleh sambung semula. Silakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.16 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 12 Disember 2012".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat sambung.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Jadi dengan demikian Tuan Yang di-Pertua kita dapat menyelamatkan kos pembaikan dan pada masa yang sama mendisiplinkan pengusaha-pengusaha lori dan pengusaha-pengusaha kenderaan berat ini.

Selain itu, usaha hendaklah juga dibuat untuk menerangi atau pencahayaan yang lebih baik bagi lebuh raya dan ini memang sudah pun berlaku. Daripada terowong Genting Sempah sampai Tol Gombak sudah pun menggunakan lampu yang saya percaya sistem solar. Ini cukup baik. Ertinya, kalau LLM menegaskan kepada pemegang konsesi supaya memasang lampu ini sepanjang daripada Bukit Kayu Hitam sampai Johor dan di mana-mana juga lebuh raya konsesi yang ada ini.

Maknanya pihak konsesi dengan kutipan tol yang tinggi tidak akan tidak boleh melakukan ini kerana ianya baik bukan sahaja untuk pengguna jalan raya malah menyelamatkan kos mereka juga. Ini kerana kalau berlaku *accident*, berlaku kemalangan atau kecelakaan sudah tentu kos akan meningkat lagi, selain daripada soal kehilangan nyawa, kecederaan tubuh badan dan sebagainya.

Ini telah dibuat Tuan Yang di-Pertua dan cukup baik daripada mengadakan kadang-kadang di selekoh tertentu dengan lampu yang menyakitkan mata. Sudahlah gelap, hujan, dia pasang lampu yang ada tanda koperal itu. Itu menyakitkan mata. Apa tidak dibuat satu kaedah pasang terus. Ertinya apabila tidak kira malam atau siang, gelap sahaja lampu akan terpasang dan dengan sendirinya keyakinan pemandu lebih baik berbanding dengan apa yang ada sekarang ini. Saya cadang supaya hal ini dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu ialah mengenai pohon-pohon hutan yang sudah mula pupus. Kita tanya anak-anak kita dia tidak tahu lagi apa dia tampoi, apa dia sentul, apa dia mengkinang, apa dia ketapi, apa dia mencipu. Tidak tahu. Sebab tidak ditunjukkan kepada mereka.

■1620

Saya mohon cadangkan, dimulai di Parlimen ini ditanam pohon-pohon tersebut. Inilah peninggalan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kementerian yang mana Yang Berhormat?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Kementerian Pertanian atau kementerian-kementerian lain yang berkenaan. Ini kita dianggap sebagai disebut di dalam bajet terkini *"fastabiqul khairat".* Berlumba-lumba buat kebajikan, tidak ada masalah.

Saya insya-Allah kalau misalnya dibenarkan, setidak-tidaknya sebatang pokok Gelugor saya akan tanam di sini kalau dibenarkan, insya-Allah... *[Ketawa]* Penting sebab apabila datang sahaja pelawat-pelawat anak-anak ini, selain daripada dia melawat ini, kita boleh bawa mereka tunjuk tempat-tempat di mana inilah pokok yang dinamakan *Baccaurea macrocarpa*. Apa dia? Tampoi. *Sandoricum koetjape*, apa dia? Sentul. Jadi ertinya, ini adalah usaha kita untuk mendidik anak-anak supaya dia kenal apa dia pokok ini dan apa gunanya kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, ertinya tanaman ini bukan hanya di Parlimen, di sekolah, hospital dan ada yang mengatakan, oh, bila tanam nanti akan berlaku perbalahan. Ha, itu bibit-bibit awal di mana kita tidak boleh mendisiplinkan anak kita. Bagaimana jiran kita di seberang tambak boleh buat, kita tidak boleh buat. Mereka boleh buat. Jadi ertinya, kalau generasi saya ini dianggap sebagai *gone case*, tidak apalah... *[Ketawa]* Akan tetapi setidak-tidaknya saya bertanggungjawab kepada anak cucu saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat *gone case*, saya lagi *gone case* lemang... *[Ketawa]*

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyimpulkan ucapan saya ini kepada beberapa hal berbalik kepada soal *fastabiqul khairat* yang saya sebut tadi. Bukan saya sebut, disebut oleh penulis ucapan ini yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan iaitu berlumba-lumba membuat kebaikan. Itu sebabnya kadang-kadang dalam Dewan ini kita tidak mengambil sikap, saya sangat bersetuju jangan kita jadikan satu keadaan yang boleh merasa tak selesa, walaupun untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, bidang saya memang bertempur dengan majikan ini lebih daripada 40 tahun. Saya tahu sangat tetapi dalam ini tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah 'mali' Yang Berhormat, sudah 'mali' dah... *[Ketawa]*

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks membuat kebajikan ini, marilah kita berlumba-lumba buat kebajikan. Pulau Pinang telah menubuhkan satu tabung perumahan dan wang sebanyak RM500 juta. Di samping itu 11,596 unit perumahan kos rendah dan kos sederhana telah pun diluluskan yang dimajukan oleh swasta dan agensi negeri. Sejumlah 277 ekar di seluruh negeri Pulau Pinang telah pun diperuntukkan untuk membina 18,000 unit rumah dan ini merupakan usaha-usaha untuk kebaikan orang. Ertinya bila kita berlumba-lumba buat kebajikan ini, bukan kita tetapi untuk orang yang kita sasarkan. Itu yang lebih penting. Jadi dalam hal ini biarlah kita dengki dan marah dalam hal berlumba-lumba buat kebajikan ini. Jangan dengki dan marah untuk buat sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat...

Tuan Khoo Soo Seang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang lagi.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang bangun.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tidak apalah, nanti kemudianlah sebab saya pun tidak ada masa ini. Saya hendak menghabiskannya. Tidak apa, tidak apa, kemudianlah. Boleh bincang saya di luar nanti, *insya-Allah*. Saya hendak habiskan ini. Kemudian nanti, sebab masa banyak diambil oleh orang lain tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya juga ingin menjelaskan sedikit mengenai penolakan atas elaun yang disebut oleh beberapa orang pembicara sebelum saya. Sebenarnya, penolakan ini bukan oleh per orang atau individu tetapi dibuat oleh anggota-anggota Parlimen yang datang daripada Pakatan. Ini bukan ertinya seorang menolak, tidak. Ia sudah dibincang, disepakati, tentulah seorang yang bercakap. Sama juga dalam Kabinet, bukan semua orang bercakap, seorang sahaja bercakap iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, biasalah. Atas perhitungan bahawa ia masih dalam keadaan rakyat bawah memerlukan pembelaan.

Ertinya ada pertimbangan-pertimbangan sedemikian sebelum kita menaikkan elaun atau pun kemudahan kita. Akan tetapi hal ini macam yang sama, ada pertimbangan bahawa kalau diberi elaun untuk pentadbiran, ertinya supaya diadakan pembantu pentadbiran atau penyelidik, itu bagus. Misalnya sekarang ini kalau kita hendak buat fotokopi pun kita kena buat sendiri. Saya tidak kompelin, saya tidak jadi hal Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kalau pun kita mahu mengadakan hal ini elok diadakan elaun untuk pembantu ataupun penyelidik yang boleh membantu anggota Parlimen dalam membuat kajian hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan negara ini.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua ialah elaun Ahli Parlimen di Singapura bukanlah berjuta-juta seperti yang disebut. Ini kerana sejak tahun 2007 elaun mereka hanyalah pada kadar SD13,200 sebulan iaitu 56 peratus daripada apa yang disebut dengan izin, *super-skilled entry grade for Civil Service*. Memang tidak dapat dinafikan gaji dan elaun untuk Perdana Menteri dan Menteri mereka lebih tinggi berbanding dengan kita. Akan tetapi sepanjang mengenai anggota Parlimen, ia adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyimpulkan dalam - ingin juga saya mohon izin kerana ini bukan bahasa Melayu standard iaitu ini bahasa Minang,

Maminteh sabalun anyuik,
Malantai sabalum lapuak,
Ingek-ingek sabalum kenai,
Sio-sio nagari alah,
Sio-sio utang tumbuah,
Siang dicaliek caliek,
Malam didanga-danga.

Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Nasib baik agaknya Yang Berhormat Firdaus tidak ada, kalau tidak, dia boleh jawab itu. Ini Minang punya Minang ini, biar dia bertembung dengan dua orang. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

4.28 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, pembentangan bajet 2013 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September 2012 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM215.6 bilion menyaksikan perbelanjaan yang digarap dalam lima fokus utama bertujuan meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia. Pembentangan Belanjawan 2013 pada kali ini bertemakan, *"Memakmur Negara, Mensejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati"* amat bertepatan dengan iltizam Kerajaan Pusat mengotakan setiap janjinya. Saya ingin membawa satu isu yang mana tidak disentuh oleh daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, iaitu isu pencen. Dalam usaha mengkonsolidasikan fizikal dan mempercekap penyampaian perkhidmatan awam, saya memuji langkah kerajaan untuk menaikkan pencen minimum daripada RM720 kepada RM820 yang juga termasuk pelarasan pencen itu akan mengambil kira bayaran pencen bermula 1 Januari 2012 iaitu *back dated*. Jelas kerajaan tidak lupa jasa pesara yang pernah mencurah khidmat bakti dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara.

■1630

Saya yakin langkah ini yang melibatkan seramai 50,371 pesara termasuk penerima pencen terbitan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM67 juta setahun mampu memberi sinar baru kepada para pesara ini. Saya terpanggil untuk menyentuh isu penyelarasan kadar pencen. Ini kerana kadar pencen yang diterima pesara terdahulu sudah tidak relevan berbanding pesara baru memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat. Saya mencadangkan agar pencen penuh wajar diberikan kepada pesara yang berkhidmat kurang dari 25 tahun disebabkan masalah tertentu hingga terpaksa mengambil keputusan bersara awal. Termasuk faktor kesihatan juga, faktor tempoh perkhidmatan yang tidak mencukupi kerana lambat diserap ke jawatan tetap.

Contoh, pencen pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang berkhidmat 21 tahun menerima kenaikan, mengapa pesara kerajaan berkhidmat kurang 25 tahun tidak mendapat pencen penuh? Saya juga mencadangkan kadar pencen diterima pesara diterima sebelum ini daripada kategori skim yang sama diubah mengikut kadar terkini supaya dapat membela kebajikan semua pesara kerajaan. Ini kerana terdapat pesara yang sudah lebih 20 tahun bersara daripada perkhidmatan, berhadapan dengan kesempitan hidup kerana pencen diterima rendah sedangkan harga barangan semakin meningkat.

Kebanyakan pesara dulu menerima pencen kurang RM3,000 berbanding pesara sekarang yang menerima kadar lebih baik walaupun menjawat jawatan sama pada akhir perkhidmatan. Bagaimanapun saya memuji pindaan Rang Undang-undang Pencen membolehkan balu, duda yang dikahwini dalam tempoh persaraan turut mendapat manfaat diluluskan.

Saya juga ingin menyentuh isu pesara dari syarikat GLC. Saya mencadangkan agar kerajaan memberikan perhatian kepada isu pencen dan had persaraan umur kakitangan GLC. Ini kerana terdapat sekitar 3,000 kakitangan yang hanya menerima kadar pencen sekitar RM150 ke RM200 sebulan yang mana berada di bawah paras kemiskinan.

Ini kerana golongan pesara GLC ini tidak menikmati faedah dan ganjaran setimpal seperti mana rakan-rakan sejawat mereka dalam perkhidmatan awam. Sedangkan suatu ketika, mereka juga pernah berkhidmat dalam kakitangan awam. Saya juga memohon agar kerajaan dapat menyemak semula formula pencen yang diamalkan sekarang kerana berlaku ketidakseimbangan antara pesara kerajaan dan pesara GLC. Juga adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan had umur persaraan kakitangan GLC kepada 60 tahun berbanding 55 tahun yang diamalkan kebanyakan GLC sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pesara kanan kerajaan yang mengutuk kerajaan selepas bersara. Saya juga terpanggil untuk menyentuh isu pesara kanan kerajaan yang apabila tamat perkhidmatannya, terus menukar tempo dan membongkar rahsia-rahsia kerajaan yang selama ini disimpan. Sepatutnya para pesara kerajaan ini dengan berbekalkan prestasi cemerlang selama berkhidmat dengan kerajaan perlu menjadikan pengalaman tersebut sebagai model membantu kerajaan, membetulkan pandangan rakyat mengenai isu-isu yang diputar belit oleh pihak pembangkang.

Pada pandangan saya, pesara kerajaan ini sepatutnya turut serta berperanan membuat analisa dan kertas kerja bagi mendapat kepercayaan rakyat. Sebaliknya, mereka ini seperti kacang lupakan kulit. Membuat pendedahan melalui media dan mendedahkan rahsia-rahsia kerajaan yang sepatutnya disimpan baik walaupun selepas bersara. Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa setengah daripada mereka yang bersara dengan jawatan Turus dan Gred Utama menikmati pencen dan kemudahan tinggi. Malah, ada yang pencennya 100 peratus sama dengan gaji pokok semasa dalam perkhidmatan. Ada yang dilantik Lembaga Pengarah GLC dan ada yang menjadi Pengerusi GLC, *MOF Incorporated*. Akan tetapi pada pandangan saya masih banyak yang tidak mengenang budi pada kerajaan.

Skim PR1MA. Sejumlah RM1.9 bilion bagi membina 123,000 unit rumah oleh PR1MA. Syarikat Perumahan Nasional Berhad dan Jabatan Perumahan Negara, RM500 juta dibelanjakan PR1MA untuk membina 50,000 unit rumah. RM543 juta bagi Jabatan Perumahan Negara di bawah Program Perumahan Rakyat. Skim Rumah Pertamaku ditambah baik dengan meningkatkan had pendapatan peminjam dari RM3,000 ke RM5,000. Saya melihat penambahbaikan pada had pendapatan pada Skim Rumah Pertamaku (SRP) adalah antara sebagaimana yang diminta oleh kebanyakan rakyat disebabkan ramai yang berada dalam kategori tersebut masih tidak dapat membeli rumah.

Syarat-syarat lain seperti keperluan deposit dan minimum tempoh bekerja yang dimansuhkan juga antara yang dialu-alukan oleh semua. Akan tetapi perkara yang masih menjadi tanda tanya adalah sejauh mana skim ini akan berjaya. Ini kerana akhirnya permohonan untuk kelulusan pinjaman ini adalah atas budi bicara dan syarat kelulusan pinjaman yang ditetapkan oleh bank. Ini ialah antara sebab mengapa permohonan SRP yang gagal dan ditolak oleh bank-bank yang mengambil bahagian. Peruntukan Rumah Mesra Rakyat untuk 2013 juga dilihat mampu memenuhi keperluan permohonan pada masa ini. Akan tetapi dilaporkan banyak permohonan di bawah program ini yang tidak dapat dipenuhi dan mengambil masa yang panjang untuk di luluskan.

Saya juga turut terpanggil untuk membangkit isu KKHD. Antara yang ingin dibangkitkan adalah kenaikan minimum untuk kadar cukai keuntungan harta tanah, (CKHT). Di mana ianya hanya kenaikan pada kadar 5 peratus berbanding pada kadar semasa dan jauh lebih rendah berbanding kadar yang saya jangkakan dan dicadangkan oleh Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan iaitu masing-masing sehingga kadar 25 peratus dan 30 peratus untuk tahun pertama dan berkurangan kepada 5 peratus untuk tempoh lima tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkit isu *Touch'n'Go.* Mengapa tiada rebat diberikan kepada pengguna *reload* sejumlah wang. Tidak seperti negara barat yang memberikan rebat khas jika pengguna *reload* wang yang boleh digunakan hampir di setiap mod pengangkutan awam.

Soalan, benarkah saya pernah terbaca di mana jika *Touch'n'Go* ini tidak digunakan untuk tempoh tertentu, maka baki wang akan *forfeit,* dengan izin, ataupun langsai. Jika benar, mengapa kementerian membenarkan perkara sedemikian berlaku kerana saya berpandangan ini jelas menganiayai pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana memperkenalkan rang undang-undang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mewartakan umur persaraan minimum dan gaji minimum RM900. Di sini saya ingin cadangkan semula kepada PERKESO yang mana saya menyarankan pihak SOCSO mengeluarkan kad insurans. Seperti mana yang diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu kad insurans ini kepada pencarumnya agar mudah untuk keluarga mengetahui faedah yang boleh dinikmati oleh pencarumnya.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan (KPDNKK) berhubung dengan subsidi. Saya ingin mencadangkan beberapa perkara barang-barang subsidi iaitu seperti minyak RON 95 yang mana harga sebenar RM2.93 sen, kerajaan memberi subsidi RM1.03 sen. Harga yang kita beli dengan harga RM1.90 sen. Perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan pihak KPDNKK letakkan *billboard* yang besar di kedai-kedai minyak, bukan di tempat yang kita bubuh minyak. Ini kerana yang dok bubuh minyak itu Tuan Yang di-Pertua, ialah pemandu. Si kawan duduk dalam kereta itu dia tidak tahu dan tulisan pula kecil.

■1640

Jadi, saya cadangkan RON diesel, kita buat satu *billboard*. Hendak masuk kedai minyak itu, benda itu kita bubuh sama ada digital kah atau pun *permanent* sebab banyak yang tidak sedar yang mana kita ini mendapat banyak subsidi. Umpamanya gas 40kg silinder. Harga sebenar RM50.83. Subsidi kerajaan RM24.23. Jadi, harga yang kita beli hanya RM26.60. Ini kita biasa buatkan satu *level* di tong gas itu Tuan Yang di-Pertua supaya suri rumah di rumah itu tahu kata kerajaan *subsidized* sebanyak RM24.23 pada tiap-tiap satu tong silinder itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ke Kementerian Pengangkutan iaitu isu AES. Adakah AES berkesan dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya? Satu, sistem penguatkuasaan elektronik telah dilaksanakan di 90 negara lain di seluruh dunia. Dia Asia Tenggara, Thailand, Vietnam telah melaksanakan sistem digital *traffic enforcement system* dengan izin.

Contoh keberkesanan AES di negara-negara lain, empat. Di Perancis, kadar kematian turun 27 peratus dalam tempoh tiga tahun sejak penggunaan sistem penguatkuasaan automatik. Lima, di Jerman di lokasi yang dipasang, penurunan kelajuan telah menjadi budaya di kawasan di pasang sistem AES, penurunan kelajuan kenderaan dan pematuhan sebanyak 80 peratus di mana kamera pengesan kelajuan di pasang.

Di Kuwait, kemalangan menurun 48 peratus. United Kingdom, kadar pelanggaran peraturan trafik menurun pada kadar 6 peratus dari jumlah kenderaan berdaftar. Jelas dari statistik dan maklumat di atas, AES terbukti mampu mengurangkan jumlah kemalangan maut sekali gus mendisiplinkan pemandu kita.

Kepada Kementerian Dalam Negeri, Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam di bawah Butiran 2000 PDRM. Mengikut rekod Ketua Polis Negara indeks jenayah 2010 sebanyak 177,520 berbanding dengan 2011 iaitu sebanyak 157,891. Jelas ianya menurun dan saya percaya ianya turut dibantu oleh orang ramai dan NGO. Akan tetapi 52.9 peratus rakyat masih takut dalam keadaan jenayah. Soalannya, apakah inisiatif PDRM dari segi mendidik, membimbing pelbagai program, memberi kesedaran rakyat pelbagai golongan termasuk kepada pihak sekolah dan PIBG.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Berhubung dengan tribunal tuntutan pembeli rumah. Soalan yang ingin saya ajukan sejak ditubuhkan pada 2003 yang lepas berapakah jumlah aduan yang diterima? Jenis aduan yang paling popular dari pembeli yang menghadapi masalah dengan pemaju? Soalan seterusnya berapakah jumlah yang berjaya diselesaikan oleh tribunal ini? Jumlah pampasan yang berjaya diperoleh hasil dari tuntutan yang dibuat melalui tribunal ini?

Antara isu yang dikenal pasti ialah kelewatan menyerahkan projek. Bagaimana kementerian bercadang mengatasi masalah ini agar ianya tidak sentiasa berulang?

Saya difahamkan tribunal ini hanya mengendalikan kes melibatkan tuntutan bernilai kurang daripada RM50,000. Manakala, mereka yang ingin membuat tuntutan melebihi jumlah ini perlu melakukannya melalui tindakan undang-undang. Soalannya, adakah kementerian bercadang menaikkan jumlah tuntutan memandangkan nilai harta tanah yang semakin meningkat hari ini?

Adakah tribunal ini bekerjasama dengan FOMCA yang turut mempunyai pusat aduan pembeli harta tanah. Bagaimana kementerian melihat kebanyakan aduan dari pembeli rumah tentang perbuatan pemaju mengenakan bayaran tempahan sebelum pemeteraian perjanjian jual beli dan perbuatan yang ternyata melanggar Akta Pembangunan Perumahan? Satu lagi perkara yang sering menjadi sebutan orang ramai ialah iklan mengelirukan oleh pemaju tentang penyediaan pintu pagar automatik, kabinet dan perabot secara percuma.

Banyak pembeli rumah mengadu mereka hanya sedar diperdaya pemaju berhubung tawaran ini setelah menerima kunci rumah masing-masing. Soalannya, apa pandangan kementerian dalam isu ini? Bagaimana kementerian melihat *build then sell.* dengan izin. yang bakal diwajibkan kepada pemaju menjelang 2015 mampu mengawal harga rumah dan melindungi pembeli dari dianiayai seperti dasar sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Isu Istana Budaya. Apakah garis panduan digunakan dalam memberi ruang kepada artis tempatan membuat persembahan seperti konsert dan teater muzikal di Istana Budaya? Ini kerana ada tohmahan mengatakan pihak Istana Budaya mementingkan artis luar, bayaran yang tinggi serta pelbagai syarat ketat ke atas artis tempatan termasuk harga tiket yang dikatakan terlalu mahal. Apakah inisiatif yang diberikan kepada teater muzikal tempatan berbanding teater muzikal dari luar negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan berhubung dengan Institut Kemahiran Belia Negara. Soalan, adakah cadangan menambahkan jumlahnya di negeri Perlis? Mohon data terkini jika ada untuk melatih belia Perlis dengan pelbagai kemahiran. Naik taraf kompleks belia dan sukan negeri-negeri. Bagaimana perancangan di Perlis? Apakah status kejayaan kompleks ini dalam memartabatkan belia di Perlis?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada dua kementerian iaitu pertama Kementerian Hasil Dalam Negeri yang mana tertera di Berita Utusan Malaysia hari ini yang memaparkan mereka telah mengutip cukai sebanyak RM115 bilion yang mana bajet yang dibentangkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah sebanyak RM110 bilion. Tahniah kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Imigresen yang mana baru-baru ini telah dapat menyelamatkan lebih daripada 105 orang pembantu-pembantu rumah yang telah dianiayai oleh syarikat-syarikat tertentu. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus Kurus.

4.48 ptg

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang serta ruang yang diberikan kepada saya untuk turut berbahas dalam ucapan Bajet 2013 ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas kepada semua yang bertanggungjawab dan bertungkus-lumus merangka bajet ini sekali gus kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi yang telah membentangkan bajet yang penuh praktikal, realistik serta terancang rapi dan terperinci serta membela nasib rakyat jelata.

Dalam penganalisis yang sempat saya buat, dapat saya olahkan di sini bahawa Bajet 2013 ini merupakan manifestasi janji ditepati atas kepercayaan rakyat selama 55 tahun.

Lihat sahaja peruntukan bajet ini di mana peruntukan RM201 bilion untuk peruntukan mengurus. Manakala RM49.7 bilion untuk peruntukan pembangunan. RM208.6 bilion pendapatan dijangka bagi tahun 2013.

■1650

Bajet ini jelas memfokus ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat, perbelanjaan berhemah, kurangkan defisit dengan matlamat keseluruhan kesejahteraan rakyat. Saya kira ianya amat bersesuaian dengan tema Bajet 2013, *'Memakmur Negara Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati'.*

Tanpa berlengah, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang saya kira penting untuk diketengahkan dalam membahaskan Bajet 2013 ini. Iaitu isu khasnya isu tempatan. Iaitu isu jambatan Labuan dan ke Menumbok, Tanah Besar Sabah. Diskaun 50 peratus tambang feri Labuan, Sabah dan Sarawak. Saya amat mengalu-alukan pemberian diskaun tambang 50 peratus dan akan diberi kepada pengguna feri yang berulang-alik dari Labuan ke Sabah.

Di sini saya ingin menyentuh cadangan pembinaan jambatan yang menghubung Labuan dan Menumbok di Sabah. Sejak 1984 lagi cadangan ini diutarakan demi kepentingan rakyat kedua-dua kawasan ini. Sekian lama rakyat Labuan menanggung kesusahan dan saya mohon agar isu pembinaan jambatan ini dipandang serius memandangkan ianya melibatkan isu keselamatan dan sosial ekonomi penduduk kedua-dua tempat berkenaan.

Saya difahamkan anggaran kos adalah sekitar RM3 bilion dan saya yakin kos ini mampung ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Dengan mengambil kira hasil cukai kastam yang dikutip di Labuan setiap tahun yang berjumlah hampir RM1 bilion dan merupakan penyumbang terbesar kutipan cukai di Malaysia. Saya berpandangan kerajaan juga boleh membuka tawaran kepada pihak swasta yang berminat di mana mereka dibenarkan untuk menambak laut di Labuan untuk dibangunkan sebagai kawasan komersial. Di samping dapat membantu mendirikan jambatan yang dibina kurang daripada lapan kilometer panjangnya.

Banyak kemudahan bakal dinikmati oleh penduduk Labuan. Antaranya ialah sekali gus memudahkan urusan berulang-alik ke Tanah Besar Sabah sama ada untuk mendapatkan rawatan pakar dan membawa bekalan makanan yang terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi, risiko keselamatan menaiki bot laju dalam waktu kecemasan. Ketiadaan jambatan juga menyebabkan penduduk Labuan sering kali mengalami kekurangan bekalan makanan, bahan binaan, termasuk LPG gas masak, kos barangan dan bahan binaan yang juga lebih tinggi berbanding Sabah dan Sarawak. Pembinaan jambatan secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah ketiadaan pelabuhan laut dalam di Kimanis, Sabah dan Sipitang, Sabah yang sedang dibangunkan dengan aktiviti berkaitan minyak. Pelabuhan laut dalam Labuan boleh dinaiktaraf dan dapat memenuhi Pelabuhan Labuan sebagai *hub logistic* minyak dan gas.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan projek melebarkan jalan mengenai sebahagian jalan di Labuan. Rungutan rakyat berpanjangan disebabkan kerja-kerja melebarkan Jalan Tun Mustapha memakan masa yang terlalu lama untuk disiapkan oleh kontraktor. Jarak jalan yang dinaik taraf juga telah dipendekkan sedangkan pokok hiasan sepanjang jalan yang pada awalnya turut terlibat, telah ditebang. Saya mohon agar kerajaan perlu menambah peruntukan bagi membolehkan projek pelebaran jalan di sambung hingga di simpang dinamakan Kampung Lubok Temiang di Labuan sebagai perancangan projek pada awalnya.

Saya ingin menyentuh pelabuhan atau dermaga di Labuan khasnya. Kemudahan pelabuhan yang sedia ada yang dibina sekitar tahun 60-an perlu dinaik taraf dan struktur jambatan perlu diperkukuh bagi menampung jentera memunggah barangan yang beratnya mencecah 100 tan. Perbalahan di antara penyewa dermaga dan pengendali turut menyumbang kepada ketidakcekapan pelabuhan di samping kenaikan caj yang tidak terkawal dan ini menyumbang kepada peningkatan harga barangan di Labuan.

Dermaga sedia ada perlu diperkukuh bagi menampung jentera pemunggah yang berat bagi meningkatkan kecekapan dan memendekkan masa pemunggahan barangan di pelabuhan. Isu penswastaan dermaga perlu di selesai dan caj yang dikenakan oleh pengendali dermaga perlu dipantau termasuk caj-caj yang dikenakan oleh ejen perkapalan dan ejen pengangkutan yang dilaporkan lebih tinggi berbanding di Kota Kinabalu, Sabah.

Satu lagi isu ialah isu pembinaan Kolej Matrikulasi Labuan oleh kontraktor MRCB Berhad. Isu tuntutan hampir 50 kontraktor bumiputera Labuan yang ditamatkan kontrak oleh MRCB Berhad telah berlarutan sekian lama dan difahamkan mereka akan berpiket sekiranya isu ini masih gagal ditangani. Saya mohon agar isu diberi perhatian segera oleh pihak berkenaan.

Satu lagi isu ialah larangan nelayan tradisi menangkap ikan di perairan Labuan iaitu Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kecil yang terletak kira-kira 2 batu nautika daripada Labuan telah diisytiharkan sebagai Taman Laut pada 18 Ogos 2000. Bagaimanapun sehingga kini belum ada bangunan dibuat di pulau-pulau berkenaan bagi menarik minat kedatangan pelancong seperti di Pulau Layar di Langkawi. Penguatkuasaan melarang menangkap ikan di bawah Akta Perikanan 1995 yang mana para nelayan adalah dilarang menangkap ikan dalam jarak 1 batu nautika daripada paras air terendah kawasan pantai telah dikuatkuasakan baru-baru ini yang menimbulkan kemarahan para nelayan tempatan atau nelayan tradisi. Mohon status terkini dalam isu ini.

Satu lagi isu ialah isu penempatan komuniti pendatang Filipina. Di Labuan tidak kurang juga masalah pendatang dari Filipina. Kerajaan membenarkan pendatang Filipina yang menggunakan pas IMM13 menduduki bekas rumah kediaman tentera laut dan disediakan penempatan khas menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk tempatan. Komuniti ini mempunyai pendapatan yang kecil dan juga sederhana dan bekerja dalam sektor pembinaan.

Bagaimanapun budaya dan kesedaran yang rendah terhadap kebersihan dan kesihatan yang menyebabkan kawasan ini menjadi punca penularan penyakit berjangkit seperti tibi, taun dan lain-lain penyakit berjangkit. Dengan termeterainya perjanjian perdamaian di Selatan Filipina, kerajaan perlu menghantar mereka balik ke negara asal. Jika mereka ingin terus bekerja, mereka perlu melalui proses prosedur yang biasa. Kerajaan perlu memberi had masa yang sesuai untuk mereka balik ke negara asal dan bekas kawasan penempatan mereka itu perlu dibangunkan semula secara terancang bagi membina perumahan bagi rakyat atau penduduk tempatan.

■1700

Satu lagi isu ialah fi pendaratan. Jabatan Laut Semenanjung Malaysia di Labuan mengenakan fi pendaratan bagi kenderaan yang dibawa masuk oleh rakyat Malaysia termasuk mereka yang berasal dari Labuan atau Sabah. Peraturan ini tidak terdapat di Semenanjung Malaysia. Contohnya, pendaratan kenderaan menggunakan feri ke Langkawi atau Pulau Pinang. Begitu juga kemasukan binatang ternakan dan tumbuhan di antara Tanah Besar Semenanjung ke Pulau Pinang dan Pulau Langkawi. Keperluan permit import eksport juga tidak terpakai di antara negeri-negeri di Semenanjung, tetapi di Wilayah Persekutuan Labuan, pihak MAQIS telah mensyaratkan keperluan permit import bagi membawa masuk tumbuhan, telur dan haiwan ternakan dari Sabah ke Labuan. Saya mohon agar kerajaan mengkaji semula fi pendaratan kenderaan ke Labuan dan kenderaan yang mendarat dari Labuan ke Menumbok, Sabah. Juga mohon mengkaji semula permit import eksport oleh MAQIS.

Satu lagi isu ialah isu tapak warisan di Pulau Labuan. Saya ingin menyentuh secara ringkas akan peranan Muzium dan Jabatan Warisan. Difahamkan kedua-duanya dipisahkan dengan portfolio dan peranan masing-masing. Bagaimanapun, di Labuan Jabatan Muzium memang tetap beroperasi tetapi tiada Jabatan Warisan bagi menjaga tapak warisan sejarah. Contoh, di Labuan terdapat terowong arang batu bekas peninggalan Jerman di Kampung Tanjung Kubong dan tempat ini nampaknya tidak diselenggarakan dengan baik. Maka oleh itu, amat kurang pelancong asing melawat tapak ini kerana kurangnya promosi. Hanya diharapkan kepada penduduk dan pemandu pelancong tempatan mempromosikan tapak ini. Juga terdapat beberapa *shipwreck* atau bangkai kapal yang tersadai yang boleh dijadikan tarikan pelancong tetapi juga tidak diselenggarakan dengan baik. Maka, saya mohon agar dipertimbangkan penubuhan Jabatan Warisan di Labuan bagi tujuan-tujuan tersebut di atas.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan RM386 juta untuk pastikan harga barang di Sabah, Sarawak dan Labuan lebih rendah dan seragam. Sebagai wakil Labuan, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan di atas kesungguhan untuk menyeragamkan harga barangan dan perkhidmatan antara Semenanjung, Sabah, Sarawak termasuk di kawasan Wilayah Persekutuan Labuan.

Saya yakin dana sebanyak RM386 juta untuk memastikan harga barang di Sabah, Sarawak dan Labuan lebih rendah dan seragam bakal menjadi kenyataan. Rakyat di kawasan ini bakal menikmati harga yang lebih rendah setara dengan rakan-rakan dari Semenanjung.

Jika dilihat, ada setengah barang-barang lain jauh lebih tinggi sehingga mencapai tahap 50 peratus dan dibandingkan dengan pendapatan pengguna di sini yang jauh lebih rendah berbanding Semenanjung Malaysia. Saya berharap dengan pengumuman bajet sebanyak RM386 juta ini, kementerian dan agensi terbabit akan membuat kajian dan mewujudkan satu mekanisme harga barang kawalan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan agar dapat menjadi panduan kepada pengguna di sini. Begitu juga kepada pihak media cetak dan elektronik sebagai penyampai agar dapat menyampaikan laporan yang menyeluruh seiring dengan slogan 1Malaysia yang sering dilaung-laungkan.

Saya juga ingin menyentuh mengenai projek kecil luar bandar di Labuan. Saya mohon agar disegerakan peruntukan kewangan bagi projek-projek kecil sebelum mendatangnya Pilihan Raya Ke-13 iaitu:

(i) permohonan untuk membina pusat komuniti kampung-kampung di Labuan;

(ii) pembaikan 10 surau di kampung-kampung;

(iii) keperluan kemudahan peralatan pembelajaran di mana kos keperluan adalah sebanyak RM4.2 juta di Institut Latihan Perindustrian untuk Subjek Kejuruteraan Minyak dan Gas peringkat asas;

(iv) pembinaan membaiki jalan simen kampung-kampung yang diperlukan sebanyak RM17.8 juta sepanjang lebih kurang 54 kilometer untuk sebanyak 27 buah kampung;

(v) membaik pulih atau menaik taraf balai raya;

(vi) menaik taraf dan menyelenggara 10 masjid di Wilayah Persekutuan Labuan; dan

(vii) peruntukan khas mangsa bencana alam atau bantuan kecemasan seperti tanah runtuh akibat angin ribut yang merosakkan rumah dan bangunan seperti rumah terbakar dan lain-lain keperluan kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Tuan Yang di-Pertua, mungkin dalam 10 minit, tidak sampai.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Lebih kurang 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh kurangkan dalam lima minit?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Ya, boleh, boleh, saya cuba. Di peringkat nasional pula iaitu peranan dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam pengurusan bencana. Dalam mensejahterakan kehidupan rakyat terutamanya golongan pendapatan rendah dan sederhana, saya memuji langkah kerajaan meluluskan beberapa inisiatif. Antaranya peruntukan Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KR1SMA) iaitu RM1.24 bilion untuk Program 1AZAM, enam Anjung Singgah akan ditubuhkan untuk gelandangan, Anjung Kasih di hospital kerajaan dan akan dibina untuk peneman pesakit bagi keluarga miskin.

Jadi saya ingin sentuh isu berkaitan Jabatan Kebajikan Masyarakat di antaranya ialah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyaluran bantuan dan pemulihan mangsa-mangsa bencana. Seperti yang terkandung dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai empat peranan dan tanggungjawab iaitu:

(i) menyedia dan menyelenggarakan pusat pemindahan;

(ii) membuat persediaan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan;

(iii) menjalankan pendaftaran ke atas mangsa untuk tujuan pemulihan semula mangsa bencana; dan

(iv) memberi bimbingan nasihat dan kaunseling kepada mangsa-mangsa.

Saya terpanggil untuk menyampaikan keluh kesah saya terima dari beberapa penerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika dahulu bantuan bulanan yang diterima penerima bantuan dibuat secara manual iaitu Pegawai Kebajikan Masyarakat akan turun ke kampung-kampung untuk memberi wang secara terus kepada penerima, tetapi saya mendapat aduan daripada penerima bahawa kebelakangan ini terdapat peraturan baru iaitu penerima perlu mempunyai akaun bank kerana pembayaran bantuan akan dilakukan melalui akuan terima pula selepas ini.

Saya ingin menyampaikan masalah pokok yang telah membelenggu penerima bantuan tersebut bagi beberapa bulan terakhir ini. Saya menerima aduan bahawa pembayaran duit bantuan agak lambat dan juga bertangguh-tangguh. Pengadu turut memaklumkan bahawa wang bantuan juga tidak dibayar untuk dua bulan yang tertangguh. Apa yang sebenarnya berlaku? Mengapa berlaku juga penangguhan bayaran bantuan tersebut sedangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa menerima geran peruntukan berkala daripada kerajaan? Ke mana hilangnya wang bantuan untuk penerima bagi bulan-bulan yang tertangguh itu?

Rakyat-rakyat bawahan amat memerlukan bantuan tersebut untuk meneruskan kehidupan bagi mendapat sesuap nasi. Sekiranya berlaku penganiayaan kepada golongan tersebut, saya mohon agar pihak berkenaan dapat mengambil maklum kepada masalah ini.

■1710

Satu isu yang pijak gambar dan tukar bendera. Saya terpanggil untuk menyentuh isu panas yang berlaku beberapa bulan lepas iaitu memijak gambar pemimpin kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menukar Jalur Gemilang menjadi Sang Saka Malaya yang amat tidak wajar dilakukan oleh rakyat Malaysia lebih-lebih lagi mereka yang beragama Islam. Islam tidak pernah mengajar umatnya melakukan sebegitu rupa. Sepatutnya kita menunjukkan kehebatan Islam melalui kelembutan bukan melalui kekerasan. Soalan saya, di sini saya ingin tahu apakah tindakan susulan mengikut undang-undang Malaysia dan juga bagaimana reaksi majikan serta pihak universiti tempat di mana pelaku tersebut bekerja? Adakah apa-apa tindakan tertib dan disiplin dikenakan?

Satu lagi saya ingin menyentuh mengenai penjawat awam yang menyokong pembangkang atau parti pembangkang. Dalam Bajet 2013 yang dibentangkan, saya tertarik dengan kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan konsolidasi fizikal dan mempercekap penyampaian perkhidmatan awam. Hasilnya beberapa inisiatif telah diberikan kepada penjawat awam antaranya pencen para pesara akan diselaraskan dengan minimum dinaikkan kepada RM820. Bonus penjawat awam setengah bulan gaji. Setengah bulan telah diberi, setengah bulan pada Disember dan setengah bulan pada Januari dan pesara dapat RM500 dan banyak insentif yang lain seperti bayaran proses pasport dikurangkan 50 peratus untuk warga emas dan kanak-kanak.... awam, bayaran insentif khas RM200 sebulan untuk ATM, elaun khidmat bertugas RM7.80 sejam anggota biasa, anggota simpanan dan anggota bersara diberi RM1,000 *one-off.*

Skim Perlindungan Insurans Berkelompok untuk tentera dan polis maksimum hingga RM19,000, Bahagian Pinjaman Perumahan akan disusun semula, bank komersial akan menguruskan pinjaman perumahan kerajaan, kerajaan bersetuju wang proses permohonan pinjaman perumahan penjawat awam dikenakan RM100.

Semua insentif ini akan didapati secara langsung oleh penjawat awam. Saya masih tidak faham sikap dan perangai sesetengah penjawat awam hari ini. Di sebalik majoriti penjawat awam yang menjalankan tanggungjawab dengan baik, jujur, integriti dan ikhlas, masih ada segelintir kecil yang selalu tidak bersyukur dengan pemberian kerajaan. Kakitangan awam yang benar-benar ikhlas menjalankan tugas, mereka ditindas secara emosi, mereka sentiasa terancam dan mempunyai kebarangkalian untuk dipulaukan.

Tidak dinaikkan pangkat, tidak menerima kenaikan gaji, kurang mendapat bonus bahkan bergaji serta berjawatan statik sekalipun tugas mereka yang lakukan menepati amanah yang mereka ikrarkan. Saya mencadangkan seharusnya ada badan pemantau yang menangani disiplin kakitangan awam berkenaan.

Satu isu lagi ialah e-Kasih. Saya berpandangan sistem ini sesuai bagi memastikan tidak berlaku keciciran terhadap pelajar yang layak menerima bantuan terutamanya di sekolah luar bandar di negara ini yang mana ibu bapa pelajar berpendapatan rendah, yang sememangnya layak menerima bantuan. Saya difahamkan Kementerian Pelajaran baru-baru ini telah mengeluarkan arahan kepada semua guru agar menggunakan senarai e-Kasih dalam menentukan pemilihan pelajar yang layak menerima bantuan RTMS ini. Jika sistem e-Kasih kita gunakan atau guna pakai dalam pemilihan tersebut, ia tentu menjejaskan bantuan yang telah disediakan sebelum ini di mana ianya perlu melakukan pemilihan semula yang sudah semestinya memakan masa sedangkan musim persekolahan sudah bermula dan sebelum ini melalui sistem yang diguna pakai iaitu SSM tidak menimbulkan sebarang masalah kepada guru dan pelajar yang layak menerima bantuan ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyentuh mengenai dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat? Banyakkah lagi?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Dua minit boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Berapa?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Dua.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, okeylah. Sila.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Saya ingin menyentuh mengenai dengan iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bertempat di Labuan. Jabatan Kebajikan Masyarakat ini nampaknya cukup selesa mempunyai pejabat empat tingkat tetapi kita ada masalah sedikit bahawa ini mengenai dengan orang-orang ataupun orang kita yang dipanggil gelandangan. Tidak ramai, mungkin saya kira tidak sampai sepuluh orang tetapi masalahnya ialah kadangkala di tempat kita, satu negeri atau pulau yang kecil tidak sampai 100,000 penduduk tetapi Jabatan Kebajikan, saya telah mengadakan perbincangan di antara Jabatan Kebajikan, polis dan Jabatan Kesihatan. Mereka berdolak-dalik bukan kata tiada undang-undang, bukan kuasa mereka dan sebagainya.

Saya pernah menulis kepada Menteri dan yang menjawab surat saya ialah cuma setiausaha politik. Saya memang tidak puas hati. Masih terdapat orang-orang sebegini yang menjatuhkan imej Pulau Labuan.

Pulau Labuan ialah satu pulau yang berkonsepkan bersih, indah dan ceria. Saya cadangkan supaya kalau ada kumpulan kecil senator kita ini melawat ke Labuan, saya alu-alukan. Kita melihat macam mana kita mentadbir urus pulau kita, begitu cantik bersih tetapi dengan adanya orang-orang yang kurang siuman ini yang tidak dapat dikawal oleh jabatan-jabatan berkenaan, jadi kita rasa malu. Kita rasa seolah-olah satu kawasan kecil, bilangan gelandangan yang juga kecil, kenapa tidak dapat diurus? Cadangan saya ialah lebih baik kalau sekiranya boleh, ganti sahajalah pengarah berkenaan. Ganti dengan orang yang layak duduk di sana. Saya rasa marah juga tetapi saya tidak rasa kasihanlah. Apa boleh buat kerana ini ternyata sudah berlarutan bertahun-tahun. Jadi kita sedih pelancong datang, inilah imej kita begini, tidak *compliment* langsung dengan izin, kepada pulau kita yang begitu cantik, indah dan ceria.

Jadi saya minta supaya jabatan berkenaan semestinya mengambil tindakan dengan tegas dan cepat sebelum menjadi satu bualan mulut yang disampaikan daripada satu orang kepada satu orang. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor. Yang Berhormat, tekan mikrofon itu.

5.18 ptg.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Semalam saya tolong dia tekan, hari ini dia tak tolong saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan ucapan Bajet 2013 tetapi sebelum itu saya mohon supaya dapat diberikan sedikit masa sebagai anak negeri Selangor, lahir di Bandar Diraja Klang untuk menjunjung kasih merafakkan sembah takzim ke bawah Duli Sultan Selangor di atas Hari Keputeraan Baginda pada hari ini. Saya rasa semua teman di Dewan yang mulia ini bersama-sama dengan saya mendoakan panjang umur kepada Duli Sultan, terus diberikan kekuatan untuk terus menerajui, mengepalai negeri Selangor yang penuh dengan cabaran dan sentiasa cekal dan komited seperti mana yang telah dilakukan sebelum ini.

Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kerajaan hari ini mampu menampilkan bajet yang cukup baik dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan mencabar. Dengan adanya pakar-pakar ekonomi Malaysia yang begitu cerdas dan disokong oleh sistem *monetary accommodative*, kita kekal menjadi salah satu negara membangun yang bergerak konsisten dan stabil. Pertumbuhan ekonomi 5.1 peratus pada separuh pertama 2012 menjadi bukti keberkesanan formula ekonomi Kerajaan Barisan Nasional dan kita jangka di bawah imej kepimpinan cemerlang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib, pelabur asing akan terus yakin untuk menapak di Malaysia sehingga ia memberi impak positif yang tinggi terhadap ekonomi kita.

■1720

Perlu juga diberi perhatian pertumbuhan-pertumbuhan positif ini juga merupakan sebuah hasil daripada pelan transformasi ekonomi yang antara lain mendorong sektor pembinaan untuk terus melonjak tinggi sebanyak 15.5 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun 2011. Lima teras utama yang menjadi fokus dalam Bajet 2013 yang memperuntukkan sejumlah RM250 bilion merupakan teras penting bagi memantapkan lagi ekonomi Malaysia, merangsang pelaburan, memperkasa sektor pendidikan dan latihan, meningkatkan budaya inovasi dan produktiviti serta mengkonsolidasikan fiskal dan mempercekap penyampaian perkhidmatan awam sebagai kunci teras kepada sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, jumlah mengurus negara menelan sebahagian besar daripada keseluruhan peruntukan bajet iaitu sebanyak 80.2 peratus bersamaan dengan hampir lebih RM200 bilion dan ini mewujudkan sedikit kebimbangan kepada kita kerana jumlahnya besar. Maka saya sarankan kepada Kementerian Kewangan supaya dilakukan kajian perbandingan yang jelas, yang spesifik, membandingkan dengan negara-negara maju yang lain ataupun negara-negara yang sebelum maju. Yang saya percaya pastinya melalui trend yang sama seperti Malaysia yang melangkah masuk dalam era negara maju yang memang menelan belanja besar dalam pengurusannya.

Kita juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atas kejayaan mengutip RM110 bilion pada tahun ini dan dijangkakan akan lebih besar pada tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika diteliti satu per satu fokus yang menjadi teras kepada Bajet 2013, ia sebenarnya mencakupi seluruh lapisan masyarakat yang ada di Malaysia. Sebagai contoh dalam meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan sederhana dan peniaga kecil, kerajaan memperkenalkan program *business in transformation* yang antara lain merupakan pelan memodenkan perniagaan mereka untuk berdaya saing tinggi.

Selain bimbingan khidmat nasihat, program ini juga menyediakan kemudahan pelaburan yang relatif, mudah didapati sehingga RM500,000. Kepada golongan berpendapatan rendah, nelayan dan petani, mendapat manfaat apabila mereka di isytihar bakal menerima elaun khas oleh kerajaan sebanyak RM200 pada setiap bulan. Ini belum menyentuh tentang inisiatif pemberian subsidi terhadap hasil tangkapan dan hasil tani mereka yang bertujuan mengelakkan golongan ini daripada tertinggal.

Skim perlindungan insurans dengan lindungan maksimum sehingga RM100,000 turut diperkenalkan untuk golongan ini.

Atas komitmen tinggi Kerajaan Barisan Nasional untuk membasmi kemiskinan, penambahan RM41 juta untuk Projek AZAM Tani bagi latihan golongan berpendapatan rendah ini untuk belajar memanfaatkan pelbagai peluang kerajaan dengan harapan mereka dapat keluar dari garis kemiskinan dengan purata pendapatan RM200 hingga RM2,000 sebulan.

Golongan mahasiswa juga tidak ketinggalan selain pemberian baucar buku yang jumlahnya ditingkatkan lagi kali ini sebanyak RM250. Mahasiswa yang secara konsisten membayar hutang PTPTN juga mendapat manfaat apabila kerajaan mengumumkan pemberian diskaun sehingga 20 peratus kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini melambangkan dan membuktikan hakikat bahawa kita sebuah negara yang berjaya. Tidak ada negara yang gagal, *a failure state* yang mampu untuk menampilkan bajet yang sebegini hebat. Hebatnya bajet ini memberi manfaat kepada rakyat sehingga diiktiraf oleh kelompok yang tentunya tidak bersetuju. Dato' Ketua Kelab Senator kita beberapa hari lalu sebut, hari ini Senator Senior kita, Dato' Dr. Firdaus juga sebut tentang bagaimana mereka mengakui hakikat bahawa ini bajet pilihan raya dan mereka terpaksa mengakui hakikat ini bajet pilihan raya berkali-kali.

Jadi maknanya pilihan raya kena buat setiap tahun. Kalau ikut pembangkanglah. Akan tetapi tidak berlaku juga. Sebab apa dia kata ini bajet pilihan raya? Sebab ia memberi manfaat. Kalau bajet itu tidak memberi manfaat kepada rakyat, dia tidak akan sebut ini bajet pilihan raya. Jadi ini bukti jelas dan ini melambangkan kejayaan kita menguruskan. Tentunya kita bersyukur ke hadrat Allah SWT yang memberi rezeki kepada kita dan sebagainya. Akan tetapi hakikatnya negara ini bertuah kerana dipimpin daripada pengasas-pengasas negara hingga ke hari ini oleh pemimpin-pemimpin yang berjiwa besar yang mampu untuk menjayakan negara kita dengan tema dan konsep tradisi membela rakyat daripada mula Perikatan hingga ke Barisan Nasional.

Kita terus mekar, maju dan berjaya. Saya tekankan perkara ini dan saya minta Dewan yang mulia ini menekankan dan menegaskan bahawa ini negara yang berjaya. Ini bajet sebuah negara yang berjaya. Kerana apa? Kerana akhir-akhir ini banyak di kalangan kita yang berada di Dewan yang mulia ini, bukan Dewan yang sebelah tetapi Dewan yang sama sekarang ini yang menyatakan bahawa ini negara yang gagal. *Round* satu Malaysia, luar Malaysia kata ini negara *corrupt.* Negara bankrap. Hina. Kita boleh terima kritikan. Tidak ada masalah untuk kita kritik. *No problem* walaupun dia...

Tuan Khoo Soo Seang: Mohon mencelah.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Ya, silakan.

Tuan Khoo Soo Seang: Mengikut satu kajian di Singapura baru-baru ini, 58 peratus daripada rakyat Singapura kalau diberikan pilihan, mereka akan mengisytiharkan keluar dan negara yang mereka pilih adalah negara Malaysia. Apakah sebabnya? *[Tepuk]*

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Sebabnya adalah kejayaan. Kejayaan kita yang jelas. Kita berjaya bukan sekadar dalam sektor ekonomi, *materialism*. Kita berjaya dari sudut mengekalkan perpaduan, membina perpaduan di kalangan kita. Rumah terbuka, *open houses* di Malaysia ini, semua perayaan tidak pernah dapat digambarkan dan dilaksanakan oleh mana-mana negara lain di dunia ini. Akan tetapi ada di kalangan kita yang pergi ke negara luar dan hentam negara sendiri. Ada yang kata sampai ke sebuah negara jiran dan mengatakan, *"Saya merasa kecil berada di negara tuan-tuan*." Macam itu. Ini kerana...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Baru hendak masuk *gear*. Tidak apalah bagi *chance... [Ketawa]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Siapa dia? Boleh huraikan? Boleh huraikan panjang lebar? Tidak tahu.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Itu kawan sebelah sayalah. Kawan Datuk Nalla itu. Akan tetapi kawan-kawan juga. Akan tetapi dia pergi ke negara lain sebagai sifat sebagai Ketua Pembangkang. Negara-negara lain lihat dia sebagai Ketua Pembangkang. Ini bukan soal individu. Ini soal institusi. Kita negara demokrasi.

Kita kata kita laungkan soal demokrasi. Soal demokrasi itu ada menang ada kalah. Soal demokrasi itu ada jadi Perdana Menteri dan ada jadi Ketua Pembangkang.

Jadi yang jadi Perdana Menteri terus jadi Perdana Menteri dan yang jadi Ketua Pembangkang harus terus jadi Ketua Pembangkang. Jangan perasan jadi Perdana Menteri pula. Ini masalah. Pergi negara luar, dia tidak bercakap seperti Ketua Pembangkang yang bertanggungjawab. Adakah dia kata, *"Saya merasa kecil kerana negara tuan-tuan jauh lebih hebat daripada negara saya",* padahal negara itu yang menghantar rakyatnya pergi makan gaji di tempat kita. Mana masuk akal?

Kalau negara itu lebih baik, kita pergi negara itu untuk mencari rezeki. Ini semuanya berlaku disebabkan apa? Keghairahan untuk menjadi Perdana Menteri. Untuk mendapatkan kuasa dan ia memberi kesan kepada negara ini secara keseluruhannya.

Sebab itu bajet yang sebegini baik cuba dipadam dan dikaburkan dan ia memberi impak kepada kelompok-kelompok pelabur yang mahu melabur secara lebih serius dan besar kepada negara kita. Sebab itu saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini dan mengajak rakan-rakan, semua pihak untuk bersama-sama kita menegaskan ini sebuah negara yang berjaya. Kita bersyukur ke hadrat Allah SWT. Ini sebuah negara yang berjaya. Kita berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kepimpinan. Saya tidak kata sempurna. Ada masalah. Ini yang kita bangun seorang demi seorang. Kita ada kritik tetapi dalam masa yang sama kita tidak hina, dalam masa yang sama kita mengiktiraf ia sebagai sebuah negara yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan. Terima kasih. Nampaknya popularlah ucapan Yang Berhormat Tuan Ezam ini. Akan tetapi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Baru sahaja saya baca *The Economist* yang keluar *current* sekarang ini. Katanya dengan izin*, "The ruling Barisan Nasional coalition will regain control after election in 2013"*. Itu perkataan *The Economist... [Tepuk]* Apa komen Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Kebetulan saya memang melanggan *The Economist* semenjak saya di bangku sekolah.

■1730

Sebuah akhbar yang cukup berpengaruh, sebuah akhbar yang amat bertanggungjawab dengan laporan yang mereka lakukan dan tentunya kenyataan yang dikeluarkan oleh *The Economist* itu merupakan satu pengiktirafan lagi kepada negara kita. Jadi yang saya minta kita bersikap objektif. Ada masa kita main politik, ada masa kita boleh berdebat politik tapi soal ekonomi, soal membina negara, soal bersama-sama dengan pimpinan untuk menghadapi cabaran masa depan negara, ekonomi negara, ekonomi rantau ini seharusnya kita bersama dan bersikap objektif.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kisah kejayaan kita bagaimana di *Mindanao*, bangsa Moro, dua bangsa yang berperang puluh tahun, bergaduh. Kita bergaduh jugalah tapi tidak adalah sampai perang besar. Moga-moga tidak adalah sampai macam itu, *insya-Allah* kita doa tapi ini betul-betul perang, bunuh beribu puluh tahun bercakar, tidak boleh berdamai, macam-macam usaha sudah dibuat tidak boleh berdamai. Akan tetapi baru-baru ini mereka boleh damai dan mereka membuat keputusan baik yang Islam ataupun juga yang Kristian, baik yang di Kota Batu, *Mindanao* ataupun yang di Manila semua mereka membuat keputusan untuk memilih negara ini, Malaysia menjadi orang tengah dalam mendamaikan mereka.

Ini bukti kejayaan yang dipanggil berucap, tentu Presiden Filipina adalah, memang sedia ada tetapi Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang dipanggil berucap dan ini membuktikan kejayaan. Saya sendiri terlibat jugalah dalam pengisian damai selepas mereka tandatangan itu dan saya terkejut melihat bagaimana sikap hormat mereka kepada negara ini, kepercayaan mereka luar biasa, ada banyak kelompok yang datang daripada banyak negaralah. Saya tak nak sebutlah, nanti mereka kecil hati tapi daripada benua Eropah pun ada. Bukan setakat Asia saja yang datang, yang lebih maju daripada Malaysia yang datang *offer*, yang datang mahu membantu kelompok, golongan Bangsamoro dan *Mindanao,* hendak buat perlembagaan contohnya dan sebagainya.

Akan tetapi mereka kata ya boleh tetapi dengan syarat kita mahu ada wakil Malaysia. Ini kejayaan Malaysia dan tentunya kejayaan ini datang dengan harga. Apa harganya? Harganya ialah rasa cemburu, rasa kebencian pun ada di kalangan mereka, kuasa-kuasa besar, negara-negara yang lebih besar yang selama ini bersikap mendominasi, kontrol, *imperialism*, mereka saja yang betul, mahu jadi *the sheriff of the world*, mereka saja mata-mata, mereka saja yang betul dan tentunya mereka terpukul apabila ada negara seperti Malaysia yang kecil dan sederhana ini tiba-tiba diberikan pengiktirafan untuk menjadi orang tengah dan mendamaikan.

Oleh sebab itu, mereka tidak boleh duduk diam. Ada rancangan-rancangan untuk cuba menggagalkan, yang di *Mindanao* itu satu hal lah tetapi yang menggagalkan di Malaysia ini. Kita ini berjaya mendamaikan negara kita dan hari ini berjaya mendamaikan negara orang dan ada yang tidak suka. Oleh sebab itu akhir-akhir ini kita dengar ada tangan-tangan asing yang mula bermain dalam negara kita, menggunakan tali barut-tali barut, pengkhianat-pengkhianat dalam negara. Kita dipaparkan dengan bagaimana SUARAM yang kononnya satu NGO. Bukan NGO pun, tidak ada *legal* entiti sebagai NGO pun tetapi disalurkan dana berjuta-juta ringgit dalam tempoh dua tiga tahun ini dan apa kerja mereka yang menggodam dan merosakkan imej kerajaan dalam negara, luar negara. Untuk apa? Untuk menjadi tali barut dan alat dan perkakas kepada kelompok-kelompok yang selama ini, yang sekarang ini merasa terpukul dengan kehebatan dan kejayaan Malaysia dalam memimpin bukan sekadar negara kita dan rantau ini.

Jadi ini yang kita kena serius. Tidak ada maknanya kita berjaya, ada Perdana Menteri yang berjiwa besar sekiranya kita yang lain tidak ikut sama berjiwa besar dan faham tentang cabaran, *Open Society Institute, George Soros*. Soros ini kita pun sudah tahu, Malaysia tahu, spekulator mata wang untuk untung saja dan dendam kesumatnya kepada Malaysia semasa krisis ekonomi 1997, 1998 tidak selesai. George Soros, dia punya *Open Society Institute* baru-baru ini ditampilkan dengan bukti, tidak ada penafian *Malaysiakini* menerima sumbangan dana daripada OSI ini.

Dana banyak, bukan sekadar dana, diletak pula wakil George Soros ini duduk dalam *Board of Director Malaysiakini* dan kita tengok- saya bukan anti asing, kita bukan anti dana asing, kita tidak ada dengan dana asing. Kita perlu dana asing, kita memang ada strategi-strategi tertentu untuk dapatkan pelabur asing, dana asing dan tidak ada masalah dengan orang asing pun tetapi kita ada masalah dengan elemen-elemen asing yang masuk dalam negara kita dan mempunyai agenda jahat untuk merosakkan negara. Ini kita ada masalah dan kita juga punya lebih banyak masalah, lebih besar masalah dengan tali barut-tali barut orang Malaysia sendiri yang sanggup jadi perkakas dan alat kepada elemen-elemen jahat dan ini bukti!

Saya bukan cakap rambang, saya boleh cakap dalam Dewan, saya boleh cakap di luar dan saya pernah cakap pun di luar. Mereka boleh saman saya *anytime*. Ini secara serius, bagaimana duit dimasukkan dalam *Malaysiakini* dan kita tengok apa agenda *Malaysiakini.* Apakah *Malaysiakini* beritanya untuk membina negara? Apakah *Malaysiakini* beritanya untuk memperkuatkan perpaduan di daham negara kita? Apakah agenda *Malaysiakini* untuk terus memperkukuhkan fahaman di kalangan kita? Tidak. Cuba kita tengok analisa *Malaysiakini*, dilanyaknya satu persatu. Merosakkan institusi-institusi asas negara, polis tidak betul. Sehari dua ini kita tengoklah dilagakan ketua polis sekarang dengan ketua yang dulu. Siapa yang paling banyak buat berita?... *Malaysiakini*.

Tentang polis, ketenteraan. Cerita tentang kapal selam dan sebagainya tidak betul pun. Belum pun di*verify*kan secara betul, sebagai benar diuar-uarkan. Itu soal keselamatan. Ketenteraan diranapkan, perlembagaan, *social contract* dan sebagainya diadu domba. Agama diserang, institusi agama? Ulama itu dihina, nabi itu pun dihina dalam *Malaysiakini.* Oh, mereka kononnya bertopeng, ini respons.

Ini bukan kami, ini respons daripada pembaca tapi mereka boleh kawal, mengapa mereka biarkan ulama dipanggil anjing? Institusi ulama, institusi agama. Soal cuba mengapi-apikan antara orang Islam dan orang Kristian, soal Injil dan sebagainya. Sultan, jangan cakaplah. Sultan saya sendiri yang hari ini hari keputeraan pun kena dengan *Malaysiakini.* Saya masih ingat saya bawa pun laporan polis, saya pernah buat *report* polis dan mereka berselindung di belakang apa? Oh, ini pembaca-pembaca, ini bukan kami. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Apabila Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam menyebut tentang keleluasaan *Malaysiakini* menggunakan alasan kebebasan akhbar maya seperti itu, saya melihat seakan-akan kita sudah mulai masuk ke dalam hukum rimba, di mana apa saja yang hendak cakap boleh cakap dan kalau ini berterusan, kalau perangai dan sifat dan perbuatan kewartawanan maya yang dibuat oleh, yang dilakukan oleh *Malaysiakini* itu berterusan, apakah agaknya yang akan terjadi daripada pandangan Yang Berhormat, apa yang patut kita lakukan untuk memastikan bahawa sikap, perbuatan hukum rimba *law of the jungle* yang dibuat oleh *Malaysiakini* itu tidak berterusan? Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Dato' Dr. Firdaus. Dia boleh baca saya punya fikiran. Tidak tahulah kalau dia boleh baca skrip saya pula. Saya memang hendak sentuh yang itu. Ya ini yang saya sebutkan. Kita diserang hebat. OSI kepunyaan Soros ini punya banyak pilihan untuk masukkan duit mereka di negara lain tetapi mengapa mereka masuk ke Malaysia? Bukan ada *Malaysiakini* saja, macam-macam kini ada satu dunia akan tetapi dimasukkan ke *Malaysiakini*, sebab apa? Sebab saya sebutkan tadi sebab kita sebuah negara yang berjaya. Kalau kita tidak berjaya, orang tidak hairan dengan negara ini.

Kita sebuah negara yang berjaya, satu. Kedua kita dengan kejayaan kita, kekuatan yang ada pada kepimpinan kita, kita boleh mempertahankan sikap kita untuk tidak pro mana-mana melainkan pro keamanan. Oleh sebab itu Selat Melaka yang menjadi satu selat yang cukup strategik dalam dunia ini yang menjadi rebutan antara kuasa barat dan timur, kita pertahankan. Inilah negaranya, tidak ada negara lain yang mampu untuk mempertahankan kedaulatan dan keamanan Selat Melaka itu melainkan Malaysia.

■1740

Ada negara-negara jiran yang lain, yang selama ini mempertahankan juga tetapi semakin lama semakin goyah. Saya tidak hendak sebutlah. Ada negara yang lebih besar daripada Malaysia selama ini mempertahankan. Akan tetapi akhir-akhirnya tidak boleh. Sebab dia pun kena bayar hutang IMF. Dia terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa besar Barat. Kita bukan hendak kata kita pro Barat atau pro Timur walaupun China itu sepatutnya di Asia dan seharusnya kita pro China yang cukup ditakuti oleh banyak kuasa-kuasa besar.

Akan tetapi kita bukan kata kita pro China atau pro Timur, kita pro keamanan. Sebab itu kita menegaskan sikap kita untuk tidak membenarkan mana-mana kelompok yang mempunyai kepentingan selain daripada yang kita ini, untuk meletakkan bala tentera mereka di Selat Melaka. Ini kita pertahankan. Sebab apa kita boleh pertahankan, sebab kita kuat. Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kuat, sebab ekonomi kita hebat. Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mempunyai sokongan majoriti besar.

Akan tetapi bayangkan kalau dengan kerja-kerja *MalaysiaKini,* kerja-kerja tali barut sebahagian ahli-ahli politik pun yang *desprado* dan gila sangat hendak jadi Perdana Menteri, yang sanggup jual dan gadai maruah. Bayangkan apa akan berlaku sekiranya kita lemah dan ini matlamat mereka. Sebab itu saya sebutkan di sini seperti Dato' Dr. Firdaus sebut. Pertamanya, kita kena faham sebagai rakyat. Keduanya, bukan sekadar Perdana Menteri tetapi seluruh jentera kerajaan kena faham.

Kita menguruskan sebuah negara yang berjaya, yang dicemburui, yang ada agenda besar untuk meruntuh dan merosakkan. Jangan ingat mustahil bagi negara ini runtuh. Kita tengok apa yang berlaku pada Iraq. Apakah Iraq dari dahulu sampai sekarang negara yang gagah? Iraq negara besar tetapi hari ini gagal. Banyak negara lain, maknanya Malaysia dan Pakistan contohnya, juga negara yang hebat. Zaman Benazir Bhutto dan yang lain-lain, hebat Pakistan.

Akan tetapi apa yang terjadi kepada Pakistan sekarang? Malaysia juga boleh pergi ke arah itu sekiranya kita tidak bersama-sama dengan Perdana Menteri untuk menjadi negara yang berjaya. Sebab itu balik kepada persoalan Dato' Dr. Firdaus, kita semua, jentera-jentera kerajaan, harus tukar sikap. Lebih tegas, lebih serius, pantau betul-betul, hutan rimba kah, rimba cyber kah, kena pantau. Ini bukan soal politik.

Kita bukan kata hendak pantau, sokong Barisan Nasional bagi lebih, sokong Pembangkang bagi kurang. Tidak. Ini soal negara, ini persoalan kedaulatan negara. Ini soal kejayaan negara dan kejayaan negara ini bukan kejayaan yang dikecapi dan dinikmati oleh orang Barisan Nasional sahaja. Ini kerajaan yang adil. Tidak ada bukti.

Kalau boleh tunjukkan bukti apa bukti kita mengagih-agihkan hanya kerana mengikut kecenderungan politik, tidak. Jadi, sebab itu Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan, saya tekankan...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Saya tadi tertarik hati apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam tadi menyentuh mengenai dengan ulama dihina. Ada rakan kita yang memperjuangkan Islam. Saya hendak tanya kepada mereka, kenapa bab ini diam diri, tidak bersuara? Orang kata perjuangkan Islam, kamu perjuangkanlah. Kalau ulama dihina, kenapa dia berdiam diri? Itu saya hendak tanya Yang Berhormat?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah saya sarankan. Sahabat yang daripada parti lain pun dahulu saya kawan juga, saya faham. Ada juga yang masih mempunyai *conscience*, ada yang bagi tahu saya juga, mereka juga tidak bersetuju. Akan tetapi persoalannya ialah kita harus membezakan, soal politik, dengan soal negara dan soal agama. Khususnya, disebut tadi, ulama dihina. Apabila sampai soal ulama dihina, kita kena bersatu. Baru-baru ini ada filem yang menghina Nabi, kita bersatu. Yang itu nampaklah bersatu, demonstrasi Pemuda PAS pun buat, Pemuda UMNO pun buat. Akan tetapi yang saya bimbang, banyak agenda yang kita tidak nampak. Agenda yang jelas itu, kita nampak dan kita bangkit. Akan tetapi banyak agenda dan kelompok-kelompok ini luar biasa, hebat ini. OSI, NED, IRI, macam-macam lagilah. Hendak sebut sampai esok pun tidak habis. Semua ini, mereka punya ruang lingkup dan strategik yang cukup hebat.

Mereka menampilkan kalangan kita sendiri. Sebab itu kita kadang-kadang terasa terkejut ada di kalangan kita yang selama ini mempertahankan sikap yang cukup jelas, yang mempertahankan negara dan agama khususnya. Tiba-tiba beralih arah menghina Nabi, menghina ulama itu. Mufti Perak, Tan Sri Harussani Haji Zakaria Khamis, dipanggil 'anjing' dalam Portal News. Selama 10 tahun dahulu, lima tahun dahulu, kita tidak lihat perkara itu berlaku. Ini semuanya berlaku dirancang, terencana. Ia bukan satu perkara yang datang secara tiba-tiba, tidak. Saya tampilkan satu buku yang dibuat oleh seorang tokoh mereka, Gene Sharp. Profesor di *Albert Einstein Institution, From Dictatorship to Democracy: Conceptual Framework for Liberation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok betul-betul modul dia, ada 138 cara.

Saya pun dahulu sempat juga di*train* sekejap. Mereka tidak sampailah ke sini sebab mereka ambil masa yang panjang, 10 tahun. Masa saya dahulu, 1999-2000. Saya dibawa ke beberapa negara mereka dan pada masa itu, *'You must fight*, *you* kena berlawan untuk jadikan negara ini negara yang betul-betul bebas, yang bersih pilihan raya', 10 tahun dahulu dia sebut tetapi natijahnya kita nampak sekarang. Sebab apa?

Oleh sebab ini terancang dan dalam modul Gene Sharp ini, ia secara terancang. Ada 138 cara *non-violent* untuk meruntuhkan pemerintahan, untuk menjatuhkan pemerintah. Saya boleh beri salinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pasal ini penting dan bagaimana- sama macam mana 20-30 negara yang telah dijatuhkan dalam tempoh 10 tahun ini, caranya sampai ke Malaysia ini, sama sahaja. Simbolnya, kena ada simbol, ada simbol. Kena ada *color*, ada warna. Cara dia macam mana? *Free education*. Mengenai *free education* ini, 10 tahun dahulu sudah ada pun *banner* di negara-negara lain yang sudah terkubur, yang sudah ranap. Sudah ada *movement*.

Dia kata untuk mendapatkan sokongan anak-anak muda, caranya ialah untuk *capture the imagination,* untuk dapatkan imaginasi mereka untuk mendapat *free education,* pendidikan percuma. Tiba-tiba, ada kita punya geng sini, PTPTN tidak perlu, ini semua tidak betul. Saya Perdana Menteri, esok kita hapuskan. Padahal dia Menteri Kewangan dahulu, dia lulus. Sebab apa, sebab ikut *module* Gene Sharp. Dia ikut modul itu. Ini terancang dan sebab itulah seperti yang disebut Dato' Dr. Firdaus, saya mengajak ini. Kita harus serius, jentera-jentera kerajaan, jangan main-main.

Kadang-kadang saya hendak tanya, ini saya hendak tanya betul-betul. SKMM mana pergi? Yang patut jaga multimedia, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia. Mana pergi laporan? Ada berpuluh laporan terhadap *MalaysiaKini* yang berselindung di sebalik- saya tidak habis Dato' Dr. Firdaus mencelah tadi.

Tentang berselindung di sebalik respons daripada kononnya pembaca-pembaca. Siapa pembaca-pembaca itu? Mengapa SKMM tidak siasat? Saya sudah bagi tahu, suruh siasat, mengapa tidak siasat. Saya boleh bantu. Ini kerana saya dahulu sebelah sana.

Saya tahu dia. Yang jadi pembaca ini bukan duduk Malaysia pun. Asing jugalah ini tetapi orang Malaysia duduk negara asing. Ini ramai pembaca yang bagi komen, yang ranapkan negara, hina, langsung tidak ada rasa sayang kepada negara. Mana mereka hendak sayang, mereka sudah berambus. Mereka sudah tinggalkan negara kita. Mereka berdendam dengan negara kita walaupun nama orang Malaysia. Apabila tang mengundi, hendak jadi pengundi tetapi langsung tidak ada tanggungjawab. Mereka inilah yang merupakan majoriti kelompok terbesar yang buat komen-komen yang menghina negara. Saya cabar SKMM untuk siasat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hanya hendak minta pengukuhan daripada pandangan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bagi tadi. Saya ingin minta kefahaman yang lebih jelas. Adakah Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam mengatakan bahawa banyak laporan terhadap *MalaysiaKini* tidak diambil tindakan. Itu maksud saudara? Kalau itu, saya ingin berkongsi bertanya perkara yang sama dan saya harap dalam masa penggulungan nanti ini akan mendapat jawapan yang tuntas. Saya ingin menekankan, memperkukuh kemusykilan dan keprihatinan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam. Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus atas pengukuhan dan sokongan. Betul, benar yang saya maksudkan itu. Yang saya maksudkan tidak ada tindakan, yang jelas, yang tuntas, yang serius, yang tegas, yang menyebabkan orang lain tidak berani buat.

■1750

Ini jawapan *mereka "Oh! tidak ada peruntukan undang-undang, di luar ruang lingkup kita".* Dia pergi tendang pula kepada kementerian lain. Manakala, yang kementerian lain pula kata kita pun tidak ada. Jadi hendak jadi apa? Hendak jadi apa? Kalau kita yang pegang jawatan penting dalam kerajaan tidak bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjaga negara ini. Tidak akan semua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak kena selesai? Kalau betul tidak ada peruntukan undang-undang *you* cari jalan. Pihak kementerian ada pakar-pakar. Tidak cukup pakar dalam negara cari luar negara. Ada negara-negara lain yang hebat yang hadapi masalah yang sama, cari mereka. Perlu bajet, datang Dewan Negara kita boleh luluskan... *[Tepuk]*

Akan tetapi kerja, yang kita mahu kerja, komitmen, serius. Ada rasa tanggungjawab. Jangan habis sahaja pukul lima pulang. Saya tidak kata semualah tetapi hakikatnya dengan apa yang berlaku hari ini, itu yang berlaku. Itu hakikatnya. Tidak ada rasa bimbang. Macam kes SUARAM. Saya hendak cakap terus terang, yang kita dapat ini dengan *transaction* masuk. Tidak lama lagi kita akan keluarkan juga bukti-bukti *cheque* akaun yang kita dapat. Ini bukan daripada Bank Negara. Sepatutnya Bank Negara yang tahu dahulu. Ini kita dapat daripada orang SUARAM sendiri yang dia pun ada *concern* dia pun rasa tidak tahan dia tampilkan bukti. Jadi mana Bank Negara? Kita bukan hendak anti tapi saya hendak bersama-sama. Kita kena faham, kita kena bantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita kena bantu dia dan bantu dia bukan untuk dia. Kita bantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kita, untuk negara kita. Ini yang ingin saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kejayaan ini juga seharusnya melahirkan jiwa-jiwa besar di kalangan kita. Jadi kita mahu supaya rakyat negara kita juga bersikap serantau dan sejagat. Sudah ada tanda-tanda itu. Banyak NGO yang ke Palestin, yang bersikap serantaunya.

Jadi saya sarankan supaya Kementerian Luar Negeri mencari jalan untuk memperhebatkan dan memperkasakan mereka. Perlu diwujudkan tabung-tabung. Kalau perlu wujudkan tabung-tabung khas untuk NGO-NGO yang bersikap serantau dan sejagat ini. Beri pengiktirafan kepada mereka. Memang ada anugerah dan pengiktirafan ada sebelum ini tapi harus dipertingkatkan. Mengapa? Ini kerana kita sudah bersikap serantau. Rantau ini sudah menghormati Malaysia. Suara kita dihormati seantero dunia. Kita dilihat sebagai negara yang bersifat sejagat sebab itu tidak cukup dengan *G-to-G* iaitu *government-to-government,* dengan izin.

Jadi saya cadangkan Kementerian Luar Negeri bantu *P-to-P* atau *people-to-people* ini. NGO ini dibantu, wujudkan dana khusus untuk memastikan yang NGO-NGO yang sejagat dan serantau ini lebih perkasa, lebih kuat dan berjaya. Apatah lagi ini juga salah satu cara yang proaktif. Kalau tadi SKMM itu kita kata kita minta mereka defensif tapi *alert defensive*. Akan tetapi yang ini proaktif.

Maknanya kita wujudkan NGO-NGO kita sendiri, kita ada *foundations* kita sendiri yang masuk ke negara orang tetapi bukan dengan niat yang ada di kalangan NGO-NGO yang luar ini yang masuk ke negara kita untuk meruntuhkan kepimpinan negara kita. Kita masuk negara orang hormat kepimpinan mereka untuk bekerjasama, bawa misi damai. Kelompok-kelompok tangan asing yang masuk ke negara kita hari ini masuk ke negara kita bukan bawa misi damai tapi misi perang. Tidak cukup satu demo, dua demo. Tidak cukup yang satu masuk, yang nombor dua. Tidak cukup 1.0 suruh buat 2.0. Itu hendak tambah lagi 3.0.

Ini bukan misi damai, ini misi perang. Ini misi kucar-kacir, ini misi huru-hara. Kalau kita perkasakan NGO-NGO kita, ormas-ormas (organisasi masyarakat) kita, kita perkasakan supaya mereka masuk ke negara orang, kita pergi Mindanao sekarang kita bantu dengan misi damai. Perhebatkan, wujudkan kerjasama di kalangan kita. Kita punya rekod yang hebat di kalangan membina di antara orang Islam dan bukan Islam. Islam dan Kristian khususnya dalam konteks Mindanao. Kita tampilkan kepada mereka supaya mereka juga belajar bagaimana kita dapat mendamaikan. Ini seharusnya menjadi salah satu daripada agenda Kementerian Luar Negeri ataupun terus di bawah Jabatan Perdana Menteri itu sendiri untuk memperhebatkan dan kita harus tukar *paradigm* daripada negara *receiver* (penerima), kita sekarang negara penyumbang dan inilah yang kita harapkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang dekat di hati saya yang tentunya saya ingin sedikit katakan ialah tentang rasuah. *Corruption Perceptions Index* daripada tangga ke-60 ke tangga ke-54 yang dikeluarkan oleh *Transparency International* minggu ini. Ini satu kejayaan dan syabas saya ucapkan kepada SPRM, badan-badan terbabit, kerajaan dan sebagainya dan dinyatakan secara jelas oleh *Transparency International* bahawa pembaikan ini, ranking yang lebih baik ini disebabkan oleh langkah transformasi kerajaan, NKRA dan sebagainya yang mengubah persepsi.

Akan tetapi kita tidak boleh berpuas hati. Masih banyak yang perlu kita lakukan dan seperti yang saya sebutkan tadi kita sudah jadi negara maju, negara yang berjaya. Maka seharusnya lonjakan itu lebih kuat. Jangan sekadar 54, kalau boleh sampai 24. Apa salahnya kalau boleh dan kita pernah sampai ke tangga 26 sebelum ini. Jadi tidak ada sebab kita tidak boleh sampai ke tangga yang jauh lebih baik. Saya sebutkan ini bukan kerana ingin mengatakan SPRM tidak buat kerja. Saya akui saya dahulu pernah menganggotai gerakan anti korupsi NGO. Banyak *dealing* dengan SPRM, dahulu BPR.

Saya dapat lihat perbezaan yang cukup ketara, komitmen yang luar biasa, kesungguhan mereka. Kebetulan pula hari ini Ketua Pesuruhjaya SPRM sebut jangan hina SPRM. Jadi saya pun bersetuju kita jangan hina. Apatah lagi SPRM yang hari ini memang cukup komited, bersungguh-sungguh, kerja kuat, lakukan macam-macam tetapi saya rasa tidak cukup mereka saya rasa harus lebih kreatif, harus lebih inovatif. Cari jalan. Akta Rasuah ini memang susah untuk sabitkan orang bersalah. Ini saya fahamlah sebab saya dahulu dalam NGO anti rasuah ini. Tidak mudah. Hendak sebutkan *the burden of proof is very high*, terlalu tinggi. Siasatan itu hendak bawa kepada pendakwaan itu pun banyak yang gagal. Bawa kepada pendakwaan, banyak yang kalah dalam mahkamah dan perbicaraan.

Jadi cari jalan lain. Jangan tertumpu kepada Akta Rasuah. Cari akta-akta lain. Pelbagaikan. Kalau perlu wujudkan yang baru wujudkan tapi pada hemat saya yang ada ini pun Akta Cukai Pendapatan contohnya itu lebih mudah untuk sabitkan hukuman...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Isu rasuah ini dipakai sebagai *weapon,* dengan izin, oleh pembangkang dan memang isu rasuah ini wujud sampai tahap bila kita kata Malaysia sangat baik, sebuah negara yang indah, baik, ekonomi semua baik tetapi *counter statement* dengan izin, ialah Malaysia memang baik kalau tanpa rasuah lagi baik. Inilah saya hendak dapatkan pandangan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat. Memang rasuah adalah isu penting. Saya sering nyatakan saya teringat masa dahulu saya pernah ditahan di bawah akta kerana lawan rasuah bukan kerana makan rasuah. Saya masuk penjara lawan rasuah di bawah Akta Rahsia Rasmi. Jadi saya baca novel. Salah satu novel tentang rasuah novel Profesor Hamka. Tuan *director* menceritakan kisah rasuah dan bagi orang Islam dia sebut tentang hadis Riwayat Tarmizi menyebut *"Bahawa dugaan bagi umatku ialah harta, rasuah".*

Jadi poin saya rasuah ini bukan masalah UMNO, Barisan Nasional, MCA, MIC. Ianya masalah generasi. Kalau ikut hadis Riwayat Tarmizi itu ini masalah umat. Jadi ini masalah negara. Apatah lagi negara yang makmur, yang berjaya seperti Malaysia. Ia masalah bagi setiap yang berkuasa. Dahulu ada parti dia tidak ada kuasa tidak adalah rasuah. Sekarang dia ada kuasa cuba tanya ada rasuah. Tidak payah kita tanya orang dia sendiri beritahu ada, sebab itu memang lumrahnya. Oleh sebab itu yang perlu kita tekankan rasuah ini sebagai masalah bersama. Jangan dipolitikkan. Ini masalah dipolitikkan. Masa dia dalam kerajaan okey, tidak ada masalah. Ada sedikit-sedikit tapi okey. Keluar sahaja, kena tendang oleh kerajaan ini kerajaan korup dan rasuah, katanya.

■1800

Sebab apa? Sebab dia hendak seperti yang sebut tadi, *political point*. Jadi sebab itu, bila ini berlaku, kita mempolitikkan isu besar. Kita boleh politikkan isu-isu lain. Ini kita politikkan isu besar. Di Selangor sekarang, kerana saya di negeri Selangor, isu air dipolitikkan. Ini masalah. Jangan bila kita politikkan isu-isu besar, jadi isu tak selesai. Jadi kita politikkan. Sebab itu macam saya sebutkan ini, saya tak kata, kita tak kisah, kita tak cerita tak puas hati. Walaupun sudah ada peningkatan daripada 60 ke 54, dalam Dewan yang mulia ini saya sebut harus ada peningkatan. Kita cadangkan kerana kita tak melihat ia sebagai isu politik.

Jadi kita tak melihat ia sebagai isu dan soal-soal politik, ini soal penting dan kita minta SPRM itu cari jalan. Cukai atas cukai pendapatan contohnya. Kita tengok jenis-jenis, tiba-tiba cara *lifestyle* hidup dia, pakai dia, belanja dia, banyak daripada gaji dia. Kita tengoklah apa yang diisytiharkan dalam cukai *income tax,* cukai pendapatan. Tentunya dia tak isytihar. Bila tak isytihar, mana dia dapat duit? Dari situ kita boleh sabitkan dia, dakwa dia dan sabitkan dia, denda dan sebagainya, hukum dari di bawah Akta Cukai Pendapatan. Jadi ada cara lain. Kalau sebab hendak sampai Akta Rasuah, hendak tunggu sampai kita boleh tangkap dia ambil. Sebab itu kalau Akta Rasuah, kena tanya, kena tahu, dari pukul berapa bagi, cara macam mana bagi, siapa ambil, siapa bagi?... Eh, susah siapa yang hendak mengaku. Kena yang jerung-jerung besar ini dia pandai.

Jadi sebab itulah kita minta supaya dipelbagaikan. Supaya benar-benar ada ia banyak yang ditangkap. Sekarang ini bukan tak ada yang tangkap. Ada tangkap tetapi yang lepas lagi banyak dari yang ditangkap. Jadi kita kena... Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta maaf Yang Berhormat. Saya pun hendak bagi pandangan sedikitlah berhubung dengan masalah *corruption*. Sebagai seorang yang terlibat juga dalam perniagaan, saya tahu bahawa masalah rasuah ini amatlah besar. Sungguhpun indeks kita sudah turun daripada 60 ke 54, seperti Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam, saya fikir sepatutnya kita turun lebih daripada itu kepada 24 kah ataupun kepada 14?

Masalah kitanya ialah rasuah ini, kalau dahulu kita kata penjawat kerajaan sahaja. Sekarang percayalah, perkara ini telah merebak sehingga kepada GLC pun. Ini saya sendiri tahu dan saya fikir ada tiga masalah. Pertama, dengan izin kalau kita buat siasatan, pendakwaan dan sebagainya, *we only catch the small fish*. Kita tak tangkap yang besar-besar yang menyebabkan masalah ini.

Keduanya, ada juga yang kita betulnya ialah pendapatan yang kita bagi kepada penjawat-penjawat tidak setimpal dengan tugasnya. Tak mencukupi sara hidup dan sebagainya. Ini kena tengoklah. Ketiganya ialah kalau kita buat laporan. Ini pengalaman saya sendiri pun, buat laporan tapi siasatannya terlampau banyak, terlampau lama. Kadang-kadang kita tak tahu apa jawabnya apabila kita buat laporan polis dan sebagainya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dalam hal tiga perkara inilah. Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Memang seperti yang saya sebutkan tadi dan saya rasa Yang Berhormat ada *authority* dengan pengalaman Yang Berhormat Dato' seorang ahli perniagaan yang berjaya. Dapat melihat bagaimana sukarnya dan bagaimana berleluasanya gejala rasuah ini dan bagaimana sukarnya. Lagi tinggi jawatan, lagi sukar. Saya setuju ia bukan setakat kakitangan awam. Kadang-kadang kita kesian juga sebab asyik-asyik kakitangan awam tetapi yang paling kesian kitalah orang politik. Apa-apa hal, orang politik pula kena teruk. Akan tetapi GLC, betul. GLC mereka duduk dan membuat keputusan dalam tender yang beratus-ratus juta dan berbilion. Maknanya *they have the power*, mereka ada kuasa.

Seperti yang disebutkan tadi, petua paling penting bagi rasuah ialah ia datang dengan kuasa. Ada kuasa kita tak payah cari, orang datang bagi rasuah. Jadi GLC, mereka ada kuasa. Yang besar-besar itu, yang tinggi-tinggi itu mereka ada kuasa untuk memberi rekomendasi untuk berikan kepada syarikat-syarikat dan sebagainya. Jadi memang ada. Sebab itu saya sebutkan tadi, kita kena bantu SPRM. Saya tahu SPRM bekerja kuat. Saya juga berjumpa dengan mereka cuba tetapi saya rasa kita kena bantu dan orang-orang seperti Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat yang punya pengalaman seperti Senator Dato' bantu...

Tuan Khoo Soo Seang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat.

Tuan Khoo Soo Seang: Ahli Yang Berhormat, saya hendak tanya. Kita sekarang selalu tumpukan rasuah di sektor awam. Bagaimana dengan sektor swasta? Saya difahamkan bahawa sektor swasta di segi rasuah tidak kurang hebat dan biasanya tidak dapat perhatian.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Seperti yang saya sebutkan tadilah. GLC itu pra swasta dan sudah tentunya swasta yang terbabit dengan agensi awam juga terbabit dengan rasuah. Apatah lagi swasta yang besar. Dia syarikat swasta, *purely* swasta, tidak campur langsung dengan urusan kerajaan tetapi dia punya *power*, dia punya kuasa untuk memberi tender. Dia punya kuasa. Siapa sahaja yang punya kuasa, walau sekecil mana pun untuk memberi *benefit* dan faedah kepada orang lain, dia akan terbuka, terdedah kepada soal rasuah.

Jadi sebab itulah kena ada satu rancangan yang cukup inovasi sehingga perasuah-perasuah ini cukup rasa takut, rasa benar-benar takut. Ada negara-negara lain memang dia takut. Memang orang hendak terima rasuah ini, ramai orang hendak. Hendak bagi, hendak bagi, senang hendak bagi mudah, memanglah tetapi dia takut. Di Malaysia takut itu ada tetapi sikit. Masih jarang-jarang, sikit-sikit... *[Ketawa]* Dia kena banyak-banyak, betul-betul takut. Jadi ini yang harus dilakukan oleh SPRM.

Jadi, dalam menceritakan tentang rasuah ini juga, saya rasa dari sudut hukuman sahaja pun tidak cukup. Ia harus juga kepada cara hidup, pendidikan, budaya kita. Oleh sebab itulah kadang-kadang, saya merasa terpanggil baru-baru ini bila Senator Dato' Mohammed Najeeb bangkit berhujah, saya tanya tentang soal imbuhan yang kadang-kadang terlalu besar melampau-lampau kepada syarikat-syarikat swasta. Kalau *purely* swasta tak apalah juga, ini kadang-kadang GLC. GLC, kadang-kadang bank. Senator Dato' Mohammed Najeeb, kebetulan pula dia tak ada. Akan tetapi kalau dia ada, kita tidak kata dialah. Kita patut hormat dia kerana dia sanggup tinggalkan jawatan besar dengan imbuhan yang mungkin besar untuk bersama-sama kita dalam Dewan Negara ini.

Akan tetapi soalan saya dan dia akui. Dia *confirmed*kan, dia tokoh korporat, tokoh bank. Dia kata memang betul, ada yang imbuhan RM5 juta setahun, ada yang RM9 juta setahun. Ada GLC baru-baru ini dipaparkan, selepas itu senyaplah. Saya harap senyap ini tak jadilah. Kadang-kadang senyap jadi pun ada juga. Diberi seorang CEO itu saham jumlah saham itu kalau dikira dengan nilai sekarang, CEO ini akan mendapat RM20 juta ke RM21 juta. Seorang manusia boleh dapat RM20 juta.

Kita pun tak boleh fikir macam mana RM20 juta itu, bukan. Ini CEO. Yang kerja bawah merempat ini, jangan kata juta, rumah pun kadang-kadang susah. Akhirnya, harap kerajaan buat, semua kerajaan buat. Jadi mereka buat apa?

Saya baru-baru ini ada baca akhbar sebuah perbicaraan yang membabitkan seorang GLC. Dia *Deputy GM* sebuah GLC. Subsidiari, bukan *parent,* bukan induk, bukan syarikat induk GLC tersebut. *Just a subsidiary*. Adalah kes rasuah dia, itu satu hallah. Akan tetapi bila ditanya oleh hakim, berapa gaji you sebagai *Assistant General Manager* dengan izin kepada subsidiari syarikat ini? RM20,000 *basic*. Ini *Deputy GM*. Ha, kita pun tak sampai setengah bukan? *Deputy GM*, belum GM, baru subsidiari. Belum syarikat induk. Jadi, saya rasa kena pantaulah Kementerian Kewangan pun. Takkan biarkan sahaja, takkan ikut harga pasaran. Pasaran apa? Dan ini yang akan menyebabkan tekanan. Sebab bila dia duit banyak, tak tahu mana hendak pakai, jadi macam-macamlah. Tak cukup satu kereta, dua kereta. Macam-macam jenislah. Yang lain nampak, jadi bila yang lain nampak ini dia pun hendak pakai. Akan tetapi duit dia tak cukup. Ini rasuahlah. Ha, ini dia.

Jadi, cara hidup, imbuhan, ini mesti ada pemantauan. Jangan, bila rasuah, SPRM. Rasuah, SPRM. Kita tak payah fikir fasal rasuah. Kita kena fikir. Jadi macam MOF sebab mereka terlibat dalam hampir kesemua GLC ada MOF Incorporated. Saya sarankan ada pemantauan kepada saya lihat trend ini, masing-masing berlumba-lumba ini. Yang GLC ini hendak tunjuk dia punya CEO lagi besar gaji daripada GLC ini. Habis, kita menganga tengok. Setakat menganga tak apa, tetapi rasuah akan berleluasa, gaya hidup kita akan berubah dan nilai dan sikap kita akan berubah.

■1810

Jadi, ini yang saya cadangkan. Tadi ada kawan-kawan kita sebut tentang imbuhan kitalah, elaun Ahli Parlimen dan sebagainya itu. Pertamanya saya setujulah untuk dinaikkan sebab saya tidak banyak elaun lain, Ketua Pembangkang tidak apa, dia banyak elaun lain. Saya hendak bagi tahu kawan-kawan saya pembangkang yang sebelah sana, saya tidak sebut pembangkang dalam Dewan Negara ini, kawan-kawan saya yang masih bersama dengan Ketua Pembangkang, dengar nasihat saya. Jangan sokong buta. Dia tidak apalah, dia tolak elaun itu sebab dia dapat elaun lain banyak lagi. Elaun asinglah yang banyak pun. Cuba tanya dia berapa dia dapat sebulan, berapa banyak dia bagi pada orang itu, berapa banyak bagi orang ini? Sebab itu dia tidak kisah elaun Ahli Parlimen. Silap-silap dia tidak tahu pun berapa elaun Ahli Parlimen, tidak pernah tengok pun elaun sebab dia banyak elaun lain.

Jadi kita ini yang ahli marhaen Dewan Negara, Dewan Rakyat ini, sudah tentunya kita bersetuju dan kita sanggup bertanggungjawab dengan kenaikan itu, kita bertanggungjawab dengan imbuhan itu. Seperti yang saya sebutkan tadi macam GLC-GLC, mereka juga harus punya semangat, tanggungjawab. *You must be more responsible.* Gaji besar...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Sila, sila.

Dato' Lim Nget Yoon: Saya dengarlah, saya cuma hendak pastikan, dekat Selangor elaun diberi kepada Ahli-ahli Majlis dinaikkan. Jadi, kenapa *double standard* di negeri yang diperintah oleh Pakatan, Keadilan, elaun boleh naik, tetapi dekat Parlimen, Dewan Negara masih dikekalkan, tidak boleh dinaikkan? Itulah.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Saya faham maksud Yang Berhormat Senator itu, dari senyuman saya faham. Yang dimaksudkan tadi mengapa dekat sini beria-ia mempertahankan sebab dia nak *score political point*, hendak tunjuk kita tidak mahu elaun itu naik, tapi di Selangor dia lebih dulu menaikkan elaun untuk ahli-ahli politik penjawat awam. Sebab itu ia tidak konsisten.

Jadi apa pun, tapi bagi saya, kita seharusnya mengamalkan sikap *wasatiyyah,* kesederhanaan, prinsip keadilan sosial. Ini harus terus diterapkan daripada atas, daripada bajet yang telah dinyatakan oleh Dato' Seri Najib berkali-kali dengan jelas dan harus terus diterima pakai oleh kita semua termasuk GLC dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk bercakap lebih panjang, saya ingin tegaskan lagi sekali di akhir ucapan saya ini rasa bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana negara kita terus aman, negara kita terus berjaya. Kita punya seorang Menteri Kewangan, Perdana Menteri yang mampu berdiri gagah di dalam Dewan yang mulia ini membentangkan bajet yang memberi manfaat kepada negara kita... *[Tepuk]* Kita juga ingin tegaskan rasa terima kasih kita kepada Perdana Menteri atas kerja kuat beliau. Kita juga ingin berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang semenjak merdeka memberikan dukungan tanpa henti kepada Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional supaya mereka terus dan mampu meneruskan tradisi membela rakyat.

Saya percaya, *insya-Allah*, tradisi mereka memberi sokongan, tradisi rakyat yang terus memberi sokongan, tradisi pemerintah negara di bumi bertuah ini yang terus memberikan bajet yang memberikan manfaat akan diteruskan dan *insya-Allah* tidak lama lagi pilihan raya umum yang akan datang rakyat akan terus memberi sokongan malah *insya-Allah* akan lebih kuat sokongannya kepada Barisan Nasional... *[Tepuk]* Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat.

6.14 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Bismillahi Rahmani Rahim*. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama berbahas dan berbincang Bajet 2013 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah disentuh oleh rakan-rakan di dalam Dewan ini berhubung dengan bajet dari banyak sudut dan aspek. Saya dalam ruang yang terbatas ini saya akan cuba untuk menyebut hal-hal yang mungkin belum disentuh oleh mana-mana Senator, kawan-kawan yang berbincang dan berbahas seperti ini.

Pertama saya ingin nyatakan bahawa bajet pada tahun 2013 telah diperuntukkan sebanyak RM251.6 bilion dan daripada jumlah itu, RM201.9 bilion untuk pengurusan dan RM49.7 bilion untuk pembangunan. Apa yang saya ingin sebut bahawa semua kementerian di dalam negara kita ini telah diberi dan diagih-agih mengikut peruntukan masing-masing. Bajet ini walau apa pun perspektif atau pandangan yang telah diberi oleh bermacam-macam pihak, ia tetap akan berjalan dan tidak akan mengundur ke belakang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ingatkan kepada diri saya dan juga semua Ahli Dewan dan juga kementerian-kementerian yang telah diperuntukkan belanjawan ini, mereka adalah diberi satu amanah dan dipertanggungjawabkan untuk mengurus kewangan dengan sebaik-baik mungkin. Saya ingin berkongsi di sini bahawa orang yang diberi tanggungjawab, amanah untuk memegang kewangan di dalam bidang dan kementerian masing-masing adalah merupakan orang yang dipertanggungjawab bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat nanti mereka tetap akan ditanya.

Dalam hubungan ini, Allah menyebut... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Allah memerintah kamu supaya kamu menunaikan tanggungjawab dan amanah yang telah dititipkan ke atas bahu kamu kepada orang yang berhak, dan kepada orang yang melaksanakan amanah ini satu ganjaran besar bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat nanti."* Saya ingin membaca hadis ini supaya kita semua mendapat kekuatan di dalam mengurus kewangan yang begitu besar. Rasulullah menyebut... *[Membaca sepotong ayat Hadis]* Maksudnya kira-kira, *"Seorang yang diberi amanah, penjaga yang amanah yang melaksanakan apa yang diperintah untuk dilaksanakan dan dia beri kepada yang berhak dengan sempurna, dengan penuh rasa tanggungjawab kepada orang yang diamanahkan, maka dia tergolong di kalangan salah seorang yang membuat sedekah"*. Sedangkan duit orang tetapi dia melaksanakan amanah dengan jujur, maka dia dikira sebagai orang yang memberi sedekah.

Begitulah juga orang yang bekerja, diberi jawatan untuk melaksanakan tugas itu dan apabila dilaksanakan dengan sebenar dan diberi kepada pihak yang berhak, maka dia dikira sebagai orang yang berjihad di jalan Allah sehinggalah dia pulang ke rumahnya.

Ini saya sebut perkara-perkara ini bahawa orang yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan amanah yang besar itu bukan sahaja dia merupakan orang yang dipertanggungjawab di dunia tetapi diberi ganjaran yang besar di akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh kesemuanya. Apa yang saya hendak sentuh, pertama sekali ialah bidang pelajaran dan pendidikan. Pelajaran dan pendidikan mengambil 21 peratus daripada seluruh bajet yang telah diperuntukkan pada tahun 2013 ini. Namun, sejak dulu sampai kini, Perdana Menteri melahirkan satu rasa hatinya, dia merasakan, *"Namun, didapati hasil yang diperoleh tidak setara dengan pelaburan yang telah dibuat"*. Jadi ini satu keluhan yang telah diberikan oleh Perdana Menteri berhubung dengan sekian lama diberi peruntukan yang begitu besar tapi ada bahagian-bahagian yang belum dicapai.

■1820

Namun, kita tidak tahu apa sebenarnya yang belum dicapai itu kerana dia tidak menjelaskan di dalam bajet yang telah disebutkan itu. Di sini saya ingin meminta penjelasan apa sebenarnya yang belum dicapai. Kemudian, kita telah melihat boleh jadi kerana ketidaktercapaian yang diharapkan itu, maka kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025. Ini merupakan satu pelan untuk menilai kembali dan menambah baik pelan pendidikan negara.

Dalam hubungan ini saya ingin mengetahui. Saya pun ada satu naskhah yang diberikan ahli jawatankuasa yang telah dilantik oleh pihak kerajaan untuk menilai dan sebagainya, memberi cadangan dan saya ingin mengetahui adakah di antara ahli-ahli yang telah dilantik itu terdiri daripada kalangan-kalangan yang mempunyai pendidikan agama? Saya tidak kenal mereka walaupun saya tengok semua tetapi tidak kenal latar belakang. Ini kerana bagi saya teras pendidikan perlu dilihat bersama sosial budaya dan agamanya supaya mereka diberikan input-input.

Kalau ada, *alhamdulillah*. Kalau tidak ada saya hendak tanya kenapa? Ini kerana kita Malaysia merupakan sebuah negara Islam dan Islam merupakan sebagai agama negara. Kemudian, kita melihat lagi kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta lagi ditambah untuk meningkatkan kemahiran guru dalam pengajaran aspek teras. Aspek teras di sini di bilang, disebut empat subjek atau mata pelajaran iaitu bahasa kebangsaan, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Akan tetapi tidak termasuk pelajaran agama dan sivik. Sedangkan pengamatan kita daripada seluruh manifestasi dan fenomena yang berlaku dalam masyarakat kita dan penjelasan-penjelasan kalau kita hendak sebut gejala sosial yang terdiri daripada remaja ataupun orang dewasa seperti dibincangkan tadi. Orang dewasalah yang terlibat dengan rasuah ini. Kanak-kanak tidak terlibat. Mungkin remaja pun belum. Orang dewasa, pegawai kerajaan, korporat dan bermacam-macam orang sebenarnya adalah lahir dari ketidakfahaman dan penghayatan terhadap agama dan juga sivik.

Saya mendengar, saya selalu hadir pembentangan yang dibuat oleh PDRM tentang gejala sosial. Begitulah juga dengan AADK tentang gejala sosial yang terlibat dengan bermacam-macam masalah. Mereka menyebut salah satu punca utama ialah kerana anak-anak kita tidak mempunyai didikan agama yang cukup. Saya tidak tahu taraf cukup yang semacam mana tetapi bagi saya kalau sekiranya pendidikan agama dan sivik itu diberi penekanan yang sewajarnya sama dengan pelajaran-pelajaran lain dan dia diberi satu merit yang tinggi. Dia wajib ambil dan wajib lulus. Wajib ambil...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta laluan Yang Berhormat Dato'.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat Dato' katakan tadi bagi orang Islam, orang Melayu adalah pendidikan agama yang menjuruskan ke arah gejala sosial. Bagaimana pula dengan orang bukan Melayu, orang bukan Islam? Apa pendapat Yang Berhormat Dato'?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Setiap orang mempunyai pegangan masing-masing. Jadi, orang Islam ada pegangan agama Islam. Orang bukan Islam pun ada pegangan masing-masing seperti Hindu, Buddha, Kristian dan sebagainya. Bagi saya orang yang berpegang dengan agama tidak melakukan perbuatan yang tidak baik.

Tidak kira agama apa kerana semua agama mengikut apa yang saya faham, saya pelajari, mereka tidak membenarkan penganutnya untuk melakukan kejahatan seperti berjudi, minum arak, bunuh orang dan sebagainya. Itu nilai-nilai yang dilarang oleh semua agama.

Bagi saya kerana saya sebutkan hal ini kerana di sekolah memang ada pelajaran agama Islam dan ada pelajaran sivik. Jadi, bagi pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam, mereka belajar sivik. Matlamatnya ialah untuk melahirkan masyarakat yang baik dan masyarakat yang mempunyai nilai. Kalau anak-anak kita nanti lahir sebagai seorang yang pandai tetapi tidak ada nilai-nilai murni, maka sebenarnya kita tidak akan melahirkan warganegara negara bangsa sebagaimana yang disebut oleh Dato' Dr. Firdaus. Kalau boleh berkongsilah. Terima kasih Yang Berhormat Dato'.

Kedua, kerana itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian dan juga kerajaan khasnya supaya melihat kembali kepentingan pelajaran agama Islam di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, hatta ke universiti supaya diberi tempat yang sesuai dan sewajarnya dan dijadikan subjek wajib belajar dan wajib lulus. Apabila wajib belajar dan wajib lulus, anak-anak akan diberi tuisyen seperti ilmu matematik, bahasa kebangsaan dan sebagainya. Ini teras kita.

Seterusnya saya melihat lagi dalam hubungan ini, wang RM1 bilion telah diperuntukkan dan diagihkan kepada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan China dan Tamil, sekolah agama bantuan kerajaan, dan macam-macam lagi. Sekolah mubaligh, MARA dan sebagainya tetapi dalam bajet itu tidak tercatat sekolah SAR. Berbeza dengan tahun lalu ada SAR diberi peruntukan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, kementerian yang berkenaan, kenapa ini tercicir atau dicicirkan?

Hal ini disebabkan sekolah SAR itu ialah merupakan sekolah agama rakyat. Ringkasnya SAR yang merupakan nadi kepada semua masyarakat di mana daripada sekolah inilah, asalnya lahirnya para guru di sekolah-sekolah rendah, di sekolah menengah, di universiti, sampai yang jadi mufti, kadi dan seluruh yang berada di institusi agama itu kebanyakan mereka berasal dari sekolah SAR. Ia sangat memberi input kepada pembangunan negara. Saya rasa apabila mereka tidak diberi perhatian, maka mereka tercicir sedangkan mereka adalah rakyat daripada negara kita.

Saya membaca baru-baru ini dalam akhbar. Seorang Menteri memberi justifikasi dengan izin, kenapa tidak diberi bantuan? Jawabnya ialah kerana sekolah-sekolah tersebut tidak berdaftar dengan kementerian mengikut Akta 550. Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Saya ingin menarik perhatian di sini, sekolah-sekolah SAR ini adalah sekolah yang daif dari segi fizikalnya, kewangan dan gurunya. Orang yang daif, orang yang memerlukan kenapa tidak mahu daftar?

Perlu kita lihat mungkin ada sesuatu perkara yang tersirat, yang tidak mereka dapat luahkan. Bagi saya kalau mengikut sesetengah kita kalau hendak diberi duit, jam 8, jam 6 sudah mereka tunggu tetapi kenapa mereka ini tidak mahu? Itu satu persoalan yang perlu dilihat dan diteliti. Apa yang saya baca sedikit MoU mula-mula dahulu, apabila pendaftaran ini dicadangkan maka mereka ini menaruh satu kebimbangan apabila mereka mendaftar dengan kementerian, maka sekolah mereka akan hilang identitinya. Itu yang mereka bimbang. Kebimbangan itu adalah hasil daripada mereka merasakan kerajaan hanya memberi dukungan, sumbangan dari segi guru akademik.

Adapun pelajaran-pelajaran yang bukan akademik yang diambil dari Azhariah itu ditanggung oleh pihak pengurusan sekolah atau lembaga kebajikan sekolah atau pengelola sekolah.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Minta laluan Yang Berhormat. Saya ingin tahu berapakah jumlah sekolah SAR di Kelantan dan berapakah jumlah keseluruhan di Malaysia?

■1830

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya tidak ada angka yang tepat. Sekolah SAR di Kelantan ini sebenarnya, di Kelantan tidak ada Sekolah SAR. Sekolah-sekolah di Kelantan diberi bantuan oleh Kerajaan Kelantan dan ada 20 buah sekolah yang mendaftar dan ada MoU. MoU di antara Yayasan Islam Kelantan dengan kementerian berbeza dengan MoU yang lain-lain. Sebab saya tengok MoU yang sebelumnya dibuat, menyatakan bahawa pelajaran Bahasa Arab yang diambil daripada Al-Azhar itu diajar di sebelah petang.

Pelajaran-pelajaran akademik diajar di sebelah pagi. Jadi, pelajar-pelajar sudah letih baru belajar di sebelah petang.

Kemudian yang kedua, guru-guru ini pula hanyalah digaji, diberi elaun oleh pengelola sekolah. Pengelola sekolah memang tidak ada duit. Jadi apabila begitu mungkin guru-guru pun tidak dapat disediakan. Akhir sekali, sekolah itu dia akan jadi seperti kita sewa kedai, orang sewa kedai kitalah. Kita tidak boleh buat apa-apa sebagai tuan kedai. Kerana itulah kebimbangan, jadi saya mencadangkan supaya pihak kementerian meneliti balik draf MoU yang telah dipakai, diguna pakai supaya dilihat kembali supaya semua pihak mendapat kebaikan. Kementerian pun dapat dan pihak sekolah pun dapat. Jadi sebenarnya kebimbangan itu ada di dalam diri mereka.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam mensejahterakan rakyat, saya melihat bajet ini telah diberi perhatian yang serius kepada angkatan tentera dan juga polis, bekas-bekas tentera, itu satu yang baiklah. Saya berkenan sangat kalau tambah lagipun lagi bagus. Kerana itu tuan-tuan jangan tuan-tuan lihat ini orang daripada parti kah, yang tidak bersama ini sebenarnya ada perbezaan pendapat satu perkara yang baik, tidak ada masalah, memberi dan menerima.

Kadang-kadang kita tengok orang ini dia nampak seperti orang kelahi laki bini. Suami isteri tidak boleh bertegur sapa tetapi anak berderet ada. Kita tengok suami isteri siang berkelahi tetapi, *wallahualam* macam mana anak-anaknya berderet... *[Ketawa]* Jadi begitu juga saya harap perkara ini hanyalah kita memberikan pandangan-pandangan, mungkin agak ada sedikit perbezaan tetapi matlamatnya adalah yang baik. Saya tengok beri tumpuan kepada polis. *Alhamdulillah* PDRM kerana askar mereka sangat memberi tenaga dan pada bajet ini Perdana Menteri minta supaya pihak JPA melakukan kajian yang menambah baik untuk laluan kerjaya kepada pihak polis. Ini dalam muka surat 98.

Saya ingat saya ingin minta satu lagi supaya hendak tanya kalau sudah buat *alhamdulillah,* saya tidak ada apa-apa kalau tidak buat minta tengok balik. Bagaimana dengan kastam begitulah juga bagaimana dengan imigresen dan pihak penjara. Mereka adalah berada di bawah satu kementerian yang sama, sama pasukan, sama beruniform. Jangan sampai mereka dilupai. Kalau memang sudah ada tidak apa, saya baca tidak ada, tidak sebut. Kalau sudah ada, *alhamdulillah* teruskan. Kalau tidak ada saya minta supaya diberi perhatian yang serupa supaya mereka tidak rasa dipinggirkan dan kita tengok kastam pun memberi satu impak yang baik pada negara. Begitulah juga pihak imigresen dan begitu juga halnya dengan penjara. Saya mengharapkan perkara ini kalau tidak boleh dimasukkan bersama-sama sekali pada tahun ini maka tahun hadapan jangan dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga saya melihat pihak Kementerian Kesihatan dalam bajet baru ini telah menyediakan 150 buah mesin hemodialisis untuk penghidap-penghidap penyakit buah pinggang. Saya hendak tahu dalam negara kita ini berapa ramai orang yang terlibat dalam cuci buah pinggang ini? Ini saya melihat keadaan ini semakin meningkat dari hari ke hari dan kalau hanya 150 dengan jumlah yang ada mungkin tidak memadai dan perlu ditambah. Walaupun ada pihak kerajaan dan juga swasta, tetapi kita melihat penyakit ini semakin bertambah dan disifatkan oleh Menteri Kesihatan tadi penyakit tidak berjangkit.

Penyakit tidak berjangkit ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan satu keadaan yang perlu kita tangani sebaik-baiknya dan ia besar dalam masyarakat. Darah tinggi, lemah jantung, buah pinggang dan sebagainya. Walaupun orang tua-tua dahulu sudah menyebut, *"Sebab pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa".* Banyak orang lihat hal itu kepada percakapan, tetapi sebenarnya ia merangkumi makanan. Kerana makan itu dan minum itu melalui mulut. Kalau mulut tidak dijaga dengan makan dan minumnya, maka mungkin penyakit-penyakit pun kan ada. Dengan itu saya mencadangkan supaya ia ditambah kalau mengikut keperluan-keperluan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan merupakan satu kementerian yang diberi peruntukan yang agak baik walaupun tidak sebanyak kementerian-kementerian yang lain. Namun di dalam realitinya kita banyak didedahkan aspek sukan berbanding dengan pembangunan belia. Saya yakin bahawa pembangunan belia itu banyak dilakukan, tetapi tidak diuar-uarkan sebagaimana diuar-uarkan sukan. Orang tahu sukan kita ada temasya sukan, di mana-mana sama ada di luar negara atau dalam negara, orang tertumpu utamanya musim ini musim bola. Orang nampak sukan, tetapi aspek pembangunan belia itu tidak diuar-uarkan sebagaimana sepatutnya diberi tempat.

Oleh kerana itu saya melihat perkara ini perlu diperkasakan supaya Kementerian Belia dan Sukan, belia dahulu baru sukan. Akan tetapi belianya tidak di*highlight,* dengan izin sebagaimana diuar-uarkan terhadap sukan.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah yang melibatkan senjata api semakin meningkat di dalam negara kita walaupun kadar jenayah telah dapat dikurangkan kepada 11.1 peratus. Saya bagi tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah dapat memantau walaupun sasarannya adalah ingin menurunkan 20 peratus. Namun jenayah senjata api semakin menggerunkan. Kita ini gerun sebab akhbar yang menggerunkan, akhbar yang melaporkan. Kalau akhbar tidak lapor kita tidak berasa gerun.

Oleh kerana itu kita melihat senjata api ini dibawa masuk ke dalam negara mungkin dari jalan-jalan yang tidak diketahui atau disebut jalan tikus. Pada tahun 2010 senjata api dirampas 137; tahun 2011 – 160; tahun 2012 – 163. Walaupun angka yang meningkat itu sedikit tetapi dia tetap meningkat itu yang dapat dirampas, yang beredar di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab kita tidak tahu. Saya ingin bertanya berapa banyak jenayah yang menggunakan senjata api kebelakangan ini selama tiga tahun dapat diselesaikan dan adakah pihak yang bertanggungjawab, pihak keselamatan mengetahui susu galur dengan baik dan sindiket-sindiket yang terlibat.

Saya mencadangkan supaya jenayah ini dapat dikurangkan dari semasa ke semasa supaya dilibatkan semua masyarakat terutamanya golongan RELA dan sebagainya daripada berlaku keadaan yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan juga mempunyai peranan yang besar dalam mencorakkan masyarakat kita. Kita melihat 50 peratus daripada masyarakat kita adalah dari golongan kanak-kanak dan remaja pemuda, maka mereka ini sangat terpengaruh dengan media massa. Kerana itu saya lihat media massa kita merupakan tempat hiburan kepada setengah-setengah yang sebahagian daripada masyarakat kita.

Di sini saya ingin melihat garis panduan yang telah diberikan kepada pihak artis, pengeluar filem, majalah dan sebagainya supaya mereka patuhi. Saya melihat zaman Allahyarham Datuk Mohamed Rahmat dahulu, dia bertegas orang yang rambutnya panjang tidak dibenar masuk di dalam rancangan TV.

■1840

Saya masih ingat lagi saya tidak ingat tahu berapa dan kerana beliau mahu menjaga identiti bangsa kita supaya dia akan terjaga. Kalau hendak masuk TV kena potong rambut kalau rambut panjang dan kalau pakai selekeh tidak dibenarkan. Ini sebenarnya satu keadaan yang baik tetapi kalau kita tengok sekarang agak berbeza. Jadi saya ingin tahu apa dia garis panduan yang telah diberikan? Berapa banyak majalah yang telah dikeluarkan yang bercanggah dengan peraturan-peraturan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya hendak pergi kepada luar negara. *Alhamdulillah* pada 20 November 2012 baru-baru ini, Dewan Rakyat telah membuat usul mengecam keganasan Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza. Sekarang saya lihat dalam internet ini rakyat Malaysia telah menderma di Gaza sebanyak satu juta dolar. Jadi ini satu keprihatinan rakyat Malaysia. Saya ingin melihat banyak ketetapan yang telah dibuat di dalam Parlimen kita dan di luar Parlimen dan juga di Bangsa-Bangsa Bersatu. Akan tetapi orang-orang Israel ini tidak pernah patuh kepada mana-mana ketetapan yang telah dibuat. Begitulah juga konflik yang berlaku bukan sahaja di Israel tetapi juga di *Syria* dan pelajar-pelajar kita yang belajar di sana pun dibawa pulang oleh kerajaan.

Persoalannya saya melihat keadaan ini berlaku di Palestin sudah sekian lama. Puluhan tahun tidak pernah reda dan tidak pernah berhenti. Mungkin di antara sebab yang menyebabkan orang Israel begitu rakus dan memerangi orang-orang Palestin dengan tidak memberi belas kasihan. Saya yakin ada kepercayaan yang mereka pegang kepada Kitab Talmud. Kitab Talmud ini Tuan Yang di-Pertua, bukan Kitab Taurat yang diturunkan kepada Nabi Musa Alaihissalam tetapi adalah ungkapan-ungkapan yang telah diberikan oleh para ulama dan pendeta mereka. Antara yang tersebut dalam Kitab Talmud itu ialah mengatakan bahawa semua manusia selain daripada orang Israel adalah binatang. Mereka hanyalah dilahirkan untuk memberi khidmat kepada orang-orang Yahudi.

Kalau begitulah pandangan mereka maka bagi mereka membunuh orang-orang yang bukan Yahudi tidak menjadi satu kesalahan. Orang Yahudi yang paling mereka benci ialah orang-orang Kristian bukan orang Islam, nombor satu. Akan tetapi di dalam menghadapi orang Islam dia bergabung dengan orang-orang lain.

Kedua, orang Yahudi kalau membunuh orang bukan Yahudi, bangsa apa sekalipun tidak berdosa. Namun kalau orang lain membunuh orang Yahudi maka mereka berdosa. Oleh kerana itu kita melihat seorang askar Yahudi mati maka seluruh kampung orang Palestin tanpa mengira agama di Palestin pun ada orang Islam, ada orang Kristian akan ranap, sebab bagi mereka seorang manusia telah dibunuh oleh binatang. Itu realiti yang ada mereka pegang khasnya Zionis...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, pohon celah boleh Yang Berhormat?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Silakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Saya ingin bertanya merujuk daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Apakah amanat Haji Hadi bertolak daripada apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Di mana halal darah sesama Islam pun boleh apabila kita dahulu UMNO bersama dengan MCA dikatakan kita kafir maka halal darahnya untuk dibunuh. Apakah itu *relate* dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi? Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa benda itu tidak ada kaitan dekat sini, tidak ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada kaitan ya? Tidak payah jawab, teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tidak payah jawab. Baik begitulah juga Tuan Yang di-Pertua hal yang berlaku di *Syria*. Di Syria pun hampir sama. Saya tidak menjangkakan sebuah negara yang berlaku konflik di antara kerajaan dengan rakyatnya sampai begitu sekali. Namun Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendasari pegangan yang dianuti oleh Presiden Bashar Al-Assad ia amat berbeza. Bashar Al-Assad adalah dia mempunyai pegangan kumpulan Nusairi. Nusairi atau disebut Muwahhidun atau Alawiyun. Mereka sebenarnya adalah satu kumpulan pelampau Syiah yang bertuhankan kepada Al-Hakim Bi Amrillah iaitu salah seorang Khalifah Fatimiyah dahulu dan mereka menganggap bahawa Al-Hakim Bi Amrillah itu adalah Tuhan Allah menjelma kali yang ketujuh. Oleh sebab itu Syiah sendiri mengatakan mereka tidak Syiah lagi.

Dalam hubungan ini mereka menetapkan bahawa semua orang yang tidak sealiran dengan mereka kalau dibunuh pun tidak menjadi satu kesalahan. Oleh kerana itu saya melihat kedua-dua negara ini berada dalam konflik yang berbeza dan di sini lah saya ingin bertanya kepada kerajaan kita dengan dasar luarnya. Dasar luar kita iaitu bagaimana kita dapat memberi peranan yang baik dan berkesan kepada konflik yang berlaku di Timur Tengah itu khasnya di Syria dan juga Palestin.

Kedua-dua negara ini berada dalam OIC dan kita juga pernah mengepalai OIC. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Malaysia boleh melakukan peranan yang berkesan sebagaimana yang telah dilakukan di Filipina. Hanya tinggal lagi boleh memberi tekanan-tekanan dan peranan yang baik sehinggalah negara-negara tadi...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik kepada soalan Yang Berhormat bagaimana Malaysia boleh menjadi peranan di dalam konflik Palestin dan *Syria* juga. Itu adalah soalan yang bertanggungjawab kerana kita tahu bahawa masalah ini adalah masalah lama terjadi dan kita harus memberi pertolongan di mana pun. Akan tetapi saya fikir melalui Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, kita memang telah memberi banyak pendapat dan juga pertolongan dalam hal ini. Seperti Yang Berhormat kata tadi kalaulah suara UN sekalipun, Israel tidak mendengar, walau apa yang kita buat pun saya fikir mereka itu tidak akan mendengar.

Akan tetapi saya penuh yakin bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan juga Menteri Luar kita telah berucap di UN, telah berucap di OIC, telah pergi sendiri melalui organisasi kita ke Palestin untuk memberi pertolongan. Saya fikir kita telah membuat apa yang sepatutnya untuk mendapat kejayaan. Apa pendapat Yang Berhormat? Apa lagi yang kita kena buat kerana pihak Israel ini, UN membuat resolusi pun mereka tidak dengar.

Mereka akan juga terus pergi ke Gaza membina rumah-rumah haram di kawasan Gaza. Apa pendapat Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu pandangan yang baik. Sebenarnya apa yang telah dibuat oleh pemimpin negara kita saya ucap tahniah dan syabas kerana telah menjalankan tugas. Walau bagaimanapun, hal ini kita perlu teruskan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan saya setuju mengikut kemampuan yang boleh kita buat.

■1850

Antara salah satu kemampuan yang perlu kita lakukan ialah apa yang telah disarankan oleh pihak organisasi Islam antarabangsa ialah memulau barangan Israel. Ini tidak perlu kepada peperangan. Sebagaimana saya melihat di Mesir dulu dan juga di Saudi, apabila timbul masalah karikatur itu, mereka telah memulaukan barangan daripada negeri tersebut sehingga tidak ada langsung dan memberi satu tamparan yang hebat di dalam pemulauan dan tidak perlu melakukan persenjataan tetapi dengan kuasa beli. Setahu saya Malaysia merupakan sebuah negara yang tidak ada hubungan diplomatik dengan Israel dan malah rakyatnya kalau pergi ke Israel pun lucut kerakyatan. Kalau saya salah, betulkan dan kalau dalam pasport kita, salah satu negara yang tidak dibenarkan ialah Israel. Jadi, kalau kita tidak ada hubungan diplomatik, begitulah juga hal-hal lain maka sudah pasti barang-barang yang datang dari Israel itu tak sampai ke negara kita...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Pohon mencelah, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dato' Johari dengan jelas menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia tidak mempunyai hubungan secara langsung ataupun tidak langsung dengan Kerajaan Israel tetapi apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya ada warganegara kita atau rakyat Malaysia yang bersungguh-sungguh untuk mempertahankan keselamatan Israel. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa *stand* kita sudah jelas. Maknanya kita tidak ada diplomatik dengan Israel, itu satu keputusan negara. Jadi kalau ada individu itu, saya pun tak tahulah. Saya tidak tahu dan cuma saya ingin meminta daripada pihak kementerian supaya menafikan satu berita yang saya baca di mana Malaysia mempunyai hubungan dagang dengan Israel. Saya tidak dapat perkara ini dalam MITI, MITI pun tak ada dan kalau ini tidak benar, ia adalah semata-mata untuk memburukkan Kerajaan Malaysia. Dalam eksportnya, dalam importnya. Jadi saya minta pihak kementerian supaya menafikan perkara ini. Bagi saya, saya tengok di sini ialah mereka mengatakan import berada di dalam senarai negara yang ke-25 dan eksport dalam rangkaian ke-11. Jadi saya rasa kalau ini sengaja diadakan, saya minta kerajaan membuat penafian kerana kita tidak ada hubungan diplomatik dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin pergi kepada apa yang selalu disebut di dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan berhubung dengan hudud. Sebenarnya saya ingin membetulkan terminologi yang digunakan. Yang diluluskan di Kelantan itu bukan namanya hukum hudud, yang sebenarnya ialah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Itu yang betul. Tidak ada nama hukum hudud dalam bahasanya yang tepat. Kerana itu saya ingin menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, kita orang-orang yang diberi tanggungjawab supaya membetulkan istilah dan jangan kita terikut dengan orang-orang di luar yang mungkin ambil mudah. Dia apabila terminologi itu salah, maka kefahaman pun juga akan salah.

Jadi dalam hubungan ini, saya ingin menjelaskan bahawa pelaksanaan syariat Islam di dalam kehidupan umat Islam adalah suatu tuntutan dan Islam itu datang satu pakej. Kalau kita buka kitab Fikah, di bahagi empat bahagian. *Babul* ibadah atau bab ibadah, *babul* muamalat iaitu bab urusan perniagaan, *babul* munakahat iaitu bab kahwin dan kekeluargaan, yang keempat ialah *babul* jenayah. Itu empat bahagian yang ada di dalam syariat Islam.

Jadi dalam hubungan ini, kita tengok hukum syariat Islam berada di bahagian keempat dan bahagian kelima setengah kitab disebut *babul syiar wal jihad* iaitu hubungan antarabangsa. Dalam hubungan ini, pelaksanaan syariat Islam di dalam masyarakat kita di Malaysia sejak daripada Melaka lagi menganjak ke Johor, pergi ke Terengganu, pergi ke Kedah, ke Pahang, ke Kelantan dan semua negeri dan ia telah dilaksanakan di dalam masyarakat kita mengikut situasi yang ada.

Dalam hubungan ini di Kelantan khususnya semasa Sultan Muhammad Ke-II yang mangkat pada 1886, syariat Islam telah dilaksanakan. Begitulah juga semasa Sultan Muhammad Ke-III yang memerintah Kelantan pada 1890 sehingga 1891 iaitu satu tahun sahaja, baginda telah menguatkuasakan undang-undang syarak dalam acara guaman sama ada jenayah ataupun Mal. Begitulah juga pelaksanaan syariat mencapai kemuncak pada masa pemerintahan Sultan Mansur iaitu daripada 1891 sehingga 1900 di mana diperkenalkan hukum qisas, hukum hudud dan hukum takzir.

Kemudian sebuah mahkamah telah ditubuhkan yang dinamakan Mahkamah Negeri Kelantan pada zaman Baginda dan Syed Muhammad bin Syed Ali ibni Syed Yahya telah dilantik sebagai hakim. Saya menyebutkan ini saya merujuk kepada buku MAIK (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan): *Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Pentadbiran di Kelantan Sehingga 1990*. Dalam buku ini yang ditulis oleh Abdul Razak Mahmud dan dikeluarkan oleh Dewan Bahasa semasa Yang Berhormat Dato' Firdaus menjadi Ketua Pengarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, kerana itu saya ingin menyatakan hudud, istilah itu adalah terkandung dalam sebahagian daripada enakmen tadi. Enakmen tadi disebut undang-undang qisas, hudud dan takzir. Kerana itulah kita melihat Kanun Jenayah Syariah II ini mengandungi 72 seksyen dan lima jadual dan saya tidak bercadang untuk menyebutkan satu persatu. Enakmen ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan dipersetujui oleh semua Ahli Dewan pada ketika itu tanpa mengira parti dan fahaman. Ini kerana mereka memahami ini adalah tuntutan agama yang difardukan kepada siapa yang memerintah tanpa mengira apa parti yang dia ikuti.

Ini adalah tugas agama. Kerana itulah enakmen ini hanya berlaku untuk negeri Kelantan kerana dia dibuat oleh negeri dan tak boleh dilaksanakan di negeri-negeri lain dan begitulah juga dia hanya berlaku kepada orang-orang Islam sahaja. Kerana itu orang bukan Islam tidak perlu bimbang Enakmen Jenayah Syariah II ini kerana ia tidak menyangkut paut dengan orang-orang bukan Islam. Ia hanya terbatas kepada orang Islam sahaja dan di negeri Kelantan sahaja. Dalam melaksanakan hal ini, Kerajaan Negeri Kelantan tidak mampu untuk berbuat kecuali dengan bantuan Kerajaan Persekutuan kerana kita lihat ada hal-hal yang tidak boleh dilaksanakan seperti mengadakan penjara, mengadakan polis dan sebagainya.

■1900

Ini adalah hak Kerajaan Persekutuan, kerana itu dalam perlembagaan, kita telah diberi. Ini hak Kerajaan Persekutuan, ini hak kerajaan negeri dan ini hak yang bersama. Jadi sekiranya ada permohonan daripada kerajaan negeri untuk diberi bantuan, maka pihak Kerajaan Persekutuan sepatutnya memberi tanggungjawab yang sama.

Oleh sebab itu saya ingin menyebut di sini supaya tidak ada salah faham di kalangan kita sebab kadang-kadang saya melihat dalam akhbar dan bila bercakap, apabila dekat pilihan raya, hal ini ditimbulkan. Siapa yang menimbulkan? Itu saya pun tidak tahu tetapi saya bercakap sebagai ilmiah. Hal ini adalah hal yang bersangkutan dengan kehidupan yang perlu dilaksanakan di dalam kehidupan mengikut kemampuan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, kemampuan ini mengikut- dia kena cuba. Ada seorang kawan saya semasa saya berkhidmat di Universiti Malaya dahulu dia hendak kahwin. Apabila dia hendak kahwin, dia tahu saya hendak pergi buat umrah di Mekah. Dia kata *"Ustaz, tolong beli minyak dhob"*. Saya tanya hendak buat apa*? "Dia kata saya tidak yakin saya boleh kahwin kalau tidak guna minyak dhob"*. Saya kata kepada dia, saya pun angguk-angguk begitu sahajalah.

Apabila balik dia pergi berjumpa. Mana ustaz? Saya kata saya tidak beli pun dan saya tidak akan beli. Ini kerana mana tahu awak tidak mampu? Awak tidak kahwin lagi. Kena kahwin dahulu baru tahu awak mampu atau tidak mampu. Apabila dia kahwin, dia jumpa saya selepas lama juga. Dia kata sebenarnya tidak perlu minyak dhob kerana saya mampu. Saya kata kena cuba dahulu. Kalau hendak tahu mampu atau tidak mampu, kena cuba kahwin dahulu. Jadi apabila dia kahwin, dia tahu dia tidak perlu kepada pertolongan minyak dhob tadi.

Oleh kerana itu Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, ada sahabat kita yang mengatakan kita belum mampu. Saya rasa mampu ini kena cuba.

Kalau tidak cuba tidak tahu mampu atau tidak mampu. Samalah dengan orang kahwin tadi. Dapat berderet anaknya nanti.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan. Ini saya pun keluar tadi sekejap tetapi apabila Yang Berhormat bangkitkan soal undang-undang ini, mampu tidak mampu ini. Berhubung dengan undang-undang, baru-baru ini seperti yang kita tahu, undang-undang Majlis Daerah Kota Bharu tidak membenarkan seorang bukan Islam perempuan, memotong rambut seorang lelaki bukan Islam. Kepada orang-orang yang bukan Islam, bercampuran di antara orang lelaki dan orang perempuan berlainan daripada orang Islam oleh sebab undang-undang khalwat dan sebagainya. Jadi, tadi Yang Berhormat kata undang-undang hudud ini ialah untuk orang Islam sahaja dan bukannya untuk orang-orang bukan Islam.

Jadi, tidakkah ini bercanggah dengan peraturan yang telah dibuat oleh majlis perbandaran. Mengapakah tidak Majlis Perbandaran Kota Bharu buat undang-undang supaya tidak apalah, orang Islam lelaki gunting rambut orang lelaki. Orang perempuan gunting rambut orang lelaki walaupun Islam dan tidak Islam kerana itu salah dari segi cara hudud kita. Jadi, kenapakah kalaulah undang-undang itu berlainan dan tidak ada kena mengena dengan orang Islam, kenapakah undang-undang itu dibuat di Kota Bharu di bawah pemerintahan seorang ustazlah? Minta maaflah tanya ini.

Minta pendapat dan macam mana kita hendak mengatasi masalah ini supaya tidak menjadi masalah di antara orang Islam dan orang bukan Islam sehinggakan si pemotong rambut terpaksa pergi ke Johor untuk membuat perniagaan ini. Bukankah ini menjadi masalah kepada mereka yang juga warganegara Malaysia tetapi terpaksa berpindah ke Johor. Dia suka makan budu di Kelantan tetapi sebab tidak dapat berniaga di sana, terpaksa pergi Johor. Terima kasih. Apa pendapat Yang Berhormat dalam hal ini?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim kita. Sebenarnya gunting rambut ini tidak termasuk bab undang-undang hudud. Itu undang-undang majlis tempatan sahaja. Jadi saya pun sebut tadi terminologinya bukan undang-undang hudud iaitu Enakmen Jenayah Syariah II.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi, Yang Berhormat?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh saya tambah sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ada sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sikit lagi. Berapa sikit agaknya?... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Kalau hendak kira banyak itu, mungkin tidak kurang sepuluh minit.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lebih daripada lima minit.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lebih daripada lima minit.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Saya mohon untuk tambah sikit berkenaan dengan peraturan kedai gunting rambut itu. Sebenarnya, peraturan itu diwujudkan, situasi hari ini kita perlu faham kenapa peraturan itu diwujudkan sekitar tahun 1990-an dahulu. Sewaktu Kerajaan PAS mengambil alih pemerintahan pada tahun 1990, didapati di kedai-kedai gunting rambut, di sebalik aktiviti kedai gunting rambut, berlaku aktiviti pelacuran dan juga aktiviti GRO secara berleluasa.

Jadi pada masa itu, bagi mengelakkan aktiviti ini berlaku di kedai-kedai gunting rambut, maka kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengasingkan kedai gunting rambut *unisex salon*. Untuk lelaki, hanya untuk lelaki dan perempuan hanya untuk perempuan. Maknanya perempuan tidak boleh menggunting rambut lelaki dan lelaki tidak boleh menggunting rambut perempuan.

Bagi memudahkan penguatkuasaan dan kita faham situasi pelacuran dan kegiatan ini *apply*. Maknanya orang Islam pun tidak boleh, bukan Islam pun tidak boleh. Maka bagi kedua-dua sekali. Cumanya keadaan itu, peraturan itu masih lagi berterusan sehingga sekarang.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta maaf. Saya yang sebenarnya minta penjelasan daripada pembahas tadi, Yang Berhormat Dato' Johari. Akan tetapi terima kasihlah atas jawapan. Namun, oleh sebab nila setitik, rosak susu sebelanga. Kalaulah masalah itu didapati di satu-satu tempat pelacur dan sebagainya, orang itulah yang kita ambil tindakan.

Bukanlah tempat-tempat yang perniagaan biasa yang setahu sayalah saya tidak pernah gunting rambut di Kota Bharu pun. Akan tetapi saya fikir itu bukan tindakan yang sepatutnya diambil sebab kita kena *respect* kedudukan orang-orang bukan Islam. Itu adalah semangat kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Saya teruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin jelaskan bahawa dalam Enakmen Jenayah Syariah ini hukum qisas ialah hukum yang bersabit dengan pembunuhan. Maknanya mana-mana orang yang membunuh orang, kalau disabit dengan kesalahan, dia akan dihukum bunuh atau dihukum mati. Sama juga dengan kes yang telah berlaku dalam masyarakat kita. Cuma bezanya dalam kes-kes qisas ini, dia diberi hak kepada *waliul amri*. Kepada keluarga yang terbunuh sama adakah dia hendak langsung supaya dibunuh balas orang yang membunuh keluarganya atau dia boleh menerima dibayar pampasan atau dimaafkan. Itu berbeza di situ.

Ada pun hukum hudud- Hudud ini sebenarnya hanya ada enam perkara sahaja. Tidak banyak, yang orang riuh-riuh itu, sebenarnya ada enam sahaja Tuan Yang di-Pertua iaitu kesalahan yang berhubung dengan curi, rompak, zina, menuduh orang berzina tanpa membawa empat saksi, minum arak atau memabukkan dan juga riddah. Ada enam sahaja. Jadi enam perkara ini sahaja yang disebut dan digembar-gemburkan besar sangat itu.

Oleh kerana itulah bagi saya apabila perkara ini tidak– satu lagi ialah takzir. Takzir itu ialah suatu hukuman yang diputuskan oleh mahkamah yang berdasarkan peraturan yang tidak termasuk dalam hukum qisas dan hukum takzir.

■1910

Semua itu merupakan pengawalan kepada masyarakat yang kita pun juga kita lihat di sini pihak Perdana Menteri kata menyejahterakan rakyat. Menyejahterakan rakyat ini bukan sekadar kita ingin memberi kebaikan kepada mereka dari segi kewangan tetapi juga menjaga keamanan. Hukum syariat ini sebenarnya ia adalah merupakan satu tuntutan yang telah diminta oleh Allah kepada siapa yang memerintah dan orang yang melakukannya adalah termasuk dalam *ubudiyah* kepada Allah dan kerana itu orang yang melakukannya melaksanakannya.

Oleh kerana itu saya menyeru dalam Dewan yang mulia ini supaya semua kita sebagai seorang Muslim memahami dan begitulah juga orang yang bukan Islam memahami keadaan-keadaan ini supaya kita aman, tenteram dan damai...

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

7.11 mlm.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merafakkan sembah dan menjunjung kasih ke sisi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas perkenan Baginda membolehkan saya dilantik sebagai salah seorang Ahli di Dewan yang mulia ini bagi mewakili masyarakat Orang Asli di negara ini.

Di kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib kerana telah menamakan saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal yang kedua bagi mewakili masyarakat Orang Asli.

Di atas kepercayaan ini saya yakin bahawa masyarakat Orang Asli di negara ini akan terus menjadi *fixed deposit* kepada Barisan Nasional, *insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perbahasan bajet pada hari ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah membentangkan sebuah bajet yang sungguh-sungguh bertanggungjawab, yang meliputi keseluruhan masyarakat yang ada di negara kita, yang mana perbelanjaan yang dibuat itu adalah berdasarkan kemampuan yang kita ada. Dianggarkan RM251.6 bilion yang bersandarkan kepada pendapatan kita RM208.6 bilion.

Walaupun bajet ini adalah satu bajet defisit tetapi ianya adalah di dalam lingkungan 4 peratus iaitu tidak semacam bajet pembangkang kalau kita kira betul-betul menghampiri 9 peratus seperti yang dikeluarkan angkanya oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Defisit 4 peratus ini adalah sesuatu yang tidak boleh merosakkan ekonomi kita adalah berada di dalam keadaan lingkungan yang masih boleh kita kawal lagi. Ianya adalah lebih baik kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Eropah yang waktu sekarang ini bajet di negara-negara maju ini defisitnya melebihi daripada 10 peratus dan ini adalah satu bajet yang sangat tidak baik kepada negara.

Jadi, negara kita tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana merangka satu bajet yang masih berada di dalam kawalan kita. Di dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa beliau begitu yakin menjelang beberapa tahun yang akan datang, kita akan mewujudkan satu bajet yang *surplus*. Defisit bajet ini juga Tuan Yang di-Pertua kalau kita meliliti secara lebih detil, secara lebih halus berlaku adalah disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan yang berjumlah sebanyak RM49.7 bilion.

Di dalam bajet yang diunjurkan sebanyak RM251.6 bilion itu, RM201.9 bilion itu adalah anggaran bajet mengurus kalau kita bandingkan dengan anggaran pendapatan yang berjumlah RM208.6 bilion. Jadi bermaknanya kita ada *surplus* dari segi kalau kita bandingkan dengan perbelanjaan mengurus kita dengan anggaran pendapatan yang kita akan peroleh. Ini bermakna bahawa defisit itu berlaku adalah disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan kita. Perbelanjaan pembangunan mesti kita buat kerana ini adalah pra syarat kepada penjanaan ekonomi negara. Macam kita berniaga, kalau kita tidak berani meminjam dengan bank, sudah pasti kita tidak boleh membesarkan perniagaan kita.

Jadi oleh sebab itu kita tidak perlu bimbang kalau kerajaan berbelanja atau meminjam untuk pembangunan kerana pembangunan itu akan menjana balik kekayaan negara kita. Jadi ini jangan kita rasa susah hati, jangan kita rasa bimbang dan juga negara kita mempunyai rekod yang baik di dalam soal membayar balik hutang. Jadi kita tidak perlu bimbang dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada pihak-pihak yang mendakwa bahawa hutang negara adalah satu elemen yang membebankan rakyat. Ini adalah jelas bahawa satu dakwaan yang sangat-sangat tidak berasas seperti perangkaan-perangkaan yang telah saya terangkan tadi kerana perbelanjaan perlu dibuat untuk menjana kekayaan negara kita. Jadi kalau kita tidak berbelanja, tidak mungkin kita boleh mendapat keuntungan atau menjana kekayaan negara kita.

Dengan sebab itu, perbelanjaan pembangunan adalah perlu dan ianya harus dibelanjakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, menghapuskan kemiskinan, membangunkan modal insan, mewujudkan rakyat yang berkemahiran tinggi dan berinovasi yang akhirnya semua ini adalah akan menjana kekayaan negara kita, kerana hari ini untuk menjana kekayaan bukan bermakna kita boleh. Bill Gates misalannya dia boleh menjana kekayaan dia adalah berdasarkan ilmu dan kemahiran yang dia ada. Jadi inilah sebenarnya yang ingin dilihat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan inilah yang sebenarnya yang mahu dilahirkan supaya rakyat di negara ini berilmu, berinovasi dan berkemahiran tinggi. Inilah sebenarnya yang dinamakan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat di dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya di dalam belanjawan pembangunan telah diperuntukkan sebanyak RM5.8 bilion adalah untuk pertanian.

Jadi di dalam bidang pertanian ini kita tahu terdiri daripada masyarakat yang rata-ratanya duduk di luar bandar, dari segi pendapatannya kalau kita bandingkan dengan orang yang berada di bandar adalah lebih rendah.

■1920

Jadi ini saya kira sudah pasti, patut dan saya kira semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini sangat bersetuju kalau kita katakan bahawa bajet RM5.8 bilion yang diperuntukkan untuk sektor pertanian ini sangat penting. Dari segi pecahan itu, RM432 juta adalah diperuntukkan untuk tanam semula kelapa sawit. Kelapa sawit ini kita tahu adalah satu komoditi yang sangat penting kepada negara kita yang menyumbangkan berbilion ringgit pendapatan kepada negara kita dan ramai peneroka FELDA yang sudah pastinya akan menikmati satu kehidupan yang lebih baik. Oleh sebab itu, di dalam Dewan yang mulia ini juga saya ingin menyeru kepada sahabat-sahabat, kawan-kawan yang berada di rancangan FELDA...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Memandangkan harga kelapa sawit sekarang agak rendah, jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang harga kelapa sawit ini? Ini kerana harga rendah ini menjejaskan pendapatan seseorang petani yang mana ini akan menjejaskan taraf hidup mereka. Terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya telah bertanyakan soalan itu kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Jawapannya adalah kerana harga kelapa sawit adalah tertakluk kepada pasaran dunia dan juga pasaran dunia ini kita tidak boleh kawal. Saya bertanya kerana harga kelapa sawit dalam bulan Oktober baru ini dia begitu jatuh sehingga lebih daripada RM200 satu tan. Saya bertanya dengan kawan-kawan di MPOB apakah sebabnya ini berlaku, kenapa berlaku. Ini berlaku kerana ada di antara pembeli-pembeli ataupun dengan izin, *refinery* di dalam negara kita berpindah ke Indonesia untuk membeli minyak di Indonesia.

Jadi oleh sebab itu saya hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu saya masih ingat lagi kerajaan mewujudkan skim untuk menstabilkan harga kelapa sawit apabila dia terlampau jatuh, akan menggunakan peruntukan ini untuk menstabilkan balik harga. Kerajaan kena melihat balik dari segi rejim percukaian yang dikenakan kepada minyak kelapa sawit. Terima kasih Yang Berhormat.

Daripada jumlah RM5.8 bilion tadi adalah termasuk insentif hasil padi sebanyak RM80 juta, insentif hasil pengeluaran padi sebanyak RM563 juta, subsidi beras sebanyak RM528 juta, subsidi benih sebanyak RM850 juta. Jadi ini jelas bahawa adalah usaha-usaha kerajaan khususnya Kerajaan Barisan Nasional untuk meningkatkan lagi pengeluaran di dalam sektor pertanian. Ini kerana kita tahu pada setiap tahun kita mengimport bahan-bahan pertanian daripada negara-negara luar, dari Thailand, dari Indonesia, lebih daripada RM10 bilion. Jadi ini adalah usaha-usaha yang sepatutnya boleh menggalakkan dan meningkatkan lagi sektor pertanian di negara kita dengan beberapa inisiatif yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada Kedai Rakyat 1Malaysia. Saya berpendapat bahawa memang Kedai Rakyat 1Malaysia ini mendapat sambutan dari kalangan rakyat negara kita. Jadi yang menjadi persoalannya, kenapakah harga di Kedai Rakyat 1Malaysia boleh lebih murah berbanding dengan *supermarket*? Jadi ini persoalan dia. Apakah kilang yang mengeluarkan barang-barang di Kedai Rakyat 1Malaysia ini adalah kilang yang berlainan dengan kilang yang menjual barang di Tesco, Jusco dan sebagainya? Jadi kalau harga di KR1M boleh kita turunkan, apa salahnya kalau di seluruh negara boleh diturunkan harga? Jadi tidak perlu kita buat Kedai Rakyat 1Malaysia. Seluruh negara sudah jadi Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi ini sebenarnya di dalam keadaan tekanan inflasi, tekanan harga barang yang tinggi, kerajaan perlu ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya pihak polis. Sejak akhir-akhir ini pelbagai tohmahan telah dilemparkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bahawa pihak polis mengambil tindakan yang tidak betul, menangkap orang semberono. Jadi, kita perlu melihat kepada isu yang sebenarnya. Saya sangat mengalu-alukan pengumuman daripada pihak polis bahawa keseluruhan indeks jenayah di negara kita telah berjaya diturunkan. Jadi kalau indeks dia boleh menurun, kenapakah masih ada lagi pihak-pihak yang membuat tohmahan yang tidak bertanggungjawab kepada pihak polis yang mengatakan bahawa pihak polis tidak melaksanakan tanggungjawab, tidak melaksanakan peranan dengan lebih berkesan? Jadi dalam soal ini, saya kira kita ahli-ahli di Dewan Negara ini harus memberi sokongan kepada pihak polis untuk mencari satu jalan penyelesaian di dalam menangani jenayah-jenayah ini secara holistik.

Juga saya ingin mencadangkan kepada polis supaya menambah lagi pengambilan-pengambilan anggota dia, dan anggota-anggota yang hendak diambil itu biarlah menggambarkan kepelbagaian rakyat di negara kita ini. Saya yakin kalau adanya kepelbagaian rakyat, kaum di dalam pasukan polis itu, maka sudah pasti tohmahan-tohmahan yang dilemparkan kepada pihak polis ini dengan sendirinya akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini juga, selaku wakil kepada masyarakat Orang Asli kalau tidak cakap pasal Orang Asli nanti Orang Asli di luar sana marah. Baru-baru ini saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak polis dan saya pun pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bawah pasukan Senoi Praaq perlu diperkasakan dan diperkuatkan lagi kerana pasukan ini telah pernah bersama-sama dengan lain-lain pasukan keselamatan di dalam membantu memerangi musuh-musuh negara. Jadi terima kasih kepada pihak polis kerana telah dan sedang sekarang ini membuat pengambilan baru untuk menambah anggota di dalam pasukan Senoi Praaq.

Dalam soal ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pertahanan supaya boleh melihat belia-belia Orang Asli yang tidak ada kerja yang ada kelulusan dan sebagainya supaya boleh kita sama-sama latih dia orang menjadi askar, dan dalam masa yang sama, kita akan dapat membantu mereka untuk meningkatkan sosial ekonomi dia orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih kepada AES yang telah banyak diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini.

■1930

Jadi, saya kira ini sebenarnya persepsi dan sehingga kita melihat baru-baru ini di dalam laporan media ataupun TV ada vandalisme dengan izin, yang menyembur cat merah kepada kamera. Kamera itu tidak ada masalahnya. Kenapa boleh berlaku perkara-perkara yang macam itu? Saya rasa kalau kita tidak melakukan kesalahan ataupun kita takut untuk kena saman, tidak perlulah kita pandu laju-laju. Kalau had lajunya 110 kilometer kita pandulah 110 kilometer. Ini telah terbukti bahawa sistem ini telah berjaya mengurangkan kemalangan jalan raya di negara-negara maju. Jadi negara kita ini kalau disebutkan perangkaannya baru-baru ini begitu merunsingkan kita. Jumlah kematian, jumlah maut disebabkan oleh jalan raya tahun demi tahun telah meningkat.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya bangkitkan di sini rungutan yang saya terima daripada masyarakat di bawah sana adalah berkenaan dengan kompaun. Kompaun ataupun denda yang perlu dibayar oleh pesalah-pesalah jalan raya ini terutamanya had laju tanpa mengira had laju. Kalau had laju 110, dia memandu 120 pun dendanya RM300. Dia pandu 200 kilometer satu jam pun dendanya pun RM300. Jadi ini...

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Boleh, boleh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai AES ini. Baru-baru ini kita terbaca Kerajaan Negeri Selangor, dia tidak sokong AES ini dan dia hendak batalkan dua kamera AES ini. Saya hendak tanya dengan Menteri Besar Selangor. Kita ini kan untuk rakyat. Jadi, hendak tolong bab air pun dia tidak hendak, sekarang AES ini pun dia hendak batalkan yang dua itu. Seolah-olah dia suka rakyat dia mati banyak kah? Itu saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Sebenarnya Yang Berhormat Puan Hajah Noriah sudah jawab sendiri. Rasanya begitulah. Saya pun terfikir begitu juga. Memang dia tidak suka rakyat dia ramai. Oleh sebab itu dia tidak suka kepada satu sistem yang begitu baik untuk mendisiplinkan rakyat. Jadi, ini sebenarnya kerja pembangkang. Kita tidak usah peliklah. Pembangkang ini, apa juga yang dibuat oleh kerajaan untuk kebaikan semua rakyat dia kata itu pun tidak baik. Jadi itu memang kerja dia. Bagi saya pihak kerajaan, kita tidak usah bimbanglah. Apa yang kita rasa baik dan memberi manfaat kepada rakyat kita, kita teruskan kerana akhirnya nanti kalau kita tidak buat berlaku sesuatu yang tidak baik kepada rakyat kita, dia kata *"ini salah kerajaan. Kenapa tidak buat sistem ini dahulu?"* Jadi begitu. Oleh itu lebih baik kita buat.

Dalam soal kompaun Tuan Yang di-Pertua, saya pun kadang-kadang berasa agak hairan. Orang yang bayar lebih awal ataupun mengikuti waktu dia kena denda, dia kena kompaun kesalahan trafik dan sebagainya dia terus pergi bayar, yang lewat-lewat membayar ini diberi diskaun. Hal ini saya kira kerajaan kena tegas. Patutnya yang bayar awal ini kita beri diskaun. Ini yang bayar lewat kita beri diskaun. Ini sudah terbalik, yang bayar awal itu beri diskaun. Barulah orang berebut-rebut hendak bayar dengan cepat... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perumahan. Di lembah Klang ini untuk orang yang baru bekerja kalau di sektor kerajaan gajinya lebih kurang kalau yang keluar universiti saya ingat menghampiri RM2,500 hampir RM3,000. Jadi kalau RM3,000 pun saya ingat untuk memiliki rumah di Lembah Klang ini begitu sukar. Program PR1MA saya ingat tidak mungkin kerajaan boleh menyediakannya sampai bila-bila. Jadi oleh sebab itu soal pembangunan itu sebenarnya adalah berkait rapat dengan soal pembangunan.

Jadi pembangunan yang berlaku ini jangan kita tumpukan semuanya di Lembah Klang. Sudah kita tumpu semua pembangunan di Lembah Klang sebenarnya yang ini kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pihak pembangkang. Kita pergilah ke Pahang, Terengganu, di Melaka. Jangan tumpukan semua pembangunan di Lembah Klang ini. Jadi kalau pembangunan tidak ditumpukan di satu tempat, sudah pasti...

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, Yang Berhormat sedikit. Kerajaan Selangor berapa lama lagi? Sampai pilihan raya, lepas itu kita angkat balik. Apa susah? Lagi bangunan kita boleh taruk lebih-lebih... *[Ketawa]* Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan. Memang saya amat yakin bahawa negeri Selangor yang ditadbir oleh PKR sekarang ini akan diambil balik oleh Barisan Nasional... *[Tepuk]*

Masyarakat India di bawah parti Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan 100 peratus akan berikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kita yakin. Terima kasih Yang Berhormat. Akan tetapi soalnya Yang Berhormat, kalaulah kita memerintah sendiri pun di Kuala Lumpur, di Selangor, kalau harga rumah itu tidak mampu juga dimiliki oleh rakyat kita akhirnya dia akan pusing balik kepada pembangkang juga. Jadi lebih baik kita buat satu perancangan ataupun satu pembangunan yang membolehkan kita berkuasa sampai bila-bila.

Jadi pembangunan itu jangan kita tumpukan kepada satu tempat. Kita agih kepada tempat. Bawa ke Raub, Bentong, Johor dan bandar raya yang satu-satunya dikuasai oleh Barisan Nasional adalah Johor Bahru. Jadi, biar pembangunan lebih adil. Ada yang hendak bawa ke Sarawak, Kuching dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada kos rawatan di hospital swasta khususnya. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan hari itu di dalam Dewan ini tetapi saya berasa tidak puas hati dengan soalan yang dibangkitkan itu. Jadi oleh sebab itu saya minta pegawai-pegawai kementerian yang ada hari ini supaya catat, berikan satu jawapan yang betul-betul meyakinkan kita dan meyakinkan rakyat kita.

Kadang-kadang berlaku kes ini disebabkan pesakit yang datang ke hospital swasta ini kerana dia ada insurans. Jadi ini yang berlaku. Dalam soal dia ada insurans, pihak hospital swasta ini pun kadang-kadang dia memohon untuk kita bayar pendahuluan 10 peratus ataupun 20 peratus untuk membolehkan rawatan dibuat. Jadi, yang ini pihak Kementerian Kesihatan kena lihat. Saya kira tadi telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kepakaran di hospital-hospital kerajaan memang tidak mencukupi.

Jadi apa salahnya kalau kepakaran yang ada di hospital swasta itu kita bawa ke hospital-hospital kerajaan kerana hospital-hospital kerajaan kita mengetahui dan kita maklum bahawa mempunyai peralatan yang lebih baik kalau dibandingkan dengan hospital swasta.

■1940

Jadi kepakaran ini bawa ke hospital kerajaan. Jadi mungkin kos rawatannya itu lebih murah lagi kalau dibandingkan dengan buat rawatan di hospital swasta, di Gleneagles dan sebagainya. Jadi kepakaran itu bawa. Mana-mana pesakit ataupun yang berkehendakkan kepakaran hospital swasta, boleh dibawa. Saya pernah berbincang dengan beberapa orang doktor di Gleneagles, kebetulan ini kerana kawan saya Tuan Yang di-Pertua, dia kata, ini sebenarnya sesuatu yang boleh dilakukan. Kepakaran di hospital swasta boleh dibawa ke hospital kerajaan dengan bilik bedah dan sebagainya, *room theater* dengan izin, boleh digunakan di hospital-hospital kerajaan. Dengan ini boleh menurunkan kos-kos rawatan. Hanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, panjang sangat lagi ini. Akan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua minta saya gulung, saya gulunglah sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Dua minit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam soal dua minit ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut bahawa sejak akhir-akhir ini beberapa NGO telah masuk ke perkampungan-perkampungan Orang Asli meracuni fikiran masyarakat Orang Asli.

Saya menyeru masyarakat saya Orang Asli di luar sana jangan dengar cakap dia orang ini. Dia orang ini tidak ada kerja lain, dia cucuk orang sahaja. Ya, cucuk orang. Sedangkan hari ini di bawah Kerajaan Barisan Nasional khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pertamanya, kerajaan telah melancarkan Pelan Strategik Kemajuan Orang-orang Asli yang tidak pernah ada di dalam sejarah Orang Asli di negara ini, diwujudkan satu pelan strategik, satu perancangan pembangunan yang begitu holistik, yang begitu komprehensif.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga telah dilancarkan Pelan Transformasi Pendidikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran untuk memperkasakan pendidikan atau pelajaran di kalangan anak-anak Orang Asli. Jadi tak usah dengarlah cakap-cakap NGO-NGO di luar ini yang khususnya pembangkang yang kerjanya tidak ada kerja lain, kerja dia cucuk. Dia kata, kerajaan tidak bantu Orang Asli dan sebagainya. Akan tetapi dia satu benda pun dia tak bantu. Kerajaan Negeri Selangor sampai hari ini, satu kaki tanah di Selangor pun tidak diwartakan.

Dalam soal ini saya hendak ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak yang baru-baru ini telah mewartakan lebih daripada 11,000 hektar penempatan Orang Asli... *[Tepuk]* termasuk Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Pahang. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang di dalam ucapan belanjawan negeri yang juga tidak pernah di dalam sejarah belanjawan negeri Pahang yang secara *detail*nya telah menggariskan satu perancangan untuk hendak bangunkan Masyarakat Orang Asli negeri Pahang. Jadi tak usahlah Orang Asli pergi tunjuk perasaan di mana-mana. Ini tidak ada kerja lain, dia orang kerja dia suruh Orang Asli tunjuk perasaan.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya di Tasik Chini saya sudah selesaikan masalah orang-orang di Tasik Chini. Tiba-tiba, dua, tiga hari selepas itu, ada NGO jaringan-jaringan ini masuk ke sana, dia kumpul, dia bawanya Orang Asli ke Kelana Jaya tunjuk perasaan. Jadi ada pemberita tanya saya, dia kata Orang Asli sewa bas pergi ke Kelana Jaya. Saya tanya balik pemberita ini, *"You percayakah bahawa Orang Asli ini sanggup untuk menyewa bas untuk pergi ke Kelana Jaya?".* Ini tidak mungkin berlaku.

Orang-orang Asli tidak akan sewa bas untuk pergi ke Kelana Jaya untuk pergi tunjuk perasaan. Apa jadahnya dia hendak pergi tunjuk perasaan dekat Kelana Jaya, tengah panas terik dan sebagainya? Jadi ini semua tidak betul.

Jadi, sebenarnya banyak lagi yang hendak dibangkitkan ini, tetapi tidak apalah. Jadi bagi akhirnya, saya mohon menyokong Bajet 2013. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

7.45 mlm.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang sama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013.

Tuan Yang di-Pertua, memetik kepada ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri pada pembentangan yang lepas berbunyi, *"Kerajaan ini adalah dengan rakyat, dari rakyat, untuk rakyat, kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat",* telah menjadikan objektif yang tertinggi. Kita telah dengar ramai kawan-kawan daripada Dewan ini yang telah banyak menyentuh pelbagai aspek. Walau macam mana pun saya hendak sentuh beberapa fokus saya, yang pertama iaitu ke arah merangsang aktiviti pelaburan.

Pertumbuhan ekonomi negara akan terus dipacu oleh pelaburan langsung asing dan juga domestik. Dalam tempoh separuh pertama untuk 2012, pelaburan swasta telah pun meningkat kepada RM75.3 bilion berbanding RM59.8 bilion bagi tempoh yang sama untuk tahun 2011. Trend ini dijangka berterusan dalam tahun 2013 dengan pelaburan swasta dijangka meningkat kepada RM148.4 bilion. Kerajaan akan terus memperhebatkan pelaksanaan 12 bidang utama ekonomi negara, NKEA. Sejumlah RM3 bilion diperuntukkan bagi pelaksanaan projek permulaan bagi tahun 2013.

Ini termasuklah RM1.5 bilion bagi projek pertanian seperti kelapa sawit, getah, herba bernilai tinggi dan juga padi. Jumlah ini amat dialu-alukan memandangkan bahawa barangan komoditi ini memerlukan satu sokongan dan perancangan teliti bagi membolehkan para *stakeholders* khasnya petani untuk mendapat manfaat darinya terutama dari segi kestabilan harga.

Selain dari itu juga dimohon supaya kerajaan dapat mempertimbangkan penubuhan Lembaga Herba Bernilai Tinggi. Buat masa ini tiada lagi satu badan khas yang dapat merancang dan memacu industri herba negara ke tahap yang lebih tinggi. Kerajaan juga telah menyediakan dana strategik pelaburan domestik bernilai RM1 bilion di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Dana ini bertujuan untuk memanfaatkan aktiviti penyebaran luar dan perolehan teknologi oleh syarikat tempatan.

Pada amalannya, penyebaran luar ini dan perolehan teknologi ini selalunya berkisar kepada sektor industri perkilangan atau pembuatan. Maka adalah disarankan juga dana tersebut dinikmati oleh mereka di sektor pertanian. Contohnya memindahkan teknologi pembenihan tanaman, pemindahan teknologi hortikultur, pemindahan teknologi nano kultur, pemindahan teknologi *food traceability*, pemindahan teknologi mekanikal pertanian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memainkan peranan penting dalam transformasi negara bagi mempercepatkan pertumbuhan IKS dan perluasan skop kawasan industri di seluruh negara, dana sebanyak RM1 bilion akan disediakan di bawah Skim Pembangunan IKS bawah kendalian SME Bank. Langkah ini memudahkan akses IKS untuk mendapat pembiayaan dan seterusnya memajukan perniagaan mereka.

Syabas kepada SME Bank yang telah menjalankan tanggungjawabnya dengan cekap dan amanah. Namun, atas permintaan peminjam yang semakin bertambah, adalah sewajarnya diminta pihak SME Bank dapat menambah cawangan-cawangan di seluruh negara dan mengadakan satu mekanisme memproses dan meluluskan pinjaman dengan lebih cepat. Pertimbangan-pertimbangan risiko memberi pinjaman yang konservatif perlulah dilonggarkan sedikit. Memandangkan bahawa para peminjam ini kadang-kadang mempunyai kekangan kewangan yang kurang kukuh, tetapi mempunyai peluang dan kepakaran di dalam industri mereka. Kerap rungutan didengari.

Justeru itu, bagi kebaikan bersama, adalah diminta pihak bank supaya lebih proaktif memberi maklumat dan penerangan mengenai produk-produk mereka dan apakah harapan mereka dari para peminjam. Pilihan kepada sumber kewangan lain mungkin ada, tetapi kita harus jelas bahawa kerajaan menubuhkan SME Bank ini bagi membantu para pengusaha industri kecil dan sederhana.

■1950

Terdapat juga 1.5 juta penjaja dan peniaga kecil menjalankan perniagaan secara tradisional dalam struktur perniagaan kecil dan pendapatan harian yang tidak menentu. Sehubungan dengan itu sebagai tanda keprihatinan dengan kekangan dihadapi oleh mereka, sekiranya berlaku kemudaratan, hilang upaya serta kematian. Kerajaan mencadangkan skim perlindungan insurans berkelompok kepada penjaja dan peniaga kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Skim ini akan melihat perlindungan maksimum sehingga RM5,000. Buat pertama kalinya kerajaan akan membiayai skim ini dengan peruntukan sebanyak RM16 juta setahun. Skim ini amat membantu para penjaja dan peniaga kecil. Walaupun had perlindungan hanya diberi RM5,000 tetapi sudah cukup membantu kepada golongan berpendapatan rendah. Ini bermakna kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang amat prihatin kepada golongan-golongan seperti ini. Terima kasih kepada kerajaan.

Kemudahan pinjaman secara mudah dan cepat sekali menjadi kekangan kepada usahawan kecil dan juga bumiputera. Dengan tertubuhnya Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha-usaha Niaga (TEKUN), usahawan kecil ini mampu memulakan dan memajukan lagi perniagaan mereka. Sehingga kini, TEKUN telah menyalurkan pinjaman sebanyak RM2.24 bilion kepada 224,175 usahawan kecil di seluruh negara termasuk jumlah sebanyak RM34.5 juta pada 4,212 usahawan masyarakat India di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India. Bagi tahun 2013 kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM350 juta termasuk daripadanya adalah RM50 juta kepada masyarakat India.

Sungguhpun begitu pihak kerajaan diminta untuk mempertimbangkan untuk memberi pinjaman pusingan perniagaan untuk jangka masa panjang, mempercepatkan proses kelulusan pinjaman dan akhirnya mempertingkatkan jumlah pinjaman. Pinjaman tanpa cagaran ini amat membantu golongan peminjam mikro kredit tanah air dan tidak dinafikan dapat menghindarkan mereka dari meminjam dari ah long ataupun ceti.

Fokus kedua saya, untuk memperkasakan pendidikan dan latihan. Dengan ini kerajaan telah menjadikan bidang pendidikan sebagai agenda utama negara. Kerajaan juga menyedari pelaburan di dalam bidang ini adalah pra syarat kepada sebuah negara yang makmur dan pembangunan rakyat yang sejahtera. Lalu setiap tahun menyaksikan peruntukan besar dan kali ini 21 peratus dari keseluruhan bajet. Bagi Bajet 2013 ini, sebanyak RM38.7 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran meliputi peruntukan mengurus dan membangun.

Untuk itu memperkukuhkan pendidikan awal kanak-kanak, geran pelancaran RM10,000 kepada penyelia pusat pendidikan awal kanak-kanak iaitu ECCE swasta untuk membantu mereka membuka taska baru yang berkualiti. Dianggarkan 1000 ECCE swasta baru akan mendapat manfaatnya. Justeru itu, adalah menjadi harapan supaya bantuan kerajaan ini tidaklah terhenti dengan pemberian geran sebanyak RM10,000 sahaja malah dialu-alukan dan diharapkan juga kerajaan dapat memberi latihan kepada pengendali ECCE dan memberi input peralatan mengajar.

Bagi latihan dan kemahiran, untuk tujuan ini pada bajet 2013 sejumlah RM3.7 bilion akan disediakan untuk melatih pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional. Setiap tahun hampir 180,000 graduan berkelulusan diploma dan sarjana muda menamatkan pengajian daripada institusi pengajian tinggi. Untuk membantu mereka yang masih menganggur maka kerajaan akan melancarkan *Graduate Employability Blueprint* dengan izin pada penghujung tahun 2012.

Rangka kerja ini akan memberi tumpuan untuk memperkukuhkan lagi kebolehpasaran graduan. Dalam hal ini kerajaan akan menubuhkan *Graduate Employability Taskforce* dengan peruntukan RM200 juta. Kerajaan juga akan memperuntukkan RM440 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi memberi pinjaman kepada pelatih untuk menjalani latihan kemahiran. Langkah ini akan dapat memanfaatkan hampir 40,000 pelatih di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1 hingga 5.

Kerajaan juga memperuntukkan RM366 juta bagi menaik taraf serta memberi peralatan Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Belia Negara. Sungguhpun begitu ada segmen yang mungkin terlepas pandang iaitu golongan suri rumah sepenuh masa dan juga golongan warga emas. Selaras dengan slogan menuntut ilmu sepanjang hayat, adalah diminta kerajaan mempertimbangkan satu modul yang dapat memberi ilmu pengetahuan kepada golongan ini. Satu pendekatan mesra ilmu juga ataupun pendekatan *hands on* adalah dicadangkan.

Bagi negara-negara maju, pengajaran interaktif di atas talian telah dipraktikkan. Kaedah ini boleh kita tiru dan contohi malah di Jepun pendekatan sebegini menarik perhatian ramai, bukan sahaja golongan sasaran tertentu malah para profesional juga mengikuti kelas-kelas begini. Ada di antaranya doktor, jurutera, guru dan lain-lain. Bagi golongan di luar bandar yang tidak dapat liputan internet, satu unit bergerak memberi ilmu pengetahuan secara *hands on* boleh dilaksanakan. Pihak kerajaan boleh melaksanakannya melalui agensi-agensi kerajaan ataupun dibuat secara *out searching*. Banyak kepakaran yang berkaitan ilmu pertanian, ilmu perikanan atau ilmu penternakan boleh dilaksanakan melalui program sebegini.

Untuk fokus ketiga saya ingin menyentuh tentang membudayakan inovasi iaitu meningkat kreativiti. Aktiviti R&D pula akan terus diberi penekanan. Pelbagai penemuan hasil R&D Institusi Penyelidikan Awam berpotensi untuk dikomersialkan. Maka kerajaan memperuntukkan sebanyak RM600 juta kepada lima buah universiti penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang strategik seperti nano-teknologi, automotif teknologi, bioteknologi dan juga aeroangkasa.

Tahniah kepada universiti-universiti tempatan yang telah diberi kepercayaan dan amanah. Sukacita juga menyebut bahawa hasil selidik dan penemuan saintifik mereka ini amatlah kita banggakan. Kita sering terbaca di dada-dada akhbar kemenangan pingat oleh saintis-saintis kita di peringkat antarabangsa. Untuk merancakkan aktiviti pengkomersialan penemuan R&D institusi pendidikan awam, kerajaan mencadangkan galakan cukai sedia bagi pengkomersialan penemuan R&D berasaskan aktiviti sumber dikhususkan kepada aktiviti berasaskan bukan sumber yang digalakkan di bawah Akta Penggalak Pelaburan 1986.

Untuk mempergiatkan pelaburan modal teroka oleh pelabur individu. Merujuk kepada usahawan muda yang tepat. Sememangnya didapati mereka yang mempunyai idea ataupun produk yang inovatif dan boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa namun berhadapan dengan sumber pembiayaan terhad. Oleh itu sumber pembiayaan alternatif, penglibatan secara langsung, pelabur, pemangkin ataupun NGO *investor* di peringkat awal perniagaan adalah amat penting bagi merealisasikan pelaburan dan daya saing syarikat teroka.

Sehubungan itu, kerajaan mencadangkan potongan cukai bersamaan pelaburan oleh pelabur pemangkin dan dalam syarikat teroka dibenarkan ditolak daripada semua jenis pendapatannya. Adalah diharapkan kerajaan segera menubuhkan satu forum agen *investor* ini. Ianya membolehkan para usahawan mendapat maklumat jelas siapakah mereka. Bukan apa di zaman yang serba canggih ini, pelbagai program *scam* iaitu menipu wujud setiap hari. Berbagai kreativiti mereka yang berlindung di belakang institusi yang dikatakan sah dan halal, yang sebenarnya mereka menipu dan berniat memanipulasikan keadaan. Lihatlah, apabila kerajaan menyokong penggunaan dinar emas, timbul skim jual emas misalnya dan sebagainya.

Fokus keempat saya ialah konsolidasi fiskal dan modal fiskal dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan awam. Dengan memberi perkhidmatan terbaik penjawat awam mesti menerapkan budaya kreativiti dan juga inovasi. Amalan kerja mestilah cepat, tepat dan berintegriti. Langkah ini akan mencetuskan paradigma baru dan seterusnya meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi perkhidmatan awam lebih efisien dan efektif serta lebih *responsive.* Adalah dibuat gesaan supaya di dalam KPI pentadbiran di peringkat negara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kerana jam telah menunjukkan tepat pukul 8 malam, sebagaimana yang telah kita tetapkan pada hari ini, Yang Berhormat ada panjang lagi kah?

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: ...Tidak panjang lagi. Tidak apalah, maka dengan ini....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat bolehlah sambung pada pagi esok ya dan juga kepada Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim, boleh berucap esok ya? Oleh yang demikian saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, ingin memaklumkan kepada semua bahawa pada esok hari Rabu, 12 Disember 2012 adalah hari terakhir perbahasan bagi Perbahasan Bajet 2013. Hari Khamis, 13 Disember 2012 dan Isnin, 17 Disember 2012, dua hari adalah diuntukkan bagi giliran kementerian-kementerian menjawab ke atas perbahasan yang telah kita jalankan sekarang ini dan saya berharap wakil-wakil kementerian, pihak Menteri, pihak Timbalan Menteri yang akan datang ke Dewan ini memberi jawapan, saya harap dapat memberikan jawapan yang tepat, yang bagus agar dapat memuaskan Ahli-ahli Dewan yang mulia.

Juga saya ingin menarik perhatian kepada semua ahli Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tidak dijawab oleh kementerian, bangun untuk menarik perhatian mereka. Ruang ini kita ubahsuaikan mulai 13 Disember 2012. Bagi esok, perbahasan kita akan diteruskan dan mereka yang telah memberi nama di sini ialah pertama tadi Yang Berhormat Puan Roslin akan menyambung dan seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim dan seterusnya Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar, Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah, Yang Berhormat Tuan Subramaniam dan akhir sekali Yang Berhormat Datuk Chiw Tiang Chai.

Saya harap tidak ada siapa-siapa Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap kerana saya sudah bagi masa yang lama. Inilah orang-orang yang akan berucap esok, *so* senang saya membahagikan masa untuk bahagi masa yang sebaik-baik kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian sahajalah dimaklumkan pada setakat ini dan kita akan tangguhkan Dewan ini sehingga esok hari, 12 Disember 2012 pada jam 10 pagi. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.02 malam.]